



2016 LAPORAN TAHUNAN

Sentiasa Merintis Sentiasa Menerajui

Kandungan

1.0	Maklumat Korporat	3
1.1	<i>Sejarah Penubuhan</i>	4
1.2	<i>Visi, Misi, Kualiti Objektif</i>	6
1.3	<i>Matlamat Pendidikan</i>	7
1.4	<i>Piagam Pelanggan</i>	7
1.5	<i>Pelan Strategik UTeM 2012-2020</i>	8
1.6	<i>Data Ringkas</i>	10
2.0	Latar Belakang	13
2.1	<i>Canselor</i>	14
2.2	<i>Pro Canselor</i>	16
2.3	<i>Lembaga Pengarah Universiti</i>	18
2.4	<i>Pengurusan Universiti</i>	20
2.5	<i>Senat Universiti</i>	24
2.6	<i>Jawatankuasa Audit Dalam</i>	26
2.7	<i>Struktur Organisasi</i>	27
3.0	Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	30
4.0	Pencapaian Berimpak UTeM 2015	31
5.0	Petunjuk dan Laporan Prestasi Utama (KPI) Menteri	43
6.0	Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	45
7.0	Merintis Teknologi Masa Hadapan	71
8.0	Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	75
9.0	Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	93
10.0	Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	99
11.0	Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	111
12.0	Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Alumni	119
13.0	Pengurusan Bakat	127
14.0	Prestasi dan Laporan Kewangan	147



1.0

MAKLUMAT KORPORAT

- 1.1 Sejarah Penubuhan
- 1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif
- 1.3 Matlamat Pendidikan
- 1.4 Piagam Pelanggan
- 1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020
- 1.6 Data Ringkas

MAKLUMAT KORPORAT

1.1 Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model ‘*fachhochscule*’ (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan ‘practical-oriented’. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima (5) program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan empat (4) buah fakulti

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan empat (4) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.


Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu “Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui”.

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



1.2 Visi, Misi dan Objektif



1.3 Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai di kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

1.4 Piagam Pelanggan

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf tujuh (7) hari bekerja selepas Mesyuarat Panel
- iv. Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang;
Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima;



- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar;
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh empat (4) bulan selepas penerimaan;
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisyen, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian;
- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh dua (2) minggu;
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut;
- xiii. Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus;
- xiv. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh dua (2) hari bekerja;
- xv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh tiga (3) hari selepas menerima notis; Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

1.6 Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti tren globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampingan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.

UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penajaran set minda yang seterusnya diperkuuhkan melalui percambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini diacu oleh enam (6) tema strategik utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih berdasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam (6) tema tersebut adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti dan Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan



Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu maupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.



1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan:
**Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
[P.U. (A) 45/2007]**

10 Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
Naib Canselor

Alamat:
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No.Telefon :
06-5552000 (Kampus Induk)
06-2833400 (Kampus Bandar)
06-2346898 (Kampus Teknologi)

No. Faks:
06-3316111

Alamat emel :
nc_utm@utm.edu.my

Laman web:
http://www.utm.edu.my

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat (**Luar Kampus Induk**)

i - Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Bandar
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka, Malaysia

Pusat Pengajaran & Pembelajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Bandar
 Jalan Hang Tuah
 75300 Melaka, Malaysia

Penerbit Universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Bandar
 Jalan Hang Tuah
 75300 Melaka, Malaysia

Pusat Pembangunan Keusahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Bandar
 Jalan Hang Tuah
 75300 Melaka, Malaysia

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Teknologi
 Hang Tuah Jaya
 75450 Ayer Keroh
 Melaka, Malaysia

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Teknologi
 Hang Tuah Jaya
 75450 Ayer Keroh
 Melaka, Malaysia

Pusat Kelestarian Alam Sekitar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Teknologi
 Hang Tuah Jaya
 75450 Ayer Keroh
 Melaka, Malaysia

Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Teknologi
 Hang Tuah Jaya
 75450 Ayer Keroh
 Melaka, Malaysia

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Teknologi
 Hang Tuah Jaya
 75450 Ayer Keroh
 Melaka, Malaysia

Pejabat Penasihat Undang – Undang

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Kampus Teknologi
 Hang Tuah Jaya
 75450 Ayer Keroh
 Melaka, Malaysia



MELAKA

Teknikal Gemilang

"Ho
Sentiasa



2.0 LATAR BELAKANG

HOME OF UTeM '
a Merintis, Sentiasa Menerajui




CANSELOR

Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob
Yang di-Pertua Negeri Melaka

YBhg. Tan Sri Datuk Dr.
Hadenan bin Abdul Jalil





PRO CANSELOR

YBhg. Datuk Wira Ismail
bin Saleh

**Pengerusi :**

1 - YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali, FASc.

Ahli :

- 2 - YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
- 3 - YB. Datuk Seri Hj. Naim bin Abu Bakar
- 4 - YBhg. Dato' Amir bin Md Noor
- 5 - YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Raman bin Haji Saad
- 6 - YBhg. Datuk Ir. Hj. Baharam bin Mohd
- 7 - YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain



- 8 - YB. Senator Datuk Zali bin Mat Yasin
- 9 - YBhg. Datuk Omar Shariff bin Mydeen
- 10 - YBrs. Pn. Kholiah binti Ismail
- 11 - YBrs. En. Azrul bin Aziz
- 12 - YBrs. Encik Mohd Nazri bin Md Shariff

Ahli Silih Ganti :

- 13 - YBrs. Encik Jamalulail bin Abu Bakar
- 14 - Y.Bhg. Datuk Hasan bin Sirun (**Pendaftar / Setiausaha**)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



1. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
Naib Canselor
2. Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. Profesor Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
5. Profesor Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
6. Profesor Datuk Dr. Zolkepli bin Buang
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



7. Datuk Hasan bin Sirun
Pendaftar
8. Encik Khairul bin Taib
Bendahari
9. Puan Hajah Faridah binti Hj. Md Amin
Ketua Pustakawan
-sehingga 4 Oktober 2016
10. Encik Mohd Isa bin Mohd Dom
Ketua Pegawai Maklumat
11. Datuk Azhar bin Mohamed
Penasihat Undang-Undang

PEGAWAI KANAN UNIVERSITI



1. Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
2. Profesor Madya Dr. Nurul Fajar bin Abd. Manap
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
3. Profesor Madya Ir. Dr. Md Nazri bin Othman
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik
4. Profesor Madya Dr. Noreffendy bin Tamaldin
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
5. Profesor Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
6. Profesor Dr. Burairah bin Hussin
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



7. Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid
Dekan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
8. Profesor Madya Mohd Rahimi bin Yusoff
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
9. Dr. Zawiyah binti Mat
Dekan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
10. Profesor Madya Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus
Dekan, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

2.5 Senat Universiti

Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib

Naib Canselor

Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Profesor Datuk Dr. Zolkepli bin Buang

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Ir. Dr. Md Nazri bin Othman

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Profesor Madya Dr. Noreffendy bin Tamaldin

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh

Dekan ,Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Dr. Burairah bin Hussin

Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid

Dekan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Profesor Madya Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus

Dekan, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

Dr. Zawiyah binti Mat

Dekan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Profesor Madya Mohd Rahimi bin Yusoff

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Profesor Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan

Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Profesor Dato' Dr. Abu bin Abdullah

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani

Pengerusi Majlis Profesor Universiti

Profesor Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof

Pengarah, Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko

Profesor Dr. Salleh bin Yahya

Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan

Datuk Hasan bin Sirun

Pendaftar

Encik Khairul bin Taib

Bendahari

Puan Hajah Faridah binti Hj. Md Amin

Ketua Pustakawan

Encik Azhar bin Mohamed

Penasihat Undang-Undang

LAr Abdul Wahab bin Harun

Pengarah Pejabat Pembangunan

Encik Mohd Isa bin Mohd Dom

Ketua Pegawai Maklumat / Pengarah, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK)

JAWATANKUASA AUDIT DALAM 2016


26


Laporan Tahunan UTeM 2016



1. YB. Datuk Seri Hj Naim bin Abu Bakar
Pengerusi
2. YB. Senator Datuk Zali bin Mat Yasin
Ahli
3. YBrs. Encik Azrul bin Aziz
Ahli
4. YBrs. Puan Kholiah binti Ismail
Ahli

2.7 Struktur Organisasi







3.0 LAPORAN PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI

Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum dan Salam Hormat,

Alhamdulillah, saya beryukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan 2016 dapat diterbitkan mengikut jadual untuk rujukan semua pihak.

Dalam usaha memperkasa sistem penyampaian di Universiti dan memartabatkan UTeM sebagai Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif dan di antara yang terkemuka di dunia, pelbagai inisiatif telah dipergiatkan sealiran dengan hala tuju yang telah ditetapkan di peringkat kerajaan, khususnya melalui Kementerian Pendidikan Tinggi. Bagi memastikan kesepakatan antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti sentiasa utuh dalam memajukan Universiti, beberapa platform diwujudkan termasuk retreat Lembaga Pengarah Universiti bersama pengurusan tertinggi Universiti sebagai satu landasan yang melihat semula sasaran dan pencapaian Universiti. Keselarasan matlamat ini membantu dalam memastikan kelancaran pelaksanaan setiap perancangan yang telah diaturkan.

Bagi memastikan UTeM sentiasa relevan dengan keperluan negara menerusi penghasilan graduan yang berkualiti, jaringan antara Universiti dan pihak industri serta Universiti-universiti di luar negara telah dipertingkatkan. Hubungan seperti ini adalah penting dalam menyuburkan wadah intelektual dan kesarjanaan di Universiti di samping mempertingkatkan kemudahan alatan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam mengharungi cabaran sosioekonomi yang pelbagai warna kini, kesediaan tenaga sumber manusia yang berpadanan dengan keperluan semasa telah diterjemahkan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Universiti. Pelan ini akan terus mendorong kepada pembentukan staf yang bersih-sih murni dan akhirnya membantu meningkatkan kecemerlangan Universiti.


Menempuh cabaran ekonomi yang penuh cabaran, aspek kelestarian kewangan Universiti juga terus diperkuuh menerusi aktiviti penjanaan pendapatan yang strategik. Menerusi pelbagai platform penjanaan pendapatan seperti menyemarakkan roh wakaf di kalangan warga Universiti dan tabung-tabung sumbangan serta mengoptimumkan sumber dalaman sedia ada dilihat sebagai alternatif kepada kebergantungan dana dari pihak Kementerian.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah memberikan kepercayaan terhadap Universiti dalam pelbagai perkara. Penghargaan juga turut dipanjangkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama erat dalam membangunkan Universiti secara khususnya dan pendidikan tinggi negara secara amnya.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada semua pemegang taruh (stake-holders) dan pelanggan atas sokongan padu yang diberikan kepada Universiti. Saranan dan sokongan yang diberikan oleh semua pemegang taruh serta pasukan pengurusan amat dihargai. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada seluruh warga UTeM atas usaha, inisiatif, sumbangan idea dan kepakaran berterusan yang telah dipamerkan sepanjang tahun 2016.

Saya berdoa agar kebersamaan dan keterangkuman dalam menjalankan tugas dan merealisasikan visi dan misi Universiti terus dikekalkan demi masa depan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.
Sekian, wassalam.

Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali, FASc.
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



4.0 PENCAPAIAN BERIMPAK 2016

Enrolmen pelajar bidang Teknologi Kejuruteraan paling ramai dalam kalangan Rangkaian MTUN.

Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menyaksikan iltizam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk memperkasa bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) ke arah negara berpendapatan tinggi.

UTeM ketika ini mengungguli program teknologi kejuruteraan dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) menerusi enrolmen pelajar paling ramai dengan jumlah 3,750 orang.

Selain itu, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) juga merupakan satu-satunya program ICT berteraskan teknologi permainan yang ditawarkan di kalangan universiti awam.

32

Human Resource Manager (HRM) Roundtable 2016

Kerjasama UTeM dengan pihak industri terus diperkasakan melalui penganjuran *Human Resource Manager (HRM) Roundtable 2016* yang memberi manfaat dan impak positif melalui perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara universiti dan industri.

Program ini bertujuan mendapat pandangan serta saranan pihak industri terhadap ciri-ciri graduan yang diperlukan dalam pasaran kerja semasa, pembentukan program akademik yang relevan dengan keperluan industri, menjalin rangkaian kerjasama strategik serta memperkasa perkongsian penyelidikan.

Pertemuan melibatkan lebih 30 syarikat itu merupakan platform yang memberi manfaat besar kepada kedua-dua pihak kerana saling melengkapi antara satu sama lain yang mana pihak industri meletakkan keperluan manakala pihak universiti memenuhi keperluan tersebut seterusnya mewujudkan senario yang bakal merancakkan pertumbuhan dalam sektor perindustrian

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)

UTeM telah melancarkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang berperanan sebagai pusat rujukan transformasi komuniti khususnya dalam pembangunan dan pemantapan komuniti setempat.

Ia juga bertujuan untuk menggerakkan sumber fizikal dan kepakaran intelektual yang terdapat di UTeM bersama komuniti setempat serta mendekatkan warga kampus dengan komuniti.

Knowledge Transfer Programme (KTP)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) menjalankan kerjasama strategik bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang lestari sekaligus membantu negeri Melaka menjadi Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020.

Kerjasama di bawah Program Pemindahan Ilmu (KTP) itu melibatkan kawasan sekitar Ayer Keroh dan pelaksanaannya itu juga dijangka dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan pengangkutan awam serta kaedah penggunaan pengangkutan darat yang lestari bagi mengurangkan penggunaan karbon di negeri ini.

KTP merupakan inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh UTeM untuk memahami permasalahan dalam komuniti bagi meningkatkan pemindahan dan perkongsian ilmu melalui pertukaran idea kreatif dan inovatif, penemuan kajian, pengalaman dan kemahiran antara universiti, organisasi dan masyarakat.

UTeM dengan kerjasama MPHTJ serta beberapa agensi lain akan melaksanakan beberapa program pemindahan ilmu berkaitan penggunaan pengangkutan darat serta pemantapan pengetahuan berkenaan pengurusan pengangkutan yang melibatkan pihak MPHTJ serta masyarakat di sekitar Ayer Keroh.

Satu pelan tindakan atau blueprint serta penggunaan Sustainable Transport Appraisal Framework (STAF) akan dibangunkan untuk digunakan sebagai garis panduan dalam usaha melestarikan penggunaan kenderaan dan pengangkutan di kawasan pentadbiran MPHTJ.

33

Pameran Teknologi Malaysia (MTE) 2016

Penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempamerkan kecemerlangan dalam inovasi dengan meraih empat pingat emas, lima perak, tujuh gangsa dan tiga anugerah khas dalam Pameran Teknologi Malaysia (MTE) 2016.

Pingat emas dimenangi Dr Mohd Asyadi Azam Mohd Abid dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) Prof. Madya melalui produk Advanced Prototype Of Graphene Supercapacitor yang turut merangkul anugerah khas.

Dr. Raja Nor Firdaus Kashfi Raja Othman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) turut memenangi pingat emas dan anugerah khas melalui produk High Torque-Power Density Permanent Magnet Machine.

Pingat emas juga turut disumbangkan oleh Tarmizi Ahmad Izzudin dari FKP melalui produk penyelidikan Mind X Gyro Wheelchair System dan Prof. Madya Ir. Dr. Puvanasvaran A. Perumal dari FKP dengan produk Performance Benchmarking Through LEMIS For ISO14001 Practitioner.

Pingat perak disumbangkan oleh Zul Hasrizal Bohari (FKE) dengan produk Bioelectricity: Microbial Fuel Cell At Sewage Treatment Plant (STP) yang turut meraih anugerah khas, Mahasan Mat Ali (FKP) dengan produk Waste Kinetic Energy Recovery System, Dr. Kok Swee Long dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan produk E-Sense Pathway, Nor Haslinda Ismail dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(FTMK) dengan produk Rakan Keselamatan Universiti (RKU) dan Dr Massila Kamalrudin juga dari FTMK dengan produk MobiMEReq: An Automated Security Requirements Validation Tools For Mobile Application Development.

Pingat gangsa pula berjaya diraih oleh Prof. Madya Dr. Gan Chin Kim (FKE), Prof Madya Dr Zahriladha Zakaria (FKEKK), Mohamad Fani Sulaima (FKE), Dr. Ahmad Anas Yusof dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Mohd Shahir Bin Kasim (FKP), Khairun Nisa Binti Khamil (FKEKK) dan Dr. Massila Binti Kamalrudin (FTMK).

International Conference on Engineering & ICT (ICEI 2016)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan International Conference on Engineering & ICT" (ICEI 2016) pada 4 hingga 6 April 2016.

34

Persidangan kali ke 4 anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) itu bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli akademik, ahli sains, jurutera dan teknologis membentangkan pencapaian kajian dan penemuan saintifik mereka dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di peringkat antarabangsa.

ICEI 2016 turut berperanan memberi pendedahan kepada pihak industri berkaitan peluang kerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan perundingan dengan universiti bagi mengukuhkan jaringan kerjasama universiti dan industri.

Persidangan bertemakan "Pioneering Future Innovation Through Green Technology" itu turut membantu mempromosi kemudahan dan kepakaran yang dimiliki UTeM bagi menggalakkan hubungan kerjasama dan perkongsian pintar diantara universiti tersebut dengan pihak industri.

Persidangan itu turut menampilkan ucaptama oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perodua Datuk Aminar Rashid Salleh dan Professor Dr. Yasutaka Fujimoto dari *Yokohama National University* serta pembentangan 180 kertas kerja dari peserta dalam dan luar negara.

Zon Pembabitan Industri (Ind-E-Zone)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (Talent Corp) melancarkan Zon Pembabitan Industri (Ind-E-Zone) pada 11 April 2016 bertujuan untuk membantu pelajar mendapatkan pekerjaan sebaik tamat pengajian.

Penubuhan Ind-E-Zone di Perpustakaan UTeM itu bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat dan peluang berkaitan kerjaya malahan turut dilihat memperkasakan peranan perpustakaan sebagai gudang ilmu dan pusat rujukan.

Ind-E-Zone merupakan pusat sehenti maklumat kerjaya bagi meningkatkan kebolehpekerjaan para pelajar di negara ini sekaligus merapatkan jurang antara majikan dan universiti.

Ind-E-Zone turut berperanan menyediakan kandungan yang relevan dengan industri dan mendidik pelajar mengenai peluang latihan dan kerjaya dalam industri utama Malaysia.

Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Negeri Melaka

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Yayasan Melaka (YM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka berganding bahu melaksanakan Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) melibatkan 50 buah sekolah rendah dengan penyertaan pelajar seramai 1300 orang.

Program itu bertujuan meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah negeri ini serta melengkapkan para pelajar dengan kemahiran berkomunikasi dan menulis dalam bahasa tersebut.

UTeM berperanan dalam penyediaan modul bagi sesi pembelajaran dan pakar bahasa terdiri daripada kakitangan akademik, tenaga fasilitator, pengendalian sesi penilaian untuk peserta terlibat serta penyediaan laporan keberkesanan.

Program itu bertepatan dengan misi UTeM untuk bekerjasama dengan semua pihak bagi meningkatkan perkongsian ilmu antara universiti dan komuniti sekaligus menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan bidang pendidikan di negeri Melaka.

Pasukan Petugas Khas Industri Pembuatan Negara


Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dipilih sebagai rakan strategik oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menganggotai pasukan petugas bagi menjalankan kajian mengenai masa depan sektor industri pembuatan di negara ini.

Kajian untuk tempoh 12 bulan itu bertujuan membantu MIDA dalam merangka strategi dan inisiatif bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan langsung asing serta pelaburan domestik relevan.

Seiring dengan pertumbuhan pesat dalam industri pembuatan, penubuhan pasukan petugas itu juga bertujuan untuk melakukan kajian mengenai isu-isu berkaitan aspek teknologi dan ekonomi pelaburan dalam ekosistem pembuatan Malaysia.

Hasil kajian itu akan membolehkan MIDA berperanan untuk menasihati pihak kerajaan mengenai industri pembuatan di Malaysia dengan menyediakan cadangan dan pelan tindakan seperti pakej insentif yang sesuai, strategi promosi dan industri yang disasarkan.

Kerjasama tersebut diyakini akan memberi manfaat dan impak positif melalui perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara universiti dan pihak industri.



Program Fakulti CEO UTeM-Samsung Malaysia

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) menampilkan Presiden Samsung Malaysia Lee Sang Hoon bagi memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap bidang yang diceburi sebelum bergraduat.

Program yang dihadiri oleh pelajar UTeM dari pelbagai fakulti itu turut bertujuan bagi melahirkan graduan yang holistik dan seimbang.

Program itu merupakan antara inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bertujuan meningkatkan penyertaan sektor industri dan awam dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran masing-masing.

36

Penarafan 5 Bintang Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima penarafan lima bintang dari *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDeC) untuk tahun kelima berturut-turut semenjak tahun 2011.

Berdasarkan kepada laporan ‘Provider-Based Evaluation (ProBE)’ tahun 2015 yang dikeluarkan baru-baru ini, MDEC telah melaksanakan penilaian terhadap hampir 900 laman web dan portal kerajaan dengan memfokuskan elemen seperti kandungan, kebolehgunaan, keselamatan, penyertaan dan perkhidmatan.

Penarafan itu merupakan hasil usaha dan komitmen berterusan semua pihak dalam usaha memastikan portal UTeM menjadi sumber rujukan utama dan bermanfaat kepada pelajar, staf serta pengunjung atas talian.

Pengiktirafan itu juga akan melonjakkan lagi iltizam UTeM untuk terus mempromosikan nama universiti itu ke persada global menggunakan laman web selain penggunaan medium yang lain.

Anugerah Geospatial Kebangsaan (AGK)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memenangi Anugerah Geospatial Kebangsaan (AGK) menerusi Projek Personal Remote Sensing System (PRSS) ciptaan kumpulan penyelidik diketuai pensyarah kanan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Prof. Madya Dr. Asmala Ahmad.

Anugerah tersebut merupakan satu inisiatif bagi mengiktiraf agensi-agensi yang bergiat aktif dan inovatif dalam bidang geospatial. AGK diperkenalkan bagi merangsang penggunaan teknologi geospatial seterusnya meningkatkan inovasi dalam bidang geospatial yang menjurus kepada pembangunan negara.

PRSS menawarkan kaedah inovatif dalam penggunaan teknologi “remote sensing” untuk tujuan peribadi yang mampu dikendalikan oleh seorang pengguna pada mana-mana tempat dan bila-bila masa sahaja.

PRSS dibangunkan untuk berperanan sebagai sistem penderiaan jauh peribadi berdasarkan teknologi hijau yang mesra pengguna. Selain itu, ia berupaya menghasilkan imej yang berkualiti tinggi dengan kos yang berpatutan dan boleh diadaptasikan untuk pelbagai aplikasi.

Anugerah Hijau Negeri Melaka 2016

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima Anugerah Hijau Negeri Melaka 2016 bagi kategori institusi pendidikan tinggi anjuran Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM).

UTeM telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi melestarikan amalan hijau yang inovatif dan mampan dikalangan warganya ke arah menjadikan kawasan dalam kampusnya sebagai Kampus Hijau.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk pengurusan tenaga, pengurusan air dan pepejal yang mampu mengurangkan pembebasan karbon dioksida bagi menjamin pengekalan alam sekitar yang sihat.

Pengurusan universiti bersedia untuk mendepani cabaran dalam menjadikan UTeM sebagai Kampus Hijau sekaligus membantu kerajaan negeri merealisasikan Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020.

37

Kerjasama Strategik UTeM dan SEAMEO SEN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalankan kerjasama strategik dengan Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) Regional Centre for Special Education (SEN), Malaysia bagi memperkasa keperluan pendidikan khas di negara ini.

Kedua-dua pihak turut terlibat dalam aktiviti latihan berkaitan akademik, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan serta khidmat perundingan dalam bidang ICT, multimedia, keusahawanan dan kejuruteraan yang dilihat akan meningkatkan lagi peranan SEAMEO SEN sebagai pusat serantau dan rujukan pendidikan khas dikalangan negara-negara ASEAN.

UTeM dan SEAMEO SEN telah lama bekerjasama menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti berkeperluan khas di negeri ini yang terdiri daripada pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran seperti autisme, masalah penglihatan dan masalah pendengaran.

Antara program yang telah dijalankan dan sedang giat diusahakan ialah Projek Autism Kits (C-TeD ISTE), Ibook on i-Solat dan ibakery for Special Learner dan Ekspo Young Entrepreneurial Inventor (EYEI 2015) anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan (C-TeD).

Laporan Tahunan UTeM 2016

Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menawarkan program Pensijilan Tahfiz Al-Quran kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda UTeM bermula September lalu.

Pelaksanaan program ini bermatlamatkan untuk melahirkan mahasiswa profesional yang berorientasikan pendidikan Al-Quran selain membentuk graduan yang bersifat holistik dan berketerampilan selaras dengan keperluan semasa.

Selain itu, tempoh pengajian untuk program ini adalah selama 6 semester dan para pelajar akan dibimbing untuk menghafal Al-Quran dengan sistem yang telah disusun oleh JAKIM.

38

International Convention Quality Control Circles (ICQCC) 2016

Kumpulan techITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima penarafan emas pada International Convention Quality Control Circles (ICQCC) 2016 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

Kumpulan techITez mempersembahkan projek inovasi Sistem Pendaftaran Pintar (iREG) dalam membantu pendaftaran pelajar baharu UTeM pada setiap tahun.

iREG merupakan sistem aplikasi pintar yang direka untuk membantu pihak universiti semasa pendaftaran pelajar.

Secara puratanya pendaftaran pelajar di UTeM hanya memakan masa antara empat hingga lima minit sahaja bagi setiap pelajar untuk menyelesaikan urusan pendaftaran termasuk kad matrik serta pendaftaran asrama.

International Exposition on Team Excellence (IETEX) 2016

Kumpulan Molia dari Perpustakaan UTeM Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meraih penarafan emas dalam konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) pada International Exposition on Team Excellence (IETEX) 2016 yang berlangsung di Singapura.

Kejayaan itu diperolehi melalui projek inovasi Eureka Tag (E-TAG) yang dicipta dalam membantu urusan penggunaan bilik karel yang terdapat di perpustakaan universiti tersebut.

Bilik karel merupakan antara kemudahan bilik yang disediakan secara percuma di perpustakaan kepada pengguna yang inginkan privasi dan ketenangan yang maksimum ketika mengulangkaji pelajaran atau menyiapkan tugas.

Pengenalan aplikasi ini menyaksikan proses pendaftaran di kaunter yang sebelum ini mengambil masa yang lama telah diperingkatkan sehingga 116% lebih pantas.

Melalui penggunaan aplikasi itu turut membolehkan pengguna menempah bilik tersebut secara atas talian serta memudahkan urusan penjanaan statistik dengan lebih tepat dan cepat.

Pertandingan Robot Antarabangsa Seoul 2016

Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membawa pulang pingat gangsa pada Pertandingan Robot Antarabangsa 2016 yang berlangsung di Seoul Korea Selatan.

Pasukan UTeM mempertaruhkan robot pelbagai tugas dikenali Altino Saeon yang dicipta menggunakan empat perisian komponen utama dan sensor iaitu C programming, Android, Raspberry Pi dan MSRDS Visual Programming untuk melakukan pelbagai tugas dalam sektor pembuatan.

Pertandingan anjuran Kementerian Perdagangan, Industri dan Tenaga Korea Selatan itu turut memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasi pelbagai kemahiran yang telah dipelajari terutama kemahiran teknikal, penyelesaian masalah menggunakan teknologi terkini dan juga kemahiran komunikasi serta kepimpinan.

39

Hari Inovasi Universiti Airbus

Pelajar dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) muncul sebagai juara Hari Inovasi Universiti anjuran Kumpulan Airbus.

Sebanyak 20 buah universiti awam telah menyertai pertandingan itu yang bertujuan untuk memupuk dan mempromosikan semangat inovasi dalam kalangan pelajar universiti.

Pertandingan pertama kali diadakan itu juga bagi meningkatkan semangat dan minat pelajar terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik terutama dalam bidang aeroangkasa

Kemenangan itu menyaksikan UTeM membawa pulang wang tunai RM3,000 beserta plak dan sijil penyertaan.

Anugerah Saintis Dunia (WSA) 2016

Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima pengiktirafan dunia dengan memenangi Anugerah Teknologi dan Sains Dunia pada Anugerah Saintis Dunia (WSA) 2016.

Mohd Ruddin yang juga merupakan Pengurus Majlis Profesor UTeM dipilih berdasarkan sumbangan dan kepakaran beliau dalam bidang sains, teknologi dan inovasi terutamanya kejuruteraan elektrik.

Beliau aktif dalam persidangan, penerbitan jurnal, penulisan ilmiah, penyelidikan, konsultasi serta telah menulis pelbagai kertas kerja dan buku berkaitan kejuruteraan elektrik.

WSA 2016 anjuran Korea Invention News (KINEWS) itu merupakan acara tahunan bertujuan memberi pengiktirafan kepada inovasi baru yang dibangunkan oleh penyelidik dan saintis dari seluruh dunia.

WSA 2016 menyaksikan lebih daripada 50 ahli-ahli sains dan penyelidik dari Hong Kong, China, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Mesir, Iran, Arab Saudi dan juga dari negara tuan rumah, Korea menerima pengiktirafan.

MoU UTeM dan CompTIA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama strategik dengan menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Computing Technology Industry Association (CompTIA).

MoU itu memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak untuk berkongsi kepakaran serta input dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Jalinan kerjasama itu akan menghasilkan tenaga kerja dari kalangan pelajar UTeM yang berkemahiran tinggi serta menjadi pilihan industri berbekalkan pensijilan profesional yang ditawarkan oleh pihak CompTIA, yang diakui sebagai peneraju di dalam penyediaan latihan berteraskan ICT di peringkat antarabangsa.

Ceramah Umum Dr. Zakir Naik

40

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan program syarahan umum Dr. Zakir Naik yang turut dihadiri seramai 20,000 orang.

Dalam syarahan bertajuk Islam:Masalah dan Penyelesaian Untuk Kemanusiaan yang berlangsung lebih dua jam itu, Dr. Zakir telah menyentuh pelbagai isu berkaitan permasalahan umat islam meliputi pelbagai aspek dan bidang.

Dr. Zakir turut menyentuh peranan media antarabangsa yang banyak memberi gambaran yang salah mengenai Islam sehingga agama itu sering disalah anggap sebagai pencetus kepada kegiatan keganasan dan ekstremis kepada penganut agama lain di seluruh dunia.

Penganjuran majlis ilmu itu dilihat platform terbaik bagi memberi penerangan jelas mengenai Islam yang menjadi agama rasmi di negara ini.

MoU UTeM dan PERKESO

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meliputi pelbagai bidang termasuk projek penambahbaikan sistem peralatan rehabilitasi dan projek pembuatan kaki palsu.

Melalui kerjasama ini, penyelidik-penyelidik dari UTeM akan memberikan khidmat kepakaran teknikal kepada Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka dalam membantu pesakit yang sedang menjalani rawatan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka.

Kerjasama itu juga diharapkan dapat melonjakkan lagi keupayaan, daya saing dan kelestarian UTeM serta memberi pengiktirafan kepada warga penyelidik universiti dalam menyumbang kepakaran serta khidmat bakti kepada komuniti.

Kedua-dua pihak turut bekerjasama dalam pembangunan produk inovasi, menjalankan latihan, bengkel dan mesyuarat saintifik mengenai perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama.

Kembara Siswa Patriotik UTeM - KPT

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Program Kembara Siswa Patriotik bertujuan untuk memupuk semangat patriotik dikalangan generasi muda terutamanya para pelajar agar menghargai kehidupan mereka serta cintakan negara.

Program itu telah melibatkan penyertaan lebih 2000 pelajar dari UTeM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Multimedia (MMU), Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi Melaka (MiCoST) serta beberapa Politeknik dan Kolej Komuniti sekitar negeri Melaka.

Penganjuran aktiviti seperti Malam Orkestra Patriotik, Kayuhan Patriotik dan Siswa Patriotik Bersama Komuniti merupakan platform terbaik untuk mendidik dan menyemarakkan lagi semangat patriotisme serta meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara dikalangan para pelajar

Program ini merupakan usaha berterusan pihak kementerian dalam menerapkan semangat patriotisme dan perpaduan dikalangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan secara tidak langsung mewujudkan interaksi sosial dengan komuniti setempat.

Juara Kumpulan Sorak IPT

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjuarai pertandingan “Cheer It Loud” sempena dengan Sambutan Hari Sukan Universiti Antarabangsa 2016 yang berlangsung di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Pertandingan berkonsepkan pasukan ultras itu melibatkan sorakan berkumpulan yang menunjukkan kreativiti setiap pasukan mengikut instrumentasi muzik dengan membawa imej dan identiti setiap universiti.

Ia turut memberi peluang kepada pelajar UTeM untuk menunjukkan bakat kepimpinan serta kreativiti dalam aktiviti berpasukan dengan cara yang tersendiri serta turut dapat meningkatkan rasa sayang kepada universiti kerana setiap pasukan menunjukkan cara untuk meningkatkan semangat kerjasama dalam berpasukan.

UTeM bantu pelajar Malaysia di Mesir

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menghulurkan bantuan berjumlah RM50,000.00 kepada Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh.

Tabung itu merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) bagi membantu pelajar-pelajar yang miskin dan cemerlang di Mesir khususnya dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi.

Ia juga merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) universiti tersebut dalam membantu pihak kerajaan menyelesaikan masalah pelajar-pelajar tersebut terutamanya pelajar cemerlang daripada keluarga kurang mampu.

Sumbangan yang diberikan merupakan hasil sumbangan daripada anak syarikat dan badan kebaikan universiti iaitu UTeM Holdings Sdn Bhd, Neraca Niaga Sdn Bhd, Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM) dan Tabung Amal Jariah UTeM.

Anugerah Buku Negara 2016

Buku terbitan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya mengungguli Kategori Buku Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Terbaik pada Majlis Anugerah Buku 2016 bersempena Ekspo Buku Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Anugerah diraih melalui karya berjudul *Wealth Creation from Commercialization of R&D Product: Real Life Experiences from Malaysian Researchers* ditulis oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor bersama dua pensyarah iaitu Dr. Norain Ismail dan Dr. Safiah Sidek.

Buku berkenaan mengisahkan pengalaman empat tokoh akademik yang berjaya mengkormesil produk kajian mereka selain memuatkan panduan berguna kepada penyelidik yang berhadapan masalah untuk memasarkan produk masing-masing.

Buku ini merupakan sebuah karya ilmiah yang digarap daripada kisah dan pengalaman penyelidik Malaysia dan masalah yang dihadapi mereka dan bagaimana tokoh ini mendepani cabaran itu.

Pengalaman, cabaran dan nasihat daripada keempat-empat tokoh yang dimuatkan dalam naskhah ini dapat menjadi panduan berguna kepada pembaca khususnya kepada golongan penyelidik.



5.0 PENCAPAIAN DAN LAPORAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENTERI

Pencapaian KPI Menteri Tahun 2016

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Menteri Pendidikan Tinggi adalah seperti berikut:

Jadual 1: Petunjuk Prestasi dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2016

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen.	80%	66.24%
2.	Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang berindeks pada tahun sebelumnya di:		
	(i) Universiti Penyelidikan	1.75	
	(ii) Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia	1	0.460
	(iii) Universiti Komprehensif	0.5	
3.	Peratus Staf Akademik Berkelayakan PhD dan setaraf di universiti awam:		
	(i) Universiti Penyelidikan	80%	
	(ii) Universiti Bukan Penyelidikan	45%	35.7%
4.	Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan Latihan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) di IPT	37%	58.6%
5.	Peratus Peruntukan Mengurus Dibiaya Melalui Penjanaan Pendapatan Sendiri bagi Universiti Awam		
	(i) Universiti Penyelidikan	25%	
	(ii) Universiti Bukan Penyelidikan	15%	15.07%
6.	EPP#12: Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa		
	(i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	125,000	278
	(ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca -siswazah	30,000	143



6.0 MELONJAK KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TEKNIKAL

Program Akademik

Pada tahun 2016, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menawarkan lima (5) program Diploma, 25 program Sarjana Muda, 35 program Sarjana, tujuh (7) program Doktor Falsafah, empat (4) program Doktor Kejuruteraan dan satu (1) program Doktor Teknologi Maklumat.

Jadual 2: Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti

Fakulti	Nama Program
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	<p>Pasca Siswazah Doktor Falsafah Doktor Kejuruteraan Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektronik Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)</p> <p>Pra Siswazah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian Diploma Kejuruteraan Elektronik</p>
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	<p>Pasca Siswazah Doktor Falsafah Doktor Kejuruteraan Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik Ijazah Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekatronik Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan dan Robotik)</p> <p>Pra Siswazah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian. Diploma Kejuruteraan Elektrik.</p>
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	<p>Pasca Siswazah Doktor Falsafah Doktor Kejuruteraan Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekanikal Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Gunaan) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Mekanik Struktur) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)</p> <p>Pra Siswazah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian Diploma Kejuruteraan Mekanikal</p>

Fakulti	Nama Program
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	<p>Pasca Siswazah</p> <p>Doktor Falsafah Doktor Kejuruteraan Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri) Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Kepersisan)</p> <p>Pra Siswazah</p> <p>Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian Diploma Kejuruteraan Pembuatan</p>
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	<p>Pasca Siswazah</p> <p>Doktor Falsafah Doktor Teknologi Maklumat Sarjana Sains Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet) Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data) Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian dan Kepintaran) Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan) Ijazah Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)</p> <p>Pra Siswazah</p> <p>Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) Dengan Kepujian Diploma Teknologi Maklumat & Komunikasi</p>

Fakulti	Nama Program
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan	<p>Pasca Siswazah Doktor Falsafah Sarjana Sains Dalam Pengurusan Teknologi Sarjana Sains Dalam Keusahawanan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)</p> <p>Pra Siswazah Ijazah Sarjana Muda Teknousahawan Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)</p>
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	<p>Pra Siswazah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyamanan Udara) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Teknologi) Dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian</p>

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi Semester I Sesi Akademik 2016/2017 adalah seperti jadual di bawah.



Jadual 3 : Statistik pendaftaran pelajar baru bagi Semester I Sesi Akademik 2016/2017

Fakulti	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda (termasuk pelajar Antarabangsa)	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	95	236	331
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	83	131	214
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	95	258	353
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	117	189	306
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	144	358	502
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	-	376	376
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	-	750	750
Jumlah	534	2298	2832

Enrolmen pelajar yang mengikuti pengajian pada Semester I Sesi Akademik 2016/2017 adalah seperti jadual di bawah.


Jadual 4 : Enrolmen Pelajar Semester I Sesi Akademik 2015/2016

Peringkat Pengajian	Program		2015/2016	
Pra Siswazah	Diploma		1,119	
	Ijazah Sarjana Muda		9,302	
Pasca Siswazah	Doktor Falsafah		340	
	Doktor Kejuruteraan		31	
	Sarjana	Penyelidikan (MSc.)	489	
		Mod Campuran	18	
		Kerja Kursus	Sepenuh masa	112
			Pesisir	157
			MBA	42
Jumlah			11,610	

Pascasiswazah

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) UTeM melaksanakan pengambilan pelajar pascasiswazah dua (2) kali setahun iaitu pada Februari dan September. Peningkatan pengambilan pelajar pascasiswazah dapat dilihat sejak dari penubuhan PPS seperti jadual di bawah.


Jadual 5 : Pengambilan Pelajar Pascasiswazah Mengikut Tahun



Peningkatan ini berlaku berdasarkan beberapa faktor seperti promosi, penawaran program pengajian yang komprehensif, pembiayaan MyBrain15 yang diperkenalkan oleh KPT, pembiayaan Skim Zamalah UTeM, geran penyelidikan dan faktor-faktor lain yang berhubungkait dengan aspirasi untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pengantarabangsaan.

Peningkatan dan pengambilan pelajar setiap tahun juga memberi kesan kepada peningkatan enrolmen pelajar pascasiswazah setiap tahun.

Jadual 6 : Enrolmen Pelajar Pascasiswa Mengikut Tahun



Enrolmen semasa pelajar pascasiswa bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 mencatatkan jumlah pelajar seramai 1189 orang. Pecahan pelajar tahun 2016 mengikut Fakulti/Institut dan program adalah seperti berikut:

FAKULTI	PROGRAM							JUMLAH	
	PhD	DEng	Sarjana Penyelidikan (MSc)	Sarjana Mod Campuran	Sarjana Kerja Kursus				
					Sepenuh Masa	Pesisir	MBA		
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	23	3	74	14	-	-	-	114	
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	44	6	81	-	32	28	-	191	
Fkulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	13	3	106	4	27	-	-	153	
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	74	19	111	-	11	69	-	284	
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	125	-	54	-	42	52	-	273	
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	45	-	46	-	-	8	42	141	
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK)	16	-	17	-	-	-	-	33	
JUMLAH	340	31	489	18	112	157	42	1189	


Pelajar Antarabangsa

Selaras dengan hasrat 10 Ijonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri dan 6 tema Pelan Strategik UTeM 2012-2020, PPS terus komited melaksanakan initiatif strategik dan operasi dalam memperkasakan pendidikan teknikal dan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di samping menjana pendapatan bertepatan dengan status autonomi.

Daripada jumlah pencapaian 1189 orang pelajar pascasiswazah pada tahun 2016, 15.6% terdiri daripada pelajar antarabangsa. Peratusan pelajar antarabangsa meningkat sebanyak 3% berbanding tahun 2015 (12.6%). Pecahan pelajar antarabangsa adalah seperti berikut:

52

NEGARA	Bil.
ALGERIA	1
ARAB SAUDI	1
CAMEROON	1
CANADA	1
INDONESIA	53
IRAN	2
IRAQ	72
JEPUN	1
JORDAN	9
LIBYA	14
NIGERIA	2
OMAN	1
PAKISTAN	3
PALESTIN	5
SYRIA	2
TURKI	2
YEMEN	16
JUMLAH	186




Graduan Pascasiswazah

Graduan yang dikeluarkan pada konvokesyen 2016 adalah seramai 310 orang iaitu jumlah tertinggi berbanding tahun sebelumnya. Manakala jumlah graduan siswazah yang telah dihasilkan dari tahun 2006 sehingga tahun 2016 adalah 1354 orang seperti yang digambarkan dalam gambar rajah di bawah:




Jadual 7 : Bilangan Graduan Pascasiswazah Tahun 2016



Graduate on Time (GOT)

Untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan pencapaian KPI tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan (GOT), PPS telah melantik beberapa Profesor dari universiti penyelidikan untuk memberi kursus pendek kepada pelajar PhD dan Sarjana penyelidikan yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian seperti kaedah penyelidikan, penulisan tesis yang berkualiti, kaedah menulis kajian lepas, alat penyelidikan dan pengurusan citation, menganalisa data dan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Peratusan GOT masih dilihat turun naik dan ianya bergantung kepada bilangan pelajar yang mencapai GOT pada sesuatu tahun berbanding dengan jumlah graduan pada tahun tersebut. Peratusan GOT pelajar pascasiswazah dari tahun 2010 – 2016 adalah seperti di bawah.

Jadual 8 : Peratus Pelajar GOT Mengikut Tahun**GRADUATE ON TIME (GOT)****Majlis Konvokesyen Ke 12**

Majlis Konvokesyen ke-12 UTeM telah diadakan pada 14 dan 15 November 2016 bertempat di Dewan Besar UTeM. Seramai 2,792 orang graduan telah menerima pengijazahan kelayakan masing-masing bagi Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Kejuruteraan, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM.

Statistik jumlah graduan UTeM mengikut Fakulti dan kelayakan bagi tahun 2016 adalah seperti di bawah.



Jadual 9 : Statistik Graduan Mengikut Fakulti Tahun 2016

Fakulti	Program	Jumlah	Fakulti	Program	Jumlah
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Diploma	49	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Diploma	46
	Ijazah Sarjana Muda	270		Ijazah Sarjana Muda	243
	Ijazah Sarjana	31		Ijazah Sarjana	59
	Ijazah Doktor Kejuruteraan	1		Ijazah Doktor Kejuruteraan	1
	Ijazah Doktor Falsafah	4		Ijazah Doktor Falsafah	5
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Diploma	40	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Diploma	97
	Ijazah Sarjana Muda	265		Ijazah Sarjana Muda	353
	Ijazah Sarjana	70		Ijazah Sarjana	54
	Ijazah Doktor Falsafah	1		Ijazah Doktor Falsafah	14
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Diploma	53	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	Ijazah Sarjana Muda	206
	Ijazah Sarjana Muda	321		Ijazah Sarjana	18
	Ijazah Sarjana	44		Ijazah Doktor Falsafah	3
	Ijazah Doktor Falsafah	5	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Ijazah Sarjana Muda	539
					Jumlah 2792

55

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Pelaksanaan *Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)*

UTeM telah menyatakan persetujuan penyertaan bagi pelaksanaan Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA) fasa kedua oleh KPT. Penyertaan ini melibatkan sebanyak 30 program yang terdiri daripada 25 program Sarjana Muda dan lima (5) program Diploma dengan sejumlah 2832 orang pelajar tahun pertama sesi 2016/2017.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) (PT) iaitu membentuk graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan.

iCGPA berperanan untuk memacu amalan penajaran konstruktif bagi memastikan reka bentuk kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan proses pentaksiran pada peringkat kursus dan program adalah berkualiti.

ia juga merupakan satu sistem atau mekanisme pentaksiran dan pelaporan mengenai peningkatan dan pembangunan bersepadu pelajar dari segi adab (etika dan nilai murni) yang seimbang, pengetahuan deklaratif dan fungsional serta kemahiran teknikal mereka dalam bidang yang diceburi.

Pelaporan iCGPA setiap semester adalah berbentuk carta radar (spider web) yang terdiri lapan (8) domain *Malaysian Qualification Framework Learning Outcome* (MQF LOD) iaitu:

- i. Knowledge
- ii. Practical Skills
- iii. Social Skills And Responsibilities
- iv. Values, Attitude And Professionalism
- v. Communication, Leadership, And Teamwork Skills
- vi. Problem Solving And Scientific Skills
- vii. Information Management And Lifelong Learning Skills
- viii. Managerial And Entrepreneurial Skills

Oleh itu, pelaporan iCGPA pelajar akan memperlihatkan pencapaian holistik pelajar dan juga pencapaian mereka bagi setiap hasil pembelajaran di sepanjang tempoh pengajian pelajar yang dapat memberi nilai tambah graduan kepada para majikan.

56

Pensijilan Profesional

Pelaksanaan Pensijilan Profesional merupakan kursus yang diwujudkan atas dasar memenuhi Pelan Strategik UTeM bagi Tema 1 iaitu Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal.

UTeM berpandangan keunikan program akademik di UTeM perlu diberi perhatian agar program akademik yang ditawarkan relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan kehendak industri serta jaminan kualiti yang seterusnya akan memberi nilai tambah kepada graduan di UTeM.

Kursus ini akan merekayasakan jati diri graduan dalam bidang teknikal yang mana berupaya menguasai teknik dan kaedah dalam pelbagai bidang berasaskan aplikasi dan amalan serta berfokus atau mengkhusus. Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar Sarjana Muda Sesi kemasukan 2017/2018 yang mana setiap pelajar akan mempunyai sijil profesional.

Syarahan Umum Profesor

Syarahan Umum Pelantikan Profesor dianjurkan adalah untuk mempamerkan pencapaian dan kecemerlangan diri pembentang dalam bidang akademik dan sumbangan sosial beliau terhadap pembangunan ummah dan menyebarkan maklumat dalam bidang teknologi, pencapaian serta penemuan saintifik terkini dalam bidang kejuruteraan jentera dan mesin.

Selain itu juga, menghebahkan kepada industri dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengenai kepakaran yang ada pada diri pembentang untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang mantap di samping perkongsian maklumat dan mempromosi UTeM tentang aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan, keupayaan, kepakaran dan kemudahan yang terdapat di sini agar dapat menjalin kerjasama erat dan lebih berkesan.

Siri Syarahan Umum juga dapat menggalakkan para Profesor dan staf akademik lain untuk terus aktif melaksanakan aktiviti penyelidikan dan meningkatkan profesionalisme diri dan menjadi wadah kepada staf akademik UTeM untuk terus berusaha dalam penyelidikan dan penerbitan bahan ilmiah serta sumbangan masyarakat.

Jadual 10 : Syarahan Umum Profesor Tahun 2016

Bil.	Nama	Tarikh	Tajuk
1.	Prof. Dr.Ahmad Zaki bin A Bakar	6 Mei 2016	Transforming Rural Communities Through ICT" atau "Transformasi Komuniti Luar Bandar Melalui ICT
2.	Prof. Dr.Adi Saptari,	4 November 2016	Manufacturing Industries Challenge in Malaysia: the role of Decision Support Optimization.
3.	Prof. Dr. Qumrul Ahsan	4 November 2016	Composites reinforced with natural Fibers: Story of Sciences, Engineering and Creativity
4.	Prof. Dr. Nanna Suryana Herman	15 Disember 2016	An Introduction To Spatial Object Detection, Spatial Analysis And Visualization Using Geographical Information System And Remote Sensing "

Anugerah Akademik Universiti

Anugerah Akademik Negara telah diambil sebagai rujukan bagi cadangan Anugerah Akademik Universiti (AAU). Anugerah ini adalah satu manifestasi pengiktirafan yang berprestij di peringkat Universiti bagi menghargai pencapaian staf akademik dalam kategori seperti berikut;

- i. Anugerah Tokoh Akademik
- ii. Anugerah Pengajaran
- iii. Anugerah Penerbitan Buku
 - Anugerah Penerbitan Buku bidang Sains dan Teknologi
 - Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial.
- iv. Anugerah Penyelidikan
- v. Anugerah Inovasi & Pengkomersilan Produk
- vi. Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal
- vii. Anugerah Khas Kumpulan
- viii. Anugerah Kualiti Makalah Jurnal.
- ix. Anugerah Akademik Harapan
- x. Anugerah Inovasi e- Pembelajaran

Majlis Anugerah Akademik 2015 telah diadakan pada 30 Mac 2016 di Swiss- Garden Hotel & Residences Melaka dengan Tetamu Kehormat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UTeM Y. Bhg. Tan Sri Dr. Ir Ahmad Tajuddin bin Ali, FASc. dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Dato' Prof Dr. Asma binti Ismail.

Anugerah Akademik Universiti adalah pengiktirafan tertinggi oleh Universiti terhadap kecemerlangan ahli akademik di UTeM. Berikut adalah Senarai Pemenang Anugerah Akademik Universiti 2015 iaitu:

Penerima Anugerah

Bil.	Hadiah	Penerima
1.	Anugerah Penerbitan Buku bidang Sains dan Teknologi	Dr. Sabrina binti Ahmad
2.	Anugerah Penerbitan Buku Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial	Profesor Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
3.	Anugerah Penyelidikan	Dr. Massila binti Kamalrudin
4.	Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal	Profesor Madya Dr. Zahriladha bin Zakaria
5.	Anugerah Kualiti Makalah Jurnal	Profesor Madya Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah
6.	Anugerah Akademik Harapan	Dr. Mohd Yuhazri bin Yaakob
7.	Anugerah Inovasi e-Pembelajaran	Profesor Madya Dr. Azma Putra

Penerima Saguhati

Bil	Hadiah	Pemenang
8.	Anugerah Penyelidikan	i. Profesor Madya Dr. Mohd Asyadi' Azam bin Mohd Abid ii. Profesor Madya Dr. Zahriladha bin Zakaria
9.	Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal	i. Profesor Madya Dr. Mohd Khanapi Abd. Ghani ii. Dr. Mohd Shahriel bin Mohd Aras
10.	Anugerah Khas Kumpulan	i. Profesor Madya Ahmad Rivai
11.	Anugerah Kualiti Makalah Jurnal	i. Profesor Madya Dr. Mohd Asyadi' Azam bin Mohd Abid ii. Dr. Mohd Shukor bin Salleh
12.	Anugerah Akademik Harapan	i. Dr. Massila binti Kamalrudin ii. Dr. Juhaini binti Jabar
13.	Anugerah Inovasi e-Pembelajaran	i. Encik Loi Wei Sen ii. Puan Cheong Kar Mee

CLeaR: Mempromosi pembelajaran berpusatkan pelajar

Usaha untuk mendidik pelajar Generasi Y dan Generasi Z di abad ke-21 adalah satu tugas yang mencabar. Antara ciri-ciri pelajar abad ke 21 ini adalah mahir secara digital, belajar secara aktif, sentiasa ingin tahu sepanjang masa, belajar dari seluruh dunia, berkomunikasi dengan siapa sahaja di mana sahaja pada bila-bila masa, berkongsi dengan rakan-rakan, dan suka berkolaborasi.

Menyedari keperluan ini, UTeM melalui Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) telah mengambil inisiatif mewujudkan rekabentuk bilik kuliah baru yang diperlukan untuk menampung keperluan pelajar generasi baru dan menyediakan mereka untuk masa hadapan. Bermula semester 1 2016/2017, setiap fakulti di UTeM mempunyai bilik kuliah yang dipanggil CLeaR (Collaborative Learning Room).

Terdapat 4 jenis CLeaR yang diwujudkan di UTeM: 1) 3 CLeaR Lengkap, 2) 5 CLeaR Asas, 3) 8 CLeaR BYOD 1, dan 4) 8 CLeaR BYOD 2. CLeaR adalah bilik kuliah yang dilengkapi teknologi pengajaran dan pembelajaran terkini dan diwujudkan khusus untuk proses pengajaran & pembelajaran secara inovatif, kreatif dan fleksibel yang menggalakkan pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar secara pembelajaran teradun/hibrid atau flipped learning.

CLeaR Lengkap dan Asas menyediakan 60 iPad untuk pelajar di samping peranti streaming dan kemudahan persempahan oleh pelajar. Meja dan kerusi dalam CLeaR adalah sesuai untuk aktiviti secara berkumpulan. Selain daripada itu ia juga dilengkapi dengan capaian internet yang berkelajuan tinggi bagi memastikan persekitaran kolaboratif dapat dilaksanakan secara optimum.

Idea dan kandungan perbincangan akan mudah dikongsi dan keputusan perbincangan dapat dikongsikan secara bersama. Bagi CLeaR BYOD (Bring Your Own Device) pula, tiada tablet atau iPad disediakan untuk pelajar, dan pelajar menggunakan peranti mudahalih masing-masing untuk melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Kesemua bilik kuliah ini menyediakan kemudahan untuk pesembahan secara digital melalui penggunaan tablet atau peranti mudahalih, peranti streaming dan televisyen. Secara tidak langsung ini menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik dan efektif.



Bilik CLeaR Asas 1

Massive Open Online Course (MOOC)

Massive Open Online Course (MOOC) Malaysia telah dilancarkan pada bulan September 2014 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.


Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, setiap Universiti Awam (UA) perlu membangunkan dan menawarkan sekurang-kurangnya tiga (3) kursus secara MOOC setiap tahun yang merangkumi kursus umum, kursus nic dan kursus pembelajaran sepanjang hayat.

Bermula September 2015, UTeM telah mula menawarkan 5 kursus secara MOOC melalui platform OpenLearning iaitu kursus Mandarin 1, *Introduction to Database*, *Critical & Creative Thinking*, *Programming Technique*, dan *Technology Entrepreneurship*. Kesemua kursus MOOC Malaysia termasuk MOOC UTeM telah dibangunkan menggunakan platform OpenLearning. Platform ini disediakan oleh syarikat OpenLearning Global (M) Sdn. Bhd.

Kerjasama UTeM - OpenLearning dalam menawarkan kursus MOOC telah bermula semenjak tahun 2014. Penawaran kursus-kursus tersebut secara MOOC, selain digunakan secara pembelajaran teradun di UTeM, ia telah berjaya menarik minat pelajar-pelajar Universiti Awam yang lain dan pelajar-pelajar antarabangsa dari luar negara.

Statistik terkini menunjukkan MOOC UTeM telah mempunyai seramai 4,793 pelajar berdaftar di mana pelajar berdaftar dalam kursus MOOC Mandarin 1 adalah seramai 1,399, *Introduction to Database* seramai 1,123, *Critical & Creative Thinking* seramai 1,377, *Programming Technique* seramai 470, dan *Technology Entrepreneurship* seramai 424.

Melalui kursus MOOC, pelajar UTeM dapat berinteraksi dan berkolaborasi dengan pelajar-pelajar Universiti Awam lain dan pelajar-pelajar antarabangsa melalui pelbagai e-aktiviti yang direkabentuk dalam MOOC yang diambil.



Bagi membolehkan UTeM menawarkan kursus MOOC berbayar dan bersijil yang layak diterima untuk pemindahan kredit antara Universiti Awam lain, satu Memorandum Perjanjian (MoA) antara UTeM dan OpenLearning telah ditandatangani pada 20 September 2016 yang lalu bertempat di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersempena dengan International University Carnival on e-Learning (IUCEL 2016).

Majlis menandatangani MoA tersebut juga melibatkan 5 buah Universiti Awam lain iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan UTeM dengan disaksikan oleh Exco Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor YB. Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday.

MoA UTeM telah ditandatangani oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib dan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad manakala OpenLearning diwakili oleh pengasas dan Pengarah Eksekutif OpenLearning iaitu Adam Brimo.

Antaratujuan lain MoA tersebut ditandatangani adalah untuk membenarkan UTeM menjalankan penyelidikan dengan menggunakan data-data berkaitan MOOC Malaysia bagi menjana analitik pembelajaran MOOC Malaysia dan seterusnya digunakan untuk menambahbaik rekabentuk pembelajaran secara MOOC.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Mesyuarat Majlis Eksekutif bilangan 2/2016 bertarikh 18 Februari 2016 telah memperakukan cadangan penubuhan Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Mesyuarat Majlis Eksekutif bilangan 12/2016 bertarikh 22 Disember 2016 telah meluluskan penubuhan PSH. Penubuhan PSH berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017 sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Beberapa aktiviti dan inisiatif yang telah dibuat dan dicapai antaranya:

- i. Penyerahan kertas permohonan kelulusan program akademik Ijazah Sarjana Muda secara separa masa bagi 11 program iaitu FKP (1), FKE (2), FKEKK (1), FKM (1), FTMK (3) dan FTK (3).
- ii. Beberapa siri perjumpaan dan perbincangan bersama MIGHT-METEOR Advanced Manufacturing Sdn. Bhd., Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran berkenaan Recognition Prior Experiential Learning (RPEL).
- iii. Lawatan Penanda Aras ke beberapa PSH antaranya UTMSPACE, UMCCED, PKP UKM, UiTM, UAE UMP, RETRACE UNIMAP, CEC UTHM dan ICCE UIA.
- iv. Perbincangan, lawatan dan penyediaan kertas cadangan program Francais antara UTeM - KKTU Kuantan, UTeM – Adtech Shah Alam dan UTeM-Kolej Teknologi Alpha merangkumi pelaksanaan program dan kewangan.
- v. Perbincangan dan deraf MOU di antara UTeM dan Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia.

- i. Membangunkan peraturan akademik separa masa bagi program sarjana muda dan diploma.
- ii. Membangunkan panduan kewangan bagi program sarjana muda dan diploma secara masa.
- iii. Membantu fakulti dan Pusat Pengajian Siswazah dalam membangunkan kaedah pelaksanaan dan panduan kewangan bagi Sarjana Muda, Sarjana dan PhD secara pesisir.
- iv. Memberi input terhadap pelaksanaan kaedah APEL bagi pertimbangan kemasukan pelajar baharu ke program Ijazah Sarjana Muda UTeM yang dibangunkan oleh BPA.
- v. Program sarjana pesisir dan kursus-kursus pendek juga giat dijalankan oleh fakulti-fakulti.

Jadual 11 : Sasaran dan pencapaian aktiviti PSH sepanjang tahun 2016

Perkara	Sasaran	Pencapaian
Bilangan Program PSH	10	49
Kluster 1 (orang pelajar)	300	367
Kluster 2 (orang pelajar)	10	Tiada
Kluster 3 (orang peserta)	1200	958
Kluster (orang pelajar)	200	254

Ceo@Faculty Programme (CFP)

Ceo@Faculty Programme (CFP) telah bermula secara rasminya pada 7 September 2015. Sehingga kini, seramai 59 CEO daripada pelbagai lapangan industri, syarikat berkaitan kerajaan dan pegawai tinggi kerajaan telah memberikan komitmen dalam menjayakan CFP. Moto fasa pertama program Fakulti CEO adalah “Learn from the Pros”.

Pengarah Urusan Infineon Technologies (Malaysia) Encik Lee Cheong Chee dan Presiden Samsung Malaysia Electronics Lee Sang Hoon, telah dilantik sebagai Profesor Adjung di UTeM. Sepanjang pelaksanaan CFP 2016, beberapa program bersama telah dianjurkan seperti berikut:

Lee Cheong Chee (Infineon)		
Bil.	Program	Tempat
1.	Majlis Perkongsian Ilmu Bersama Profesor Adjung, 9 Mac 2016	Samsung IoT, UTeM
2.	Engineering Ethics, Professionalism & Current Issues in Engineering World, 8 April 2016	Auditorium, UTeM

Lee Cheong Chee (Infineon)		
Bil.	Program	Tempat
3.	Lecture Series at Multimedia University – Challenges & Opportunities in E&E Industry from Infineon's perspectives, 19 April 2016	Multimedia University
4.	Lecture Series at Heriot Watt University – Chalenges & Opportunities in E&E Industry from Infineon's Perspectives, 20 April 2016	Heriot Watt University
5.	Infineon Week@UTeM 2016, Factory Visit, 11 May 2016	Infineon Melaka
6.	Infineon Week @UTeM 2016, Career Talk, 12 May 2016	Auditorium Canselori
7.	Infineon Week@UTeM 2016 –EBX Programme Interview, FYP Proster/Product Competition and MoU Signing Ceremony, 18 May 2016	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
8.	Project Based Learning- Engineers in Society, 19 May 2016	Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah
9.	Thinking 6Sigma+Lean, 27 June 2016	Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah
10.	Industri 4.0: Infineon UTeM Inisiatif & Strategi, 19 Ogos 2016	Meeting Room 1, FKP
11.	Lean Six Sigma (Yellow Belt), 12 November 2016	Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah
12	Lean Six Sigma (Yellow Belt), 13 November 2016	Auditorium PBPI
13	Lean Six Sigma (Yellow Belt), 10 Disember 2016	Auditorium PPS
14	Lawatan Industri Fasa 1, 14 Disember 2016	Infineon Technologies
15	Lean Six Sigma (Yellow Belt), 17 Disember 2016	Auditorium PPS
16	Lawatan Industri Fasa 2, 21 Disember 2016	Infineon Technologies

Lee Sang Hoon (Samsung)		
Bil.	Program	Tempat
1.	Study & Career Tour with Mr. Lee Sang Hoon, 31 Mei 2016	ICON Building, Samsung

Promosi dan Pameran

Sepanjang tahun 2016, Unit Promosi dan Pameran Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A) telah terlibat dalam 36 aktiviti promosi dan pameran. Berikut adalah senarai program yang telah disertai:

Bil.	Pameran	Tarikh
1.	Karnival Pendidikan Melaka MITC Melaka	31/03/2016 - 03/04/2016
2.	Hari Kerjaya SMK Tinggi St. David, Melaka	4/8/2016
3.	Pameran Pendidikan Tinggi Sempena Pesta Buku Antarabangsa KL	29/04/2016 - 05/05/2016
4.	Festival Hari Guru Sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan, UMS, Sabah	13/05/2016 - 16/05/2016
5.	Malaysia TVET Fair, KL	28/05/2016 - 29/05/2016
6.	CIDB Construction Fair, KL	12/04/2016 - 14/04/2016
7.	Hari Terbuka Asrama SM Sains Rembau, Negeri Sembilan	26/3/2016
8.	Majlis Konvokesyen Politeknik Merlimau Melaka	04/03/2016 - 05/03/2016
9.	Karnival Pendidikan dan Kerjaya UMNO Bahagian Kuala Pilah, Negeri Sembilan	3/10/2016
10.	Program Outreach Negeri Melaka	19/5/2016
11.	Program Gegau Kampus Bandar UTeM	24/05/2016 - 26/05/2016
12.	Taklimat Program UTeM Bagi Pelajar JMTI Pulau Pinang	6/8/2016
13.	Program Minggu Kerjaya SMK Ayer Keroh Melaka	21/7/2016
14.	Pameran Kerjaya Sempena Karnival Kokurikulum SMK Munshi Abdullah, Melaka	27/7/2016
15.	Program Outreach Negeri Perak	17/8/2016

Bil.	Pameran	Tarikh
16.	Program Outreach Negeri Pahang	18/8/2016
17.	Karnival SMK Gemas Negeri Sembilan	26/08/2016 - 27/08/2016
18.	Pameran Hari Anugerah Kokurikulum dan Kerjaya SM Sains Kepala Batas, Pulau Pinang	24/9/2016
19.	Program Outreach Negeri Johor	29/9/2016
20.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Kedah dan Perlis	5-7 /10/2016 & 7-9/10/2016
21.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan	14-15/10/2016
22.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Labuan	21-23/10/2016
23.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Johor	13-14/10/2016
24.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Kelantan	21-22/10/2016
25.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Melaka	4-5/11/2016
26.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Pahang	13-15/1/2017
27.	Program Outreach Negeri Pahang	19/10/2016
28.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Perak	3-5/11/2016
29.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Johor	14-16/12/2016
30.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Selangor	17-18/12/2016
31.	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Pulau Pinang	20-21/12/2016
32.	Pameran Sempena Pesta Konvokesyen UTeM	13-15/11/2016

Bil.	Pameran	Tarikh
33.	Majlis Pelancaran Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT)	17/11/2016
34.	Study Malaysia Edu Fair, Sarawak	9-12/12/2016
35.	Program Guru Aktif Bersama Masyarakat SK Serkam Darat	8/12/2016
36.	Karnival Sehati Sejiwa DUN Ayer Molek Melaka	17-18/12/2016

Pengajaran dan Pembelajaran

Executive Talk : *Positioning Malaysia As a Premier Educational Hub by Globalising Online Learning Bersama Adam Brimo - Pengasas / CEO Openlearning pada 1 April 2016*

Ceramah Eksekutif ini telah disampaikan oleh Ikon Selebriti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu Ketua Pegawai Eksekutif OpenLearning Malaysia Adam Brimo.

Pelaksanaan ceramah eksekutif yang disampaikan memberi manfaat khususnya dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam perlaksanaan MOOCs. Dengan penggunaan MOOCs, membolehkan staf akademik menyediakan bahan P&P lebih awal sebelum suatu kursus dimulakan. Walaubagaimanapun ini memerlukan sedikit kemahiran dalam kalangan mereka untuk merangka kandungan kursus yang akan disampaikan kepada pelajar.

Secara tidak langsung ini mampu menggalakkan staf akademik menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan P&P. Berbagai impak telah berlaku dengan kewujudan aplikasi MOOCs ini. Konsep belajar telah merentasi sempadan, tiada penetapan had umur dan kos yang membebankan boleh dikurangkan. MOOCs juga berpotensi untuk mengubah gaya pembelajaran konvensional dan tradisional kepada suatu gaya pembelajaran moden dan berteknologi ubiquitous.

Dalam masa yang sama, kemahiran literasi komputer juga penting untuk memastikan pengguna-pengguna MOOCs khususnya memahami kandungan kursus atau program yang diikuti seterusnya mampu mencapai objektif pembelajaran dan dapat diaplikasikan.

Program ini juga telah membuka peluang kepada UTeM untuk membincangkan hal berkaitan dengan polisi dan kaedah perlaksanaan yang berkesan. Ceramah eksekutif ini adalah antara lain untuk menyemarakkan minat staf akademik kepada pembelajaran dalam talian yang lebih dinamik melalui pembelajaran interaktif, yang mana pelajar boleh berinteraksi secara real time. Pihak UTeM percaya, MOOCs mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian sebagai komponen integral bagi pendidikan tinggi menjelang 2025.

Executive Talk : “Humanising Human - Addressing Affective Domain with Technology” Bersama Prof. Madya Dr. Alyani Ismail – Pengerusi Majlis e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPT) pada 23 Ogos 2016

Impak globalisasi dan perkembangan teknologi membawa perubahan besar dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kualiti P&P akan bertambah baik seandainya teknologi diimplementasikan kerana teknologi tersebut boleh meningkatkan minat dan motivasi untuk belajar, di samping mempercepatkan proses pembelajaran.

Kemahiran teknologi memberi perubahan kepada para pelajar dari segi penimbaan, penggunaan dan pengedaran ilmu pengetahuan. Justeru, dengan sendirinya akan membolehkan para pelajar bersedia untuk bersaing di pasaran global.

Kemajuan teknologi, adalah hal yang patut disyukuri kerana dengan sentuhan teknologi, kehidupan manusia menjadi lebih mudah. Pada dasarnya, teknologi membawa implikasi positif dalam sejarah kehidupan manusia. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa impak negatif dari kemajuan teknologi komunikasi. Antaranya, mengurangi sifat sosial manusia kerana cenderung berhubungan lewat secara langsung (face to face).

Dari sifat sosial, ini akan mengakibatkan perubahan pola masyarakat dalam berinteraksi. Selain daripada itu, penggunaan tidak sesuai kondisi, Misalnya, menggunakan telefon bimbit pada saat proses belajar mengajar berlangsung dengan teman dan membuka jejaring sosial (facebook, twitter) pada saat belajar. Ceramah eksekutif ini adalah antara lain untuk memberi pengukuhan bagaimana pengguna tegar sesuatu teknologi itu mampu menggunakan teknologi secara bijak dan seterusnya melestarikan penggunaan teknologi itu demi kebaikan semua.

Executive Talk : ‘How to Win Competition & Create Entrepreneurship Mindset’ Bersama Dr. Yeong Chee Fai – Pensyarah Kanan dan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia pada 23 September 2016

Majoriti pelajar tempatan dan juga ahli akademik muda tidak mempunyai pemacu dan semangat untuk membina perniagaan sendiri. Mereka juga rasa ianya adalah mustahil bagi penyelidikan mereka kerana fokus hanyalah tertumpu untuk akademik.

Bercakap mengenai ini, pengasas DF Automation & Robotics Sdn. Bhd. yang juga merupakan seorang pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Yeong Chee Fai berkata bahawa pandangan ini adalah satu persepsi yang salah.

Perjalanan keusahawanan selalunya mengambil masa yang agak lama, hampir bertahun-tahun. Yang perlu ialah strategi dan merancang untuk berjaya. Paling penting, setiap staf akademik perlu berubah dan menerima pakai pemikiran keusahawanan di universiti. Universiti perlu memanfaatkan kelebihan sedia ada kepada setiap ahli akademik mereka dengan menyediakan pelbagai geran penyelidikan dan dana untuk meneruskan idea-idea mereka.

Bagi mengurangkan risiko, keperluan untuk membenarkan staf akademik menjalankan projek permulaan yang mempunyai potensi sebagai sebahagian daripada projek tahun akhir untuk pelajar mereka. Ini membenarkan staf akademik memenuhi Indeks Prestasi Utama dalam penerbitan dan khususnya penyelidikan. Perancangan juga penting kerana ‘satu perjalanan yang berjalan tanpa perancangan, adalah seperti pelayaran bot tanpa arah’.

Ceramah eksekutif ini adalah antara lain untuk mendedah dan memupuk semangat dalam kalangan staf akademik dalam membina set minda berjaya dalam pertandingan dan seterusnya memupuk keinginan untuk menjadi seorang usahawan dalam menginovasikan penyelidikan mereka.




Pengantarabangsaan


Enrolmen pelajar antarabangsa

Enrolmen pelajar antarabangsa UTeM pada tahun 2016 adalah seramai 401 orang pelajar dari 26 buah negara berbanding dengan tahun 2015 iaitu seramai 281 orang dari 25 buah negara.

Rajah 1. : Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian tahun 2015 dan 2016.



Rajah 2: Pecahan Pelajar Antarabangsa mengikut Negara pada tahun 2015 dan 2016.



Kerjasama Antarabangsa (MoU dan MoA)

Bagi tahun 2016, hanya 3 Memorandum Persefahaman (MoU) telah di tandatangani di antara UTeM dan institusi luar negara berbanding tahun 2015 sebanyak 3 MoU dan 4 Memorandum Perjanjian (MoA) telah di tandatangani. Senarai MoU yang telah di tandatangani adalah seperti di Jadual xx di bawah.

Jadual 11: Bilangan MoU dan MoA 2016

Bil.	MoU	Ditandatangani	Tempoh	Fakulti
1.	Hoschule Hannover University of Applied Sciences and Arts, Germany	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Dr. Josef Von Helden	5 Tahun (15 Julai 2016 – 14 Julai 2021)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
2.	Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib & Prof. Joni Hermana	5 Tahun (31 Mei 2016 – 30 Mei 2021)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
3	Universitas Sebelas Maret, Indonesia	Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib	5 Tahun (28 Julai 2016 – 27 Julai 2021)	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Program Mobiliti Pelajar

Jadual 12: Mobiliti Pelajar 2016

Semester/Sesi	Inbound		Outbound	
	Berkredit	Tanpa Kredit	Berkredit	Tanpa Kredit
Semester 2 Sesi 2015/2016	12 pelajar	-	10 pelajar	-
Semester 1 Sesi 2016/2017	27 pelajar	-	30 pelajar	17 pelajar

70

Lawatan Dari Luar Negara

Pada tahun 2016, sebanyak 17 lawatan dari luar negara ke UTeM telah diadakan dengan jumlah delegasi seramai 308 orang dari negara Indonesia, Jepun, Uganda, Thailand, China, Jerman dan Ghana.



7.0 MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN

Merintis Teknologi Masa Hadapan

Tema Merintis Teknologi Masa Hadapan di bawah teras penyelidikan dan inovasi menghendaki warga UTeM berusaha melalui kolaborasi berstrategik bersama rakan industri dan komuniti dalam menghasilkan produk berteknologi terkehadapan, mampu pasar, modal insan, ilmu baru serta penulisan diterbitkan dijurnal berimpak.

Penarafan universiti dalam bidang penyelidikan dan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa diukur dengan produktiviti dan kecemerlangan golongan penyelidik.

Jumlah penghasilan penerbitan jurnal dan kertas persidangan yang berindeks SCOPUS dan Web of Science (WoS) oleh staf akademik aktif pada tahun 2016 iaitu 1.21 berbanding 1.00 pada tahun sebelumnya.

72

Peningkatan ini impak daripada penerbitan jurnal UTeM iaitu sebanyak 72 judul artikel di dalam Journal Of Telecommunication Electronic And Computer Engineering (JTEC) dan 105 judul kertas persidangan daripada penganjuran Mechanical Engineering Research Day (MERD) 2016 oleh Centre For Advanced Research On Energy (CARe), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.


Peningkatan sitasi universiti merujuk kepada indikator kualiti penyelidikan dan research visibility yang melibatkan staf akademik aktif pada tahun 2016 iaitu 11.95 berbanding 6.60 pada tahun sebelumnya. Jumlah sitasi ini meningkat dengan ketara hasil daripada pelbagai inisiatif dan usaha Pejabat TNCPI mengalakkan dan memberi kursus kesedaran kepentingan mendaftar di media sosial akademik dan sebagainya.

Inovasi dan Pengkomersilan

Pembangunan harta intelek selain melambangkan tahap keintelektualan individu serta organisasi, ia juga dilihat sebagai pemangkin kepada peningkatan tahap paradigma inovasi.

Ianya secara langsung akan meningkatkan nilai sosio-ekonomi berdasarkan hasil ciptaan penyelidikan yang berpotensi serta berimpak tinggi dalam memperkasakan penjanaan pendapatan sesebuah institusi termasuk universiti.

Justeru, UTeM amat menekankan aspek kualiti serta perlindungan harta intelek terhadap output R&D bagi memberi ruang yang lebih efektif kepada penyelidik dalam meningkatkan hasil pulangan dari dana penyelidikan.



Jadual 13 : Statistik Harta Intelek (IPR) 2016 UTeM

Perkara	Bilangan
Paten Pending	5
Utility Innovation	1
Copyright	90
Trademark	10
Industrial Design	0
Jumlah	106
Paten Granted	2

Sebagai langkah mempromosi output R&D hasil penyelidikan, pada tahun 2016, telah diadakan program pemindahan teknologi kepada industri menerusi program-program teknopreneur bagi menjalinkan interaksi bersama industri.

Di samping itu, juga telah mengetengahkan teknologi-teknologi terbangun ini menerusi platform pertandingan dan pameran inovasi antarabangsa dan juga kebangsaan. Pengkomersilan merupakan satu proses yang mampu memberikan impak yang tinggi dalam menjana pendapatan atau pulangan kewangan dari harta intelek kepada institusi serta para penyelidik yang sebenarnya bila dilihat secara holistik, ianya melambangkan kemajuan negara dari segi akademik serta penyelidikan berkaitan.

Jadual 14 : Bilangan Produk Dikomersilkan

Bil.	Pencapaian 2016
1.	RESIDENTS SMART VISITORS NAMA PENYELIDIK : PROF. MADYA DR MASSILA BT KAMALRUDDIN
2.	VEHICLE SMART SECURITY (VESS) NAMA PENYELIDIK: IR. ANUAR BINTI MOHAMED KASIM

Jadual 15 : Pemilikan Geran 2016

Bil.	Kelulusan Geran Penyelidikan 2015	Bil. Geran	Peruntukan (RM)
1.	Jumlah Kelulusan Geran Nasional 2016	36	RM3,159,557.50
	Kelulusan 2016 Geran Nasional 51.2%	27	RM2,238,950.00
		3	RM382,500.00
		1	RM 364,800.00
2.	Geran Antarabangsa 8%	2	RM94,609.52
3.	Geran Industri 12.2%	1	RM415,000.00
		1	RM 126,000
		4	RM136,902.50
		1	RM 36,405.00
4.	Geran Dalaman UTeM (PJP)	7	RM7143075
		26	RM1,053,850.00
5.	Geran UTeM-Industri (Matching Grant)	30	RM429,000.00
		5	RM230,000.00
Jumlah		102	RM5,811,071.02

Pelantikan Pembantu Penyelidik tahun 2016 :

- Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) – 164 orang
- Pembantu Penyelidik (RA) – 108 orang

Pemerkasaan Aktiviti Penyelidikan

Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dalam memperkasakan bidang penyelidikan di UTeM antaranya menerusi bengkel, seminar dan latihan. Pakar dalam bidang tertentu dari dalam dan IPT lain dijemput untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran. Senarai aktiviti yang telah dijalankan merangkumi aspek pengurusan penyelidikan and geran (kewangan), permohonan geran, output penyelidikan dan *Graduate Research Assistant* (GRA). Di samping aktiviti berbentuk ‘klinik’ selama dua jam memberi peluang kepada penyelidik.



8.0 MEMACU POTENSI INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Memacu Potensi Industri dan Masyarakat

Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) (PNC-JIM) berfungsi untuk mengeratkan hubungan antara industri dan masyarakat melalui pelbagai aspek, termasuk pengurusan alumni, latihan industri pelajar, pendedahan industri, program industri untuk staf, kerjasama penyelidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Perkongsian pintar strategik UTeM dengan rakan-rakan industri dan komuniti secara langsung telah dapat memastikan kehadiran UTeM dirasai dan bermanfaat kepada semua.

Agenda jaringan industri dan masyarakat merangkumi aspek mewujudkan perhubungan sehingga menjadi rakan industri dan seterusnya menjalin kerjasama dalam bentuk memorandum MoU dan MoA. Hubungan rapat ini adalah inisiatif dalam memberi manfaat kepada pelajar terutamanya melalui program Latihan Industri, aktiviti ‘Jom Cari Kerja’, Executive Talk, Job Camp, Campus Connect, Engineering Booster Programmes dan SME-University Internship Programme.

76

Syarikat-syarikat, agensi atau pertubuhan yang terlibat selain dari sekitar negeri Melaka, juga syarikat atau pertubuhan yang beribupejabat di Lembah Klang, sama ada syarikat tempatan atau mutinasional.

Kerjasama UTeM dan Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd dan Luminous Systems Sdn Bhd telah melaksanakan *Program Fixed Backhaul Broadband (FBB) HCENT-FSOP (Home Service) Training Programme* dengan dana sebanyak RM1,200,000.00 yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Program Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) Kluster Elektrik dan Elektronik, kepada seramai 240 peserta daripada Universiti Awam dan Politeknik.

Program yang dijalankan selama 5 hari melibatkan beberapa institusi untuk pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik dalam bidang ICT, IT dan Telekomunikasi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bersesuaian dengan permintaan pasaran pekerjaan masa kini.

Memorandum Kerjasama

Tahun 2016 menyaksikan UTeM memeterai sepuluh (10) perjanjian melibatkan enam (6) Memorandum Persefahaman (MoU) dan empat (4) Memorandum Perjanjian (MoA).

Jadual 16 : Memorandum Persefahaman (MoU)

Bil.	Nama Agensi	PTj	Tarikh Meterai	Bidang Jalinan Kerjasama
1.	Yayasan Melaka	PPNC-JIM	14 Mac 2016	Peruntukan sebanyak RM211,400 bagi melaksanakan Program Lonjakan Bahasa Inggeris UPSR seluruh negeri Melaka 2016.
2.	Perkeso	FKE	3 Jun 2016	Penyelidikan berimpak tinggi bertajuk ‘Muscle Efficiency Enhancement System’(MEES) dan penggunaan kemudahan tiada di UTeM bagi menjalankan aktiviti pemulihan kepada pesakit daripada Pusa Rehabilitasi Perkeso.

Bil.	Nama Agensi	PTj	Tarikh Meterai	Bidang Jalinan Kerjasama
3.	Infineon Technologies	FKP	18 Mei 2016	Penyambungan MoU dengan syarikat bagi perlantikan Presiden/Managing Director Infineon, Lee Cheong Chee sebagai Profesor Adjung dan merupakan CEO@faculty FKP
4.	Ergowork Sdn.Bhd	FKP	12 Ogos 2016	Kerjasama perkongsian pengetahuan, kepakaran antara kedua-dua pihak, petempatan pelajar Latihan Industri dan program sangkut UTeM ke syarikat berkenaan serta program post graduat kepada staf syarikat,
5.	Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Special Education	FTMK	5 Ogos 2016	Kerjasama dalam pertukaran dan perkongsian idea, maklumat dan kepakaran yang dipersetujui dari semasa ke semasa.
6 .	Computing Technologies Industry Association (CompTIA)	FTMK	28 Dis. 2016	Kerjasama dalam pertukaran dan perkongsian idea, maklumat dan kepakaran yang dipersetujui dari semasa ke semasa

Jadual 17 : Memorandum Perjanjian (MoA)

Bil.	Nama agensi	PTj	Tarikh Meterai	Bidang Jalinan Kerjasama Industri
1.	Open Learning Global (M) S.B.	PSTP	29 Sep. 2016	MoU (Licence Agreement) antara National MOOC Platform for Public Universitites (under Open Learning Gobal (M) S.B. dengan semua universiti awam termasuk UTeM bersempena <i>International University Carnival On e-Learning</i> (IUCEL) di Dewan Sultan Iskandar, UTM, Skudai Johor.
2.	CTRM Aero Composite S.B.	FKM	1 Nov. 2016	Penubuhan <i>UTeM-CTRM Collaborative Laboratory</i> bagi memboleh aktiviti penyelidikan oleh kedua-dua pihak.
3.	Zuleyco Resources	UCC	21 Nov. 2016	MoA penjualan Produk IP <i>Resident Smart Visitor</i> (RSV)
4.	VG Global	UCC	31 Dis. 2016	MoA penjualan Produk IP <i>Vehicle Smart Security</i> (VeSS)

Perbandingan jumlah memorandum kerjasama yang dimeterai oleh UTeM pada tahun 2016 dan 2015 adalah seperti berikut:

Jadual 18: Perbandingan Memorandum Kerjasama tahun 2015 dan 2016

Tahun	MoU	MoA	Jumlah
2015	7	8	15
2016	6	4	10

Kebolehpasaran Graduan

Pelbagai program kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 bagi meningkatkan kebolehpasaran para pelajar UTeM sama ada secara kemahiran insaniah ataupun kemahiran teknikal yang berkaitan.

Berikut adalah antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan:

Jadual 18: Program Kebolehpasaran 2016

Bil.	Tarikh	Aktiviti/Program	Peserta
1.	16 Mac 2016	Program Infineon Week "Engineering Booster" Dan Sesi Temuduga	90
2.	22 Mac 2016	UTM Career Carnival 2016	21
3.	28 Mac 2016	Kempen Pengangguran Menggerikan, Jom Bina Kerjaya, Jom Jadi Usahawan	
4.	Mac-Mei 2016	Virtual Career Fair UTeM	13
5.	9-10 April 2016	Majlis Pelancaran UTeM Career Connect@Ind-E-Zone (Kerjasama dengan TalentCorp)	
6.	4 Mei 2016	Program C-Talk UTeM 'Jom Bina Kerjaya – Route to Professional Engineer'	34
7.	11, 12 & 18 Mei 2016	Program Infineon Week @ UTeM 2016	120
8.	25 Mei 2016	Program Kajian Penilaian Kebolehpasaran Graduan "Aspiring Minds Computer Adaptive Test" (AMCAT).	257
9.	28 Mei 2016	Menghadiri Program Graduan Aspire 500 Conference	
10.	Jun-Ogos 2016	Virtual Career Fair UTeM	9

Bil.	Tarikh	Aktiviti/Program	Peserta
11.	April – Mei 2016	GE Intervention Programmes - Mock Interview FKEKK, FKP, FKM, FKE, FPTT	
12.	21 Sept 2016	Promotional Activities for CIMB ASEAN Stock Challenge	43
13.	26 Sept 2016	Visit to Sector Focused Career Fair Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2016	19
14.	12 Oktober 2016	Program Temu Duga Kerjaya Skim Latihan 1Malaysia (SLIM)	19
15.	Jun-Ogos 2016	Virtual Career Fair UTeM (June-August 2016)	15
16.	9 November 2016	Program Texas Instrument – Taklimat Kerjaya Dan Temuduga Sesi 2016/2017.	96

UTeM Career Connect melalui laman sesawang Virtual Career Fair dengan alamat <http://careerconnet.utm.edu.my> telah memberi manfaat kepada kalangan pelajar UTeM untuk mendapatkan maklumat peluang pekerjaan dan memudahkan permohonan jawatan yang ditawarkan oleh syarikat.

Sepanjang tahun 2016, dengan penyertaan lebih kurang 37 buah syarikat yang menawarkan pelbagai ruang dan peluang, ia telah menarik minat seramai 646 ribu pelawat untuk melayari laman ini.

Jadual 19 : Penglibatan syarikat pada Virtual Career Fair UTeM

Bil.	Syarikat/Sep-Dec 2016
1.	Vme Material Handling Sdn Bhd
2.	Venture Electronics Services (M) Sdn Bhd
3.	Mini-Circuits Technologies (M) Sdn Bhd
4.	CIMB Group
5.	Guocera Sdn Bhd
6.	Dignersys Cloud Berhad
7.	Sony Emcs (Malaysia) Sdn Bhd
8.	Eurojaya Precision Sdn Bhd.
9.	Industrial Automation (M) Sdn Bhd
10.	Celestica Malaysia Sdn Bhd
11.	Mega Printing & Packaging sdn bhd
12.	MF Technology Supply and Service
13.	Muehlbauer Technologies Sdn Bhd
14.	Perodua Sales Sdn Bhd
15.	CSC Steel Sdn Bhd

Bil	Syarikat / Jun-Ogos 2016
1.	Nityo Iskandar Center Of Excellence (Nicoe)
2.	Xinyi Solar (M) Sdn.Bhd
3.	Xinyi Energy Smart (M) Sdn. Bhd
4.	Dignersy Cloud Berhad
5.	Texas Instruments Electronics Malaysia
6.	Manulife Asset Management Service Berhad
7.	Guocera Sdn,Bhd
8.	Appasia Studio Sdn.Bhd
9.	Sony Emcs (Malaysia) Sdn. Bhd.



Kajian kebolehpasaran graduan UTeM semasa konvokesyen tahun 2016 telah mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 76.34% dengan peningkatan sebanyak 10.1% daripada tahun 2015. Majlis Konvokesyen tahun 2016 jatuh pada 14 dan 15 November 2016 dan melibatkan 2,792 graduan dengan kadar responden sebanyak 97.10%.

Sektor pekerjaan utama graduan UTeM 2016 adalah dalam di sektor swasta iaitu swasta tempatan (43.64%) dan swasta multinasional (34.02%), diikuti dengan sektor kerajaan (5.95%) serta sektor perusahaan sendiri (5.74%) manakala selebihnya, sama ada bekerja di sektor badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain.

Kajian kebolehpasaran graduan UTeM dari tahun 2006 hingga tahun 2016 telah menunjukkan purata sebanyak 63% graduan yang memperolehi pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian.



Jadual 20: Kebolehpasaran graduan UTeM Mengikut Pekerjaan

Status Pekerjaan	Tahun Konvo														2015		2016*					
	2006		2007		2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014		2015			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
Bekerja	348	35.12	534	40.49	722	50.56	693	44.25	576	42.01	704	48.19	947	52.73	960	47.45	874	38.47	1,072	42.73	1,539	57.79
Melanjutkan Pengajian	192	19.37	218	16.53	175	12.25	236	15.07	267	19.47	261	17.86	343	19.1	399	19.72	560	24.65	398	15.86	339	12.73
Meningkatkan Kemahiran	25	2.52	26	1.97	24	1.68	159	10.15	43	3.14	29	1.98	48	2.67	37	1.83	46	2.02	81	3.23	86	3.23
Menunggu Penempatan Pekerjaan	1	0.1	14	1.06	74	5.18	72	4.6	73	5.32	41	2.81	39	2.17	70	3.46	83	3.65	111	4.42	69	2.59
Belum Bekerja	425	42.89	527	39.95	433	30.32	406	25.93	412	30.05	426	29.16	419	23.33	557	27.53	709	31.21	847	33.76	630	23.66
Jumlah Responden	991	100	1,319	100	1,428	100	1,566	100	1,371	100	1,461	100	1,796	100	2,023	100	2,272	100	2,509	100	2,663	100
Peratus Kebolehpasaran Graduan (%)	57.11		60.05		69.68		74.07		69.95		70.84		76.67		72.47		68.79		66.24		76.34	



Alumni

Selaras dengan fungsi dan tanggungjawab Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan sebagai badan perhubungan di antara Alumni dengan pihak Universiti, maka beberapa aktiviti dan program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dengan tujuan memperkasakan pengurusan Alumni UTeM.

Pelaksanaan pelbagai program ini adalah untuk menanamkan semangat cinta *alma mater* serta memupuk semangat pemuaafakan bagi mengekalkan jaringan yang kukuh bukan sahaja antara ahli-ahli alumni bahkan hubungan antara alumni dan universiti dapat dieratkan.



Program Ceramah Eksekutif

Ceramah Eksekutif ini telah diadakan pada 23 Februari 2016 dan berlangsung di Auditorium Canselor UTeM. Program ini melibatkan peruntukan Tabung Alumni berjumlah RM1000.00.

Ceramah disampaikan oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Yahaya Ibrahim selaku Pro Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merangkap Pengurus Krista Education Sdn. Bhd. Seramai 160 orang pelajar dan staf telah menghadiri program ini.

Ceramah Eksekutif ini bertujuan untuk menambahkan maklumat dan kefahaman kepada warga UTeM terutama staf serta pelajar mengenai kepentingan pendidikan pada semua peringkat umur baik golongan muda mahupun yang bekerjaya disamping menghubungkan antara UTeM dengan tokoh-tokoh pendidikan bagi memastikan pendidikan, pengetahuan dan pengalaman setiap warga UTeM dapat menyumbang sesuatu ke arah pembangunan negara.

Ceramah ini merupakan salah satu cara bagi Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan untuk menyumbang kepada universiti seterusnya memberikan nilai tambah kepada staf dan pelajarnya sendiri.

Perjumpaan Naib Canselor bersama Alumni

Sesi perjumpaan khas ini telah berlangsung pada 2 Februari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Canselor. Seramai 15 orang Exco dari Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) telah menghadiri sesi perjumpaan ini. Sesi ini merupakan sesi perkongsian idea antara Datuk Naib Canselor dan perwakilan AUTeM dengan objektifnya untuk memperkasakan kesatuan Alumni.

Pihak AUTeM juga turut mengadakan pembentangan bagi program-program yang akan dilaksanakan kelak. Turut berlangsung pada perjumpaan tersebut adalah sesi penyerahan kunci pejabat sementara AUTeM. Sesi perjumpaan ini berjalan lancar dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan dua hala antara pihak pengurusan Universiti dan Alumni UTeM.



Konvoi Singgah Sahur Alumni UTeM Bersama Masyarakat

Program ini telah dilaksanakan pada 18 hingga 19 Jun 2016 (21-22 Ramadan 1437H) meliputi sebanyak 10 buah rumah di sekitar Melaka bermula dari daerah Durian Tunggal hingga Sungai Udang yang mana konvoi berakhir di Rumah Anak Yatim Payasum, Sungai Udang.

Peruntukan daripada Tabung Alumni yang diluluskan untuk program ini berjumlah RM5,750.00. Seramai 50 orang peserta mengambil bahagian di dalam Konvoi Singgah Sahur dan turut melibatkan 150 orang anak yatim. Program Konvoi ini berlangsung dengan lancar dan jayanya dan dalam masa yang sama membina hubungan baik antara UTeM dan masyarakat.

Majlis HomeComing Alumni UTeM 2106

Majlis telah dilaksanakan dengan jayanya pada 6 Ogos 2016 dan berlangsung di Dewan Pusat Sukan UTeM. Peruntukan dari Tabung Alumni sebanyak RM18,600.00 telah diluluskan untuk tujuan penganjuran majlis ini. Seramai 266 orang Alumni berserta keluarga masing-masing hadir ke majlis ini.

Di peringkat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM), program sebegini merupakan acara wajib untuk dilaksanakan sebagaimana amalan universiti-universiti lain di Malaysia.

Majlis ini juga merupakan platform terbaik bagi pihak persatuan untuk merealisasikan hasrat dan objektif iaitu bertindak sebagai hub kepakaran dan rujukan kepada universiti khususnya dan negara amnya.

Homecoming Alumni UTeM 2016 juga menjadi wadah untuk mengumpul dan mengemas kini data alumni-alumni UTeM seterusnya akan menjadi pencetus untuk melaksanakan program-program yang lain. Majlis ini turut berjaya mencapai objektifnya iaitu menggalakkan interaksi berterusan antara Alumni dan pihak Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan, PPNC JIM khususnya dan pihak UTeM amnya.

Sesi Bersama Alumni UTeM Sempena Minggu Haluan Siswa UTeM

Program ini telah dijalankan di Dewan Besar UTeM pada 31 Ogos 2016 dan dihadiri seramai 3,000 orang mahasiswa baru bagi sesi 2016/2017. Seramai lima orang Alumni UTeM telah dijemput untuk menyampaikan dialog iaitu, Mohammad Firdaus bin Abdul Rahman dari Amtis Solution, Jurutera Perisian Infineon Tech Muhammad Taufik bin Mohd Noh, Pensyarah UTeM Mohamad Haniff bin Harun dan Jurutera Pengajar UTeM Mohammad Rafi bin Omar.

Sesi Bersama Alumni merupakan slot khas yang disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) setiap kali berlangsungnya Minggu Haluan Siswa dengan tujuan utama mempromosikan Persatuan Alumni beserta fungsi utamanya termasuklah memberikan gambaran serta persediaan suasana pembelajaran dan pengajaran di UTeM.

Majlis Pelancaran Alumni Zon Utara 2016

Program telah diadakan pada 19 November 2016 di Hotel Ixora Prai, Pulau Pinang. Peruntukan dari Tabung Alumni sebanyak RM9,060.00 telah diluluskan untuk tujuan penganjuran majlis pelancaran ini. Penyertaan melibatkan seramai 48 orang Alumni yang menetap dan bekerja di utara Semenanjung.

Majlis ini dilaksanakan bagi menubuhkan cawangan Alumni di kawasan utara sebagai titik tolak permulaan penganjuran aktiviti Alumni UTeM di zon tersebut.

Melalui penganjuran program sebegini, ia dapat menjadi batu loncatan kepada Alumni untuk turut serta ke program-program lain anjuran Universiti mahupun AUTeM yang melibatkan mereka sekali gus memberikan sumbangan kepada universiti dalam apa jua bidang kepakaran yang diceburi.

84

Pelaksanaan majlis ini menunjukkan aspirasi UTeM untuk terus meluaskan jaringannya secara berfokus di seluruh Malaysia.

Berikut adalah ringkasan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan:

Bil.	Program/Aktiviti	Pelaksanaan
1.	Sumbangan Wang Ehsan Menggunakan Tabung Alumni	Sumbangan kepada Waris Allahyarham Muhammad Hannan bin Kamarzaman (FKP) meninggal dunia pada 19 Mac 2016 semasa menjalankan aktiviti mendaki Gunung Datuk Rembau, sebanyak RM500
2.	Majlis NC bersama AUTeM	Tarikh pada 25 Feb 2016 YBhg. Prof. Dr Shahrin bin Sahib Naib Canselor UTeM Bersama AuTeM di Kampus Induk UTeM Seramai 15 orang Exco dari Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) telah menghadiri sesi perjumpaan ini bagi membentangkan program yang telah disusun atur dan memperkasakan hubungan dua hala antara Alumni dan Pengurusan Universiti.
3.	Tabung Wakaf Rumah Alumni dan Kerjaya UTeM	Tarikh berkuatkuasa pada 17 Mac 2016 Pengerusi: YBhg. Prof. Dr Mohd Ridzuan bin Nordin Pewujudan tabung ini adalah bertujuan sebagai platform untuk menampung kos pembangunan, penyelenggaraan dan utiliti Rumah Alumni.

Bil.	Program/Aktiviti	Pelaksanaan
4.	Konvoi Singgah Sahur Alumni UTeM Bersama Masyarakat	Program telah dilaksanakan pada 18 -19 Jun 2016 (21-22 Ramadan 1437H). 10 buah rumah sekitar Melaka dari Durian Tunggal hingga Sg Udang berakhir di Rumah Anak Yatim Payasum, Sg Udang. Seramai 50 orang peserta dan 150 orang anak yatim.
5.	Sesi Bersama Alumni UTeM Sempena Minggu Haluan Siswa UTeM 2016/2017	Program dijalankan di Dewan Besar UTeM pada 31 Ogos 2016 seramai 3,000 orang mahasiswa. Penceramah terdiri daripada kalangan Ahli Alumni sendiri.
6.	Majlis Pelancaran Alumni Zon Utara 2016	Program telah diadakan pada 19 November 2016 di Hotel Ixora Prai Pulau Pinang. Penyertaan seramai 100 orang.
7.	Program Ceramah Eksekutif (Executive Talk)	Diadakan pada 23 Februari 2016, di Auditorium Camselori UTeM. Penceramah - Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Yahaya Ibrahim (Tokoh Pendidikan), Pro Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merangkap Pengurus Krista Education Sdn. Bhd. Seramai 160 orang peserta pelajar dan staf.
8.	Majlis Perpisahan Bersama Alumni FTMK dan FTK	Majlis perpisahan bagi meraikan pelajar FTMK dan FTK yang telah tamat pengajian telah diadakan pada 13 November 2016. Seramai 350 orang pelajar, di Ruang Legar FTMK Seramai 460 orang pelajar di Lobi Bangunan FTK
9.	Majlis Home Coming Alumni UTeM 2016	Majlis telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2016 di Dewan Pusat Sukan UTeM. Seramai 266 orang Alumni berserta keluarga masing-masing hadir ke majlis ini dan telah menjayakan pelbagai acara sukaneka. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Naib Canselor UTeM

Program Jom Mendaftar Sebagai Pemilih Di Kalangan Mahasiswa

Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE, PNCJIM dengan kerjasama Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan (PBPI) dan Jabatan Penerangan Malaysia (JPEN) Negeri Melaka telah menganjurkan Program Jom Mendaftar Sebagai Pemilih Di Kalangan Mahasiswa bersempena penganjuran Karnival Gen ‘Y’ Malaysia Dihatiku pada 25 Mei 2016 hingga 28 Mei 2016 di Pusat Persatuan Pelajar UTeM Kampus Induk dan Dewan Besar UTeM. Seramai 1480 orang mahasiswa telah mendaftar sebagai pemilih SPR pada program yang dianjurkan ini.

Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris UPSR 2016

86

Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris UPSR 2016 ini dinajurkan oleh UTeM dengan kerjasama Yayasan Melaka dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan pencapaian bahasa Inggeris bagi sekolah-sekolah yang terpilih di Negeri Melaka khususnya pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Di samping tanggungjawab sosial korporat UTeM kepada komuniti setempat, ia juga merupakan satu usaha dalam mengembangkan potensi pelajar UTeM bagi membentuk sahsiah diri selain menerapkan nilai kesukarelawan. Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris Hj. Haron pada 23 Julai 2016 di Dewan Besar UTeM dengan disertai seramai 1200 pelajar.

Program *Nanum Village – A Community Sharing Programme*

Laporan Tahunan UTeM 2016

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah meluluskan peruntukan bagi menjalankan projek komuniti di bawah program Transformasi Luar Bandar (NBOS4) kepada Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE, Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Fasa pertama projek ini telah dilaksanakan dengan jaya dalam program “***Nanum Village, A Community Sharing Programme***” yang telah diadakan pada 22 Ogos 2015 di Kg. Tual, Kuala Lipis, Pahang dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Malaysia Pahang dan Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd. dimana sebuah tenaga solar telah berjaya dibangunkan di Pusat Didikan Komuniti berkaitan.

Program lawatan susulan bagi melihat keberkesanan projek tenaga solar di Pusat Didikan Komuniti serta projek sistem “Micro-hydro Feasibility Study” dan “Electricity Impact Study” telah dilaksanakan dengan menggunakan baki Tabung Projek Komuniti di Bawah Program Transformasi Luar Bandar ini pada 22 – 24 Mei 2016 di Kg. Tual, Kuala Lipis, Pahang.

Program ini telah disertai oleh lapan (8) orang penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan turut disertai Pengarah Bahagian Hubungan Industri Jabatan Pendidikan Tinggi KPT Prof. Madya Dr. Arham bin Abdullah dan Ismanizam bin Yahya mewakili Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bhd.

Bengkel *Coaching* Kepimpinan NLP Bagi Pembangunan Wanita Negeri Melaka

Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita Negeri Melaka (MPWK) telah menganjurkan Bengkel *Coaching* Kepimpinan NLP bagi Pembangunan Wanita Negeri Melaka pada 19 Mei 2016 di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi UTeM.

Bengkel *Coaching* Kepimpinan NLP Bagi Pembangunan Wanita Negeri Melaka merupakan inisiatif bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Melaka (MPWK) bertujuan untuk membantu meningkatkan kecemerlangan kepimpinan individu peserta berkaitan yang mana penyertaan ke bengkel ini adalah dikalangan pemimpin persatuan dan NGO yang bergabung dibawah MPWK.

Program ini telah berjaya direalisasikan dengan penglibatan seramai 150 orang pemimpin masyarakat wanita dari kawasan parlimen di Negeri Melaka. Program yang julung kalinya dianjurkan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi keyakinan dan kecemerlangan diri untuk ke arah kepimpinan yang lebih berkesan kepada peserta berkaitan. Pengajuran program ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para pemimpin masyarakat untuk mengenali UTeM dengan lebih dekat dan keberadaan UTeM akan dapat dirasai oleh masyarakat di negeri Melaka.

Majlis Perasmian program telah disempurnakan oleh Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri Melaka Datuk Latipah binti Omar.

Majlis Pelancaran Pusat Transformasi Komuniti Universiti UCTC@UTeM Kampus Teknologi UTeM

Penubuhan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) adalah bertujuan untuk menggerakkan sumber fizikal dan kepakaran intelektual yang terdapat di Universiti Awam khususnya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bersama komuniti setempat serta mendekatkan warga kampus dengan komuniti selain memperkasa jaringan strategik antara badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti.

Antara lain ianya juga kelak akan mewujudkan dan memperkasakan jalinan dan kerjasama strategik dengan institusi awam dan swasta di dalam dan di luar negara melalui aktiviti transformasi komuniti. Pusat UCTC ini telah dirasmikan Oleh, Exco Perumahan Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Ar. Hj. Ismail Hj. Othman pada 22 Oktober 2016.

CEO@Faculty Programme

Pada 31 Mei 2016, jam 10.00 pagi bertempat di ICON Building, Samsung HQ telah berlangsung aktiviti CEO@Faculty Programme Bersama Mr. Lee Sang Hoon, Presiden Samsung Malaysia Electronics. Program tersebut merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Matlamat utama penganjuran *CEO@Faculty* ini adalah untuk meningkatkan penyertaan sektor industri dan awam dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran masing-masing.

Program ini melibatkan 80 orang pelajar yang terdiri dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Peluang menimba ilmu dan berkongsi pengalaman telah memberi impak yang mendalam kepada motivasi pelajar dan perkembangan sahsiah.

Sesi perkongsian tersebut juga dikongsi bersama dengan Pengarah Korporat Samsung Electronics Malaysia Dato' Roh Jae Yeol yang juga merupakan *CEO@Faculty* di UTeM. Pelajar juga dibawa melawat ke bilik pameran untuk melihat teknologi yang telah dimajukan oleh Samsung.



Bil.	Program	Tarikh/ Masa	Tempat
1.	Majlis Perkongsian Ilmu Bersama Profesor Adjung, Mr Lee Cheong Chee, President and Managing Director of Infineon (Melaka)	9 Mac 2016	Samsung IoT, Kampus Teknologi, UTeM
2.	Engineering Ethics, Professionalism & Current Issues in Engineering World	8 April 2016	Auditorium Canselori UTeM
3.	Lecture Series at Multimedia University - Challenges & Opportunities in E&E Industry from Infineon's perspectives	19 April 2016	Universiti Multimedia
4.	Lecture Series at Heriot Watt University - Challenges & Opportunities in E&E Industry from Infineon's perspectives	20 April 2016	Heriot Watt University
5.	Infineon Week @UTeM 2016 - Factory Visit	11 Mei 2016	Infineon, Melaka
6.	Infineon Week @UTeM 2016 - Career Talk	12 Mei 2016	Auditorium Canselori UTeM
7.	Infineon Week @UTeM 2016 - EBX Programme Interview, FYP Poster/Product Competition and MoU Signing Ceremony	18 Mei 2016	Kampus Teknologi, UTeM
8.	Project Based Learning - Engineers in Society	19 Mei 2016	Auditorium PPS UTeM
9.	Study and Career Tour @ Samsung HQ	31 Mei 2016	Samsung HQ, Roof Top, ICON
10.	Thinking 6Sigma + Lean	27 Jun 2016	Auditorium, PPS, Main Campus, UTeM

Majlis Perkongsian Ilmu Bersama Presiden dan Pengarah Urusan, Infineon Encik Lee Cheong Chee

Pada 9hb Mac 2016, bertempat di Samsung IoT Academy, Kampus Teknologi, UTeM, telah diadakan Majlis Perkongsian Ilmu Bersama Profesor Adjung iaitu Presiden dan Pengarah Urusan Infineon Melaka En. Lee Cheong Chee.

Seramai 150 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan telah hadir. Tujuan program ini diadakan bagi memberikan dan berkongsi pengalaman beliau berkaitan pembangunan jurutera muda di sektor industri.



Graduate Induction Programme (GrIP)

Aktiviti pembangunan dan kebolehpasaran bakal graduan yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda berkaitan Teknologi Hard Disk Drive (HDD) telah persetujui oleh KPT untuk dilaksanakan bagi keseluruhan jumlah 100 orang pelajar. Sehingga kini seramai 113 orang pelajar ijazah sarjana muda yang telah dan sedang dilatih.

- Kohort-1 (pengambilan Januari 13): Seramai 41 orang pelajar telah terpilih.
- Kohort-2 (pengambilan Januari 14): Seramai 16 orang pelajar telah terpilih.
- Kohort-3 (pengambilan Januari 2015): Seramai 13 orang pelajar telah terpilih (telah selesai pada Februari 2016)
- Kohort-4 (pengambilan Januari 2016): Telah diadakan temuduga dan seramai 21 orang pelajar telah terpilih.
- Kohort-1 FTK (Pengambilan Jun 2015): Seramai 12 orang pelajar FTK, UTeM telah terpilih.
- Kohort-2 FTK (Pengambilan Jun 2016): Seramai 10 orang pelajar di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah terpilih , dengan pecahan 7 orang pelajar UTeM, 1 orang pelajar UTHM dan 2 orang pelajar UMP.

Berikut adalah jadual berkaitan taburan pelajar yang telah mengikuti program GrIP:

Kumpulan Pelajar	Lokasi			Tawaran Kerja
	PJ	JO	PEN	
GrIP Kohort 1	28	5	8	18
GrIP Kohort 2	10	6	0	9
GrIP Kohort 3	9	4	0	-
GrIP Kohort 4	21	-	-	-
GrIP FTK Kohort 1	12	-	-	-
GrIP FTK Kohort-2	10	-	-	-

Nota:

PJ (Petaling Jaya) – Elektrik, Elektronik, Mekanikal, Mekatronik

JO (Johor Bahru) – Mekanikal, Kimia, Mekatronik

PG (Pulau Pinang) – Elektrik, Elektronik, Mekanikal

Industrial Development Programme (INDEP)

- Aktiviti pembangunan dan kebolehpasaran bakal graduan Politeknik berkaitan Teknologi Hard Disk Drive (HDD) telah persetujui oleh KPT untuk dilaksanakan bagi 200 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma. Sehingga kini seramai 226 orang pelajar diploma yang telah dan sedang dilatih.
- Kohort-1 (pengambilan Mei 2013): Seramai 37 orang pelajar telah terpilih (Telah Selesai)
- Kohort-2 (pengambilan November 2013): Seramai 38 orang pelajar telah terpilih (Telah Selesai)
- Kohort-3 (pengambilan Mei 2014): Seramai 9 orang pelajar telah terpilih (Telah Selesai)
- Kohort-4 (pengambilan November 2014): Seramai 89 orang pelajar telah terpilih (Telah Selesai)
- Kohort-5 (pengambilan November 2015): Seramai 27 orang pelajar telah terpilih (Telah Selesai)
- Kohort-6 (pengambilan November 2016): Seramai 26 orang pelajar telah terpilih (akan selesai pada April 2017)

Kumpulan Pelajar	Plant			Tawaran Kerja
	PJ	JO	PEN	
INDEP Kohort 1	18	7	12	11
INDEP Kohort 2	12	12	14	15
INDEP Kohort 3	1	4	4	-
INDEP Kohort 4	63	12	14	-
INDEP Kohort 5	27	-	-	-

Nota:

PJ (Petaling Jaya) – Elektrik, Elektronik, Mekanikal, Mekatronik

JO (Johor Bahru) – Mekanikal, Kimia, Mekatronik

PG (Pulau Pinang) – Elektrik, Elektronik, Mekanikal

Program Campus Connect KPT-WD Ke Western Digital Bangkok Thailand

Pada 27hb Februari 2016, telah berlangsung satu Majlis Jamuan Makan Malam Sempena Meraikan 30 Pelajar Di Bawah Program *Campus Connect* KPT-WD yang akan ke Western Digital Bangkok Thailand bagi Program Pengantarabangsaan Pelajar selama 60 hari (2 bulan) dari tarikh 28hb Februari 2016 sehingga 23hb April 2016. Majlis ini telah dilangsungkan di Dewan Anjung, Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam

Pecahan pelajar ini akan melibatkan 12 orang pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTeM yang sedang menjalani latihan *Graduate Induction Programme* (GrIP) dan 18 orang pelajar politeknik yang sedang mengikuti latihan *Industrial Development Programme* (INDEP) di Western Digital Malaysia, Sungei Way, Petaling Jaya.

92

Program ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan program pengantarabangsaan 30 orang pelajar Politeknik pada bulan April 2015 selama 22 hari di WD Thailand yang telah dijalankan oleh pihak Bahagian Hubungan Industri & Kebolehpasaran (BHI) di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) dengan bantuan daripada Western Digital Malaysia.





9.0 Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Prasarana

KAMPUS INDUK UTeM

Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMKe-11) merupakan rancangan pembangunan lima tahun Malaysia ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Penyediaan RMKe-11 adalah berpandukan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) yang memberi tumpuan pada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berteraskan modal dengan pelaksanaan projek berimpak tinggi.

Kerajaan Negeri Melaka telah membuat perancangan Transformasi Melaka TM50 sebagai salah satu langkah untuk menyokong matlamat dan hasrat Wawasan 2020. Tumpuan transformasi ini ke arah pembangunan bercirikan Meterai Hijau dan Smart City bagi melahirkan persekitaran negeri yang kondusif seterusnya mampu memupuk pembentukan pemikiran rakyat kelas pertama.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) amat menyokong hasrat Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri dalam menghasilkan outcome ke arah pembangunan berteraskan rakyat dan ekonomi sekitar. Sebarang pembangunan fizikal akan memenuhi keperluan semasa Kerajaan terutama berkaitan Teknologi Hijau.

PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK

Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK10;RP4)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melaksanakan sebanyak empat (4) projek fizikal di bawah RMK10;RP4. Status perlaksanaan projek adalah seperti berikut:

Cadangan Membina dan Menyiapkan Loji Rawatan Kumbahan Fasa 2 Berkapasiti 8,500PE Secara Reka Dan Bina



Agensi Pelaksana :	UTeM
Tarikh Mula :	15 Sept. 2015
Tarikh Siap :	14 Sept. 2016
Status semasa :	Siap sepenuhnya

Pembinaan Bangunan Pencawang Pembahagi Utama Elektrik 33KV & Pencawang Elektrik Serta Kerja Berkaitan



Agensi Pelaksana :	JKR
Tarikh Mula :	30 Jun 2015
Tarikh Siap :	7 Februari 2017
Status semasa :	Di peringkat pembinaan

Kerja-Kerja Menaiktaraf Bekalan Elektrik Dari 11kV Kepada 33kV



Agensi Pelaksana : JKR
 Tarikh Mula : 30 Julai 2015
 Tarikh Siap : 25 Februari 2017
 Status semasa : Di peringkat pembinaan

Membina dan Menyiapkan Tangki Simpanan Air Serta Kerja Berkaitan



Agensi Pelaksana : JKR
 Tarikh Mula : 25 Mei 2016
 Tarikh Siap : 23 Mei 2017
 Status semasa : Di peringkat pembinaan

Pembinaan Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan




Agensi Pelaksana : JKR
 Tarikh Mula : 25 Mei 2016
 Tarikh Siap : 23 Mei 2017
 Status semasa : Di peringkat pembinaan

Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP1)

Usaha Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk terus membangunkan dan mengukuhkan kemudahan di Kampus Induk UTeM telah mendapat sokongan daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Tiga (3) komponen projek baru dan satu (1) projek sambungan dengan jumlah keseluruhan kos projek berjumlah RM138,280,000.00.



Berikut adalah pecahan kos mengikut projek yang telah diluluskan untuk perlaksanaan di bawah RMK11;RP1.



Jadual berikut menerangkan perincian perlaksanaan projek-projek fizikal seperimana di atas:

Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.0 Membina dan Menyiapkan Bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	1 Jun 2017	30 Mei 2019
2.0 Membina dan Menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah	4 April 2017	2 September 2018
3.0 Membina dan Menyiapkan Sambungan Infrastruktur Jalan 2 Hala	4 April 2017	2 Mac 2018

Rolling Plan 2 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP2)

Bagi RMK11;RP2, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah memohon beberapa projek dan program untuk perakuan dan kelulusan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Kos projek/program yang dipohon adalah berjumlah RM232,743,494.93 yang meliputi enam (6) komponen projek/program.

Berikut adalah peratus pecahan bagi permohonan projek berdasarkan projek fizikal dan bukan fizikal:



Selepas beberapa siri perbincangan dan sesi semakan bajet bersama pihak Agensi Pusat, permohonan peruntukan di bawah RMK11;RP2 tidak diperakui dan diluluskan.

Walaubagaimanapun, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan terus memohon peruntukan bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi kemudahan-kemudahan dan infrastruktur sokongan di Kampus Induk UTeM. Sebarang pembangunan bagi memantapkan kemudahan dan infrastruktur sokongan menggunakan peruntukan dalaman Universiti.

PEMBANGUNAN ASRAMA UNTUK 5,000 PELAJAR UTeM MELALUI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PRIVATE FINANCE INITIATIVE, PFI)

Projek pembangunan asrama ini telah berjalan dengan lancar atas kerjasama yang erat di pihak UTeM dan di pihak syarikat konsesi. Berdasarkan prestasi yang amat baik ini, projek dijangka siap sepenuhnya dan diserahkan kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengikut tempoh yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi iaitu pada 15 September 2017.


98

Laporan Tahunan UTeM 2016

BERIKUT ADALAH PERINCIAN PROJEK

- Syarikat : Naluri Etika Sdn. Bhd.
- Tempoh Konsesi : 22.5 tahun
(2.5 tahun tempoh pembinaan; 20 tahun tempoh pajakan)
- Skop dan komponen projek:
 - a) Kolej Kediaman Pelajar 9 tingkat sebanyak 5 blok
 - b) Bangunan Kafeteria
 - c) Kemudahan Gelanggang Sukan
- Tarikh Mula : 16 Mac 2015
- Tarikh Siap : 15 Sept. 2017
- Status fizikal sehingga 17 November 2016:
 - Jadual : 59%
 - Sebenar : 72% (dahulu jadual)





10.0 GEDUNG ILMU DAN INSTITUSI REPOSITORY

Gedung Ilmu dan Institusi Repository

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khasnya dan negara amnya.

Perpustakaan UTeM berdiri teguh dengan kekuatan cawangan di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah dan Kampus Teknologi. Selaras dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai Universiti Teknikal, Perpustakaan UTeM mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna.

Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal. Sehingga kini, koleksi perpustakaan telah melebihi 110, 581 judul bahan yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan media elektronik. Perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan.

Perpustakaan UTeM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.

Pembangunan Koleksi

Unit Buku telah membelanjakan 100% untuk perolehan bahan sebanyak 623 judul/ 646 naskah daripada keseluruhan peruntukan RM260,000 (623 judul/ 646 naskah). Manakala semua pangkalan data telah dibuat pembaharuan langganan dengan bajet sebanyak RM 2,111,776.87 dan lebihan daripada jumlah peruntukan digunakan untuk menampung bayaran langganan bagi tahun 2015.

Jadual 1: Peruntukan Pembangunan Koleksi 2016

Perkara	(RM)
Buku	RM 260,000.00
Jurnal dan Pangkalan Data	RM 3,000,000.00
Jumlah Peruntukan	RM 3,260,000.00

Bahagian Perkhidmatan



Pengguna Perpustakaan

Sasaran: 557,701
2016 : 567,701
2015 : 506,031




Penggunaan Mesin Pinjaman Layan Diri

Sasaran: 674
2016 : 3,184
2015 : 613



Pangkalan Data

Sasaran: 247,100
2016 : 458,150
2015 : 362,633




Bahan Terbitan UTeM dan Sumbangan Luar

Sasaran 3,000
4,268 Naskah

Analisa Maklumbalas Pelanggan Melalui Borang Kaji Soal Selidik Perkhidmatan Perpustaan 2016

Bahagian Perkhidmatan



102

Laporan Tahunan UTeM 2016

Bahagian Kemudahan




Laporan Penerbitan UTeM

SCOPUS adalah pangkalan data bibliografi yang telah dilanggani sejak tahun 2007 mengandungi abstrak dan *citation* untuk artikel jurnal akademik. Ia meliputi hampir 22,000 tajuk daripada lebih 5,000 penerbit, di mana 20,000 adalah jurnal dalam bidang sains saintifik, teknikal, perubatan, dan sosial (termasuk seni dan kemanusiaan).

Pada tahun 2016, sebanyak 18 artikel jurnal berindeks Web of Science berbanding 17 artikel jurnal pada tahun 2015. Manakala di SCOPUS, sebanyak 337 artikel jurnal dihasilkan iaitu peningkatan sebanyak 6 judul (2%) pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya seperti di Rajah 1.

Rajah 1: Statistik Perbandingan Penerbitan Jurnal Staf UTeM di Web Of Science dan SCOPUS Bagi Tahun 2015 dan 2016



Tahun	Web of Science	SCOPUS
2015	17	331
*2016	18	337

*Data sehingga 27 Disember 2016

103

Laporan Tahunan UTeM 2016

Repositori Institusi UTeM (UTeM IR)

Kedudukan UTeM IR dalam Webometrics juga telah melepas sasaran iaitu pada kedudukan ke 964 pada kedudukan dunia dalam ‘world rankings’ berbanding pada tahun 2015 UTeM IR dengan kedudukan ke 1467 pada kedudukan dunia.



Ranking Web of Repositories	
Sasaran: 1,990	2016 : 964 2015 : 1,467


Jadual 2 : Kedudukan UTeM IR dalam World Ranking Webometrics Tahun 2016

ranking	World Rank	Instituto	Size	Visibility	Files Rich	scholar
4	394	Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository	470	472	282	576
5	477	Universiti Malaysia Pahang Institutional Repository	516	705	644	273
6	567	Universiti Kebangsaan Malaysia Journal Article Repository	804	768	503	424
7	591	Universiti Malaysia Perlis Library Digital Repository	232	892	1039	336
8	603	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Institutional Repository	778	784	774	440
9	684	University of Malaya Repository	335	922	619	585
10	741	University of Malaya Students' Repository	870	1022	654	466
11	750	University Utara Malaysia iRepository	685	1046	815	436
12	755	Universiti Utara Malaysia E Theses	998	1001	859	439
13	767	University of Malaya Research Repository	729	870	566	826
14	772	Universiti Malaysia Sabah Institutional Repository	800	1138	1003	288
15	820	Universiti Malaysia Sarawak Institutional Repository	859	1120	1202	414
16	964	Universiti Teknikal Malaysia Melaka Repository	793	1584	1583	194
17	1022	e-IMTIAZ Islamic Science University of Malaysia Repository	837	1288	1034	824
18	1066	Universiti Teknologi MARA Institutional Repository	819	1412	961	779
19	1091	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Institutional Repository	1422	1288	1095	901
20	1099	Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository	1490	1401	1263	702
21	1347	National Library of Malaysia Digital Repository	854	1425	1396	1385
22	1439	Multimedia University Digital Repository	1228	1704	1526	1164
23	1472	Universiti Kuala Lumpur Institutional Repository	873	1933	1479	939
24	1506	Sunway Institutional Repository	1912	1444	1636	1497
25	1627	Universiti Tenaga Nasional Library Digital Repository	725	1605	1565	1744


Capaian Kepada Sumber Elektronik

Capaian kepada sumber elektronik boleh akses 24x7 tanpa had dan sempadan. Semua pangkalan data telah dibuat pembaharuan langganan dengan bajet sebanyak RM 2,111,776.87.

Perpustakaan telah melanggan 18 pangkalan data termasuk Turnitin, SUMMON, ASTM Standard dan MS Online. Tiga penggunaan pangkalan data tertinggi adalah Science Direct, Emerald dan IEEE.

Jadual 2 : Kedudukan UTeM IR dalam World Ranking Webometrics Tahun 2016

Rajah 3 : Jumlah Penggunaan Pangkalan Data Dalam Talian (Carian) E-book



Pempakejan Maklumat

Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Pempakejan Maklumat (*Information Packaging*) kepada staf akademik, penyelidik serta pelajar pasca siswazah. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 48 permohonan telah diterima iaitu dua permohonan tertinggi diterima daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Merujuk kepada Jadual 3, jumlah permohonan pempakejan maklumat meningkat sebanyak 29.7% dari 2015 hingga 2016 mengikut pecahan PTJ dan pelanggan.

Jadual 3 : Statistik Permohonan Pempakejan Maklumat Bagi Tahun 2016

Bil.	PTJ	Akademik/ Pengurusan	Pascasiswazah	Prasiswazah	Jumlah
1.	FKE	-	2	-	2
2.	FKEKK	1	3	-	4
3.	FKM	-	3	-	3
4.	FKP	3	5	3	11
5.	FPTT	2	7	2	11
6.	FTK	2	-	1	3
7.	FTMK	4	5	-	9
8.	PBPI	1	-	-	1
9.	PKA	1	-	-	1
10.	Pejabat TNC (Akademik & Antarabangsa)	3	-	-	3
Jumlah		17	25	6	48

Rajah 4 : Jumlah Permohonan Pempakejan Maklumat Mengikut Bulan Bagi Tempoh Tiga Tahun



Menaiktaraf Portal Perpustakaan

Perpustakaan UTeM telah menaiktaraf portal perpustakaan mengikut versi terkini iaitu Joomla 3.5.1 dengan paparan yang lebih interaktif dan mewujudkan pautan pantas bagi capaian utama kepada pengguna.

Antara penambahbaikan adalah link kepada pencarian bahan atas talian WebOPAC 2.0 dan OCLC WorldCat Discovery Services Portal perpustakaan baharu telah boleh diakses sepenuhnya pada 5 Disember 2016 di <http://library.utem.edu.my>



Aktiviti Perkongsian dan Penyebaran RDA

Pengkatalogan RDA

Pada tahun 2016, Seksyen Pengindeksan telah mengorak langkah ke arah penggunaan format pengkatalogan *Resource Description Access* (RDA). Bermula dengan penganjuran Perpustakaan UTeM dalam mengadakan Bengkel Pengkatalogan RDA pada 16-18 Mei 2016, Seksyen Pengindeksan telah membentuk satu jawatankuasa yang bertindak untuk membangunkan polisi dan manual serta penyediaan ke arah pelaksanaan pengkatalogan dengan standard baru tersebut.

Jawatankuasa Pelaksana RDA telah dibentuk dengan keanggotaannya terdiri daripada Pustakawan di Seksyen Perolehan, Pengindeksan, Automasi dan Rujukan. Pada bulan November 2016, keseluruhan polisi dan manual serta modul katalog Sistem ILMU telah bersedia untuk transformasi kepada format RDA.

107

Kursus Penulisan Jurnal Terindeks dan Berimpak

Pada 13 Oktober 2016, buat julung kalinya, Perpustakaan menganjurkan Kursus Penulisan Jurnal Terindeks & Berimpak Tinggi. Kursus ini disertai oleh 74 penyertaan yang terdiri daripada staf akademik, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah, pembantu penyelidik, pustakawan dan juga staf pelaksana. Kursus ini disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor dan Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Prof. Madya Dr. Mohd Fadzli Abdollah.

Laporan Tahunan UTEM 2016

Perkhidmatan Baharu

Sistem Meja Penasihat Pengguna (MPP) telah dibangunkan untuk kemudahan pegawai yang bertugas merekodkan laporan harian, borang pertanyaan dan rujukan jadual bertugas secara sistematis. Sistem ini telah digunakan di Meja Penasihat Pengguna oleh semua Pustakawan yang bertugas bagi melaporkan aktiviti atau maklumat-maklumat yang diperolehi sepanjang bertugas di Meja Penasihat Pengguna.



**APLIKASI BARU
e-MPP**

Library Navigator pada mulanya dikenali sebagai *Bookshelf Navigator* kerana aplikasi yang dibuat adalah penunjuk arah ke rak-rak bahan yang terdapat di perpustakaan. Aplikasi ini akan membantu dan membawa pengguna ke rak yang mereka inginkan bagi memperolehi bahan yang diperlukan.



108

Perpustakaan telah memperkenalkan penggunaan Segway kepada penggunanya yang dilancarkan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, semasa Majlis Pelancaran Perkhidmatan Baharu. Perkhidmatan ini bertujuan membolehkan pengguna merasai kehadiran teknologi ini dan memberikan satu kelainan kepada perkhidmatan yang biasa perpustakaan tawarkan. Perpustakaan UTeM merupakan perpustakaan Universiti Awam pertama yang menyediakan perkhidmatan Segway. Sehingga Disember 2016, penggunaan perkhidmatan Segway ini adalah sebanyak 891 pengguna yang merangkumi 5 buah Segway.



Pendaftaran akaun, eResources dan konfigurasi telah dilaksanakan melalui :

- *Search WorldCat Discovery Services* : <http://utem.on.worldcat.org>
- *Create account/eResources* : <https://utem.share.worldcat.org>
- <https://utem.share.worldcat.org/wms>
- Konfigurasi : <http://worldcat.org/cofig>
- *Upload files (batchloading)* : <http://psw.oclc.org>

KIK Perpustakaan



**PENARAFAN DUA (2) EMAS
INTERNATIONAL EXPOSITION ON TEAM EXCELLENCE 2016 SINGAPORE**

109

Khidmat Masyarakat

Perpustakaan UTeM telah melaksanakan program khidmat masyarakat. Rajah 1 adalah perbandingan jumlah penganjuran program khidmat masyarakat pada tahun 2015 berjumlah 2 program. Manakala tahun 2016 terdapat penambahan program menjadikan 4 program.



BAPC-1

ABET
NO. SIRI :
UTeM32A0413355

BAS-1

BMS-1



11.0 PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR ICT

Sistem Maklumat Utama Universiti

Sebagai sebuah jabatan yang berperanan sebagai pemangkin dalam memudahkan penyampaian perkhidmatan dalam aktiviti pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), pelbagai pengautomasian proses telah dilaksanakan menerusi penghasilan modul baru dan penambahbaikan ke atas modul-modul sedia ada dalam Sistem Maklumat Utama Universiti.

Bagi tahun 2016, berikut merupakan antara projek yang berjaya dibangunkan dan dilaksanakan:

Modul e-MPK/e-FM (SMSM)	Modul Pakaian Seragam (SMSM)	Modul Isytihar Harta (SMSM)	Modul Cuti Staf Kontrak (SMSM)
Modul CPD (SMSM) - penambahbaikan	Modul Pelan Pengajaran Atas Talian (Teaching Plan Online) - SMP	Modul Permohonan Kemasukan Program Ijazah Sarjana Muda (Application For Admission Bachelor Degree Programme) - SMP	Modul Latihan Industri
Modul iCGPA - SMP	Modul Kepakaran Penyelia (Supervisor) - SMPS	Pembayaran online menggunakan kad kredit (MIGS - Mastercard internet Gateway Services) - SMPS	Modul Permohonan Atas Talian Pelajar Pasca Siswazah
Modul Joint Research Project - URIS	Modul Research Registration Without Grant -URIS	Permohonan Artikel Jurnal Berindeks - URIS	Penambahbaikan Klasifikasi Aduan Mengikut Jenis Aduan - Pejabat Pembangunan (SMF)
Penambahbaikan SMF - PPPK (Tugasan Luar Juruteknik) - SMF	Penambahbaikan pada modul - modul yang terlibat dengan perubahan Kumpulan Wang (SMKB)	Skrin Terimaan GST (SMKB)	

Kejayaan Projek i-REG di ICQCC Bangkok Thailand

Kumpulan TechITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) telah melakar sejarah penglibatan dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat antarabangsa apabila telah memperolehi Anugerah Emas (Gold Award) di International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2016 di Bangkok Thailand pada 22-27 Ogos 2016.

Kumpulan TechITez mempertandingkan projek “i-REG” pada konvensyen tersebut yang merupakan inovasi proses kerja bagi Pendaftaran Pelajar Baharu. Kumpulan TechITez merupakan kumpulan pertama dikalangan Pentadbir yang berjaya membawa KIK sehingga ke peringkat antarabangsa.

Perbadanan Produktiviti Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) adalah badan yang menguruskan penyertaan semua kumpulan KIK daripada Malaysia ke Bangkok.

Kejayaan Anugerah Emas ini telah dikongsi bersama 38 kumpulan lain daripada Malaysia yang turut mendapat Anugerah Emas. Konvensyen ini melibatkan 12 negara lain yang turut bertanding mengikut kategori pengurusan dan juga teknikal seperti India, Singapura, Indonesia, China, Korea Selatan, Jepun, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Filipina, dan Bangladesh.

Penganjuran ICQCC kali ini adalah anjuran *The Association of QC Headquarters of Thailand*. Konvensyen tersebut telah diadakan di The Centara Grand di Central Plaza Ladprao Bangkok Hotel.



TechTez UTeM harumkan nama Malaysia

Oleh SHAHIRAH BINTI MOHD SAJAH

DURIAN TUNGGAL, 3 Sept. - Universiti Teknologi Melaka (UTeM) mengikuti Pertandingan Pengiktirafan dan Komenangan (PPPK) Tuan Guru Negeri (TGN) Terengganu (TechTez) iaitu menggalakkan pelajar dan ahli universiti merentasi perancangan siri ke International Convention On Quality Control (ICQCC) di Bangkok, Thailand, bermula hari ini.

Pengerusi PPKE UTM, Prof. Dr. Shahirah Binti Mohd Sajah berkata, TechTez adalah perwakilan projek internal Universiti Terengganu (UTeG) yang dibentuk pada tahun 2008 dan menyertai pertandingan pada setiap tahun.

"UTeG memperluas sistem operasionalnya dengan menambah jumlah ahli universiti dan mendakwa pihak berwajah tua untuk merentasi pertandingan projek. "Seterusnya penilaian projek ini akan dilakukan oleh ahli universiti terhadap projek yang dilaksanakan. Projek ini akan dilaksanakan pada setiap tahun."

Shahirah berkata, teknologi merupakan sebahagian penting dalam pembangunan negara dan sejak bertemu dengan teknologi, manusia semakin maju dan berjaya.

Shahirah berkata, teknologi merupakan sebahagian penting dalam pembangunan negara dan sejak bertemu dengan teknologi, manusia semakin maju dan berjaya.



Lembaga Teknologis Malaysia

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah dilancarkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Madius Tangau pada 17 November 2016, ditubuhkan sebagai sebuah badan profesional untuk mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional (Professional Technologist) serta Juruteknik Bertauliah (Certified Technician) sebagai profesion ikhtisas selaras dengan saranan Kerajaan yang telah mengenal pasti keperluan penubuhan satu badan profesional untuk mendaftar dan mengiktiraf lulusan berkaitan kemahiran dan teknologi.

Pendaftaran keahlian teknologis dan juruteknik yang layak boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang www.mbot.org.my. Sehingga kini hampir 1200 permohon yang telah membuat permohonan ke dalam sistem.

PPPK telah diberi kepercayaan untuk membangunkan laman web MBOT serta sistem pendaftaran secara atas talian, yang menyaksikan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib merupakan Ketua Jawatankuasa Pendaftaran dan merupakan salah seorang ahli lembaga MBOT.

Selain itu, PPPK terlibat secara langsung pada hari pelancaran untuk pendaftaran pemohon. PPPK juga melalui MBOT telah diundang oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT sebagai pempamer bagi mempromosikan perkhidmatan pendaftaran teknologis dan juruteknik dengan MBOT sempena program Jelajah KPT:Soaring Upwards 2.0 yang bertemakan "Belia Berpendidikan Memacu Pembangunan Negara" yang turut melibatkan karnival kerjaya di Sunway University pada 26 November 2016.



114

Varsity Cycling Challenge 2016 (VCC 2016)

Varsity Cycling Challenge 2016 merupakan kejohanan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama UTeM. Kejohanan ini membabitkan 11 kategori dan laluan sejauh 85 kilometer (km) di Durian Tunggal, Bemban, Jasin, Asahan dan Selandar.

Sebagai menyokong dan mempromosikan kejohanan ini, PPPK telah dilantik sebagai Jawatankuasa Laman Web dan Pendaftaran Online. Seramai 366 peserta telah mendaftar untuk kejohanan pada tahun ini.

Pautan ke laman web dan Pendaftaran Online ini boleh diakses di laman sesawang vcc.utm.edu.my. Sistem Pendaftaran Online ini menyediakan kemudahan untuk mendaftar secara online, mencetak slip pendaftaran dan peserta juga boleh menyemak status pendaftaran individu atau kumpulan masing-masing. Selain daripada itu, sistem ini juga menyediakan kemudahan untuk Pentadbir/Urusetia VCC bagi menyemak maklumat, mengemaskini maklumat dan menjana laporan serta senarai peserta dengan lebih cepat dan mudah.



SISTEM PENDAFTARAN VARSITY CYCLING CHALLENGE 2016							
Kategori	Nama	No. Pendaftaran / No. Ref.	Status	Tarikh Bayar	Dilulus	Nama	Pengaruh
1. MAHALIMAH HAZRITH QURAINI BINTI FAZIRAH	1000100004413	LELAJU	10	27/11/2016	✓	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)	WILAYAH KEDUA BERSAMA
2. INGRID NAWAFIDAH ZULKEFLI BINTI HOSSEIN	0702100005813	LELAJU	10	27/11/2016	✓	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)	WILAYAH KEDUA BERSAMA
3. HENGGE SUZIEZ BINTI HABIBI ABDUL	7107121100407	LELAJU	1	27/11/2016	✓	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)	WILAYAH KEDUA BERSAMA
4. MO ABDI HIZRI	7105121100408	LELAJU	1	27/11/2016	✓	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)	WILAYAH KEDUA BERSAMA
5. LEE JENIS HABIBI	8404121100408	LELAJU	10	27/11/2016	✓	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)	WILAYAH KEDUA BERSAMA
6. DENOCE PRESTON BOY ABDOU MASSO	0510111114415	LELAJU	1	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
7. SHAMIMA BINTI RAHMAN	7101100004828	LELAJU	10	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
8. HENDRI KHAMPAH BEN SALIFF	0710111100	LELAJU	0	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
9. HENDRI KHAMPAH BEN FATHI	2100100000	LELAJU	10	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
10. MIRONAH HABIBI HABIBI	0400121100175	LELAJU	0	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
11. MOHAMAD DAWEY HABIBI	7001111100407	LELAJU	10	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
12. MOHD SHAHAR HABIBI	0401111100500	LELAJU	10	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA
13. SHAFIQAH HABIBI	0601111100501	LELAJU	10	27/11/2016	✓	WILAYAH KEDUA BERSAMA	WILAYAH KEDUA BERSAMA

Personalize Menu di Portal i@UTeM

Personalize Menu adalah kemudahan yang disediakan di portal i@UTeM untuk memudahkan pengguna memilih sendiri menu-menu yang dikehendaki atau yang selalu diakses. Menu-menu yang dipilih oleh pengguna akan dipaparkan di skrin utama iaitu menu Akses Pantas yang disediakan di portal i@UTeM. Kaedah ini akan memudahkan pengguna untuk mengakses menu yang selalu dicapai dengan lebih pantas tanpa perlu masuk pada satu-satu sistem.



Pencapaian Infrastruktur ICT

Kawalan Penyewaan Pencetak Secara Berpusat

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh PPPK berkaitan penyewaan pencetak rangkaian (*network copier / photostat machine*) yang terdapat di seluruh UTeM, didapati bahawa terdapat beberapa isu yang dilihat perlu diselesaikan dan diatasi. Antara isu - isu tersebut adalah pengurusan kontrak yang tidak teratur, kos sewaan yang berbeza serta kurangnya pemantauan yang mengakibatkan penggunaan yang tidak terkawal.

Mesyuarat Eksekutif telah bersetuju agar dalam merealisasikan langkah penjimatan dan pengurusan sumber yang lebih berkesan, perlaksanaan penyewaan pencetak secara berpusat di seluruh UTeM akan diselaraskan oleh PPPK. Berikut merupakan penyelesaian yang diambilkira oleh PPPK dalam menguruskan perkhidmatan percetakan berpusat di UTeM.



Sepanjang perlaksanaannya pada tahun 2016, pihak universiti telah berjaya menjimatkan sejumlah RM 55,000.00 daripada kos sewaan bulanan dengan penggantian 41 unit pencetak rangkaian.

Peratus Penggunaan Fasiliti Yang Disediakan Oleh Pusat Data

Fasiliti yang telah disediakan oleh Pusat Data kepada staf dalam menyokong aktiviti pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran ialah seperti *Virtual Desktop Infrastructure (VDI)*, *UTeM Private Cloud* dan *Storage Allocation*

Fasiliti *Virtual Desktop Infrastructure (VDI)*

Sebanyak 100 lesen telah disediakan kegunaan staf, pelajar dan di makmal. Oleh itu sebanyak 60 *Virtual Desktop* telah dibangunkan yang boleh diakses secara bersama pada sebarang masa, lokasi dan oleh sesiapa sahaja. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kos pembelian lesen dengan menggunakan *floating*

60 Virtual Desktop



Fasiliti UTeM Private Cloud


Fasiliti ini disediakan untuk kegunaan staf dan pelajar untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dan penyelidikan. Pengwujudan *virtual server* dapat disediakan dalam masa yang singkat yang menggunakan sistem pengoperasian *Windows* dan *Linux*. Sebanyak 32 daripada 40 *virtual server* telah dibangunkan berasaskan permintaan.

The screenshot shows the UTeM Private Cloud Service Catalog interface. At the top, there are tabs for Home, Catalog, Items, Requests, Inbox, Advanced Services, and Admini. A banner displays "32/40 Virtual Server" and the UTeM logo. On the left, a sidebar titled "Service Catalog" lists "All Services" and categories for "Faculty / PTJ" and "Staff". The main area, titled "All Services (7)", lists seven virtual server options with their respective icons, descriptions, and "Request" buttons:

- CentOS 6.4 - Faculty BP
- CentOS 6.4 64 bit for UTeM Faculty/PTJ
- CentOS 6.4 - Staff BP
- CentOS 6.4 64 bit for UTeM Staff
- Virtual Private Server - Fa...
- Virtual Private Server (Without OS) for UTeM Faculty/PTJ
- Virtual Private Server - St...
- Staff BG
- Virtual Private Server (Without OS) for UTeM Staff
- Win2008 Server R2 Std - ...
- Staff BG
- Windows 2008 Enterprise Edition 64bit for UTeM Staff
- Win2012 Server-R2-Std - ...
- Faculty BG
- Windows2012-R2-Standard for UTeM Faculty/PTJ
- Win2012 Server-R2-Std - ...
- Staff BG
- Windows2012-R2-Standard for UTeM Staff

Fasiliti Storage Allocation

Fasiliti ini disediakan untuk menggalakan staf terutama staf akademik supaya menyimpan segala data, maklumat, grafik dan dokumen ke dalam Pusat Data yang mana sudah terjamin dari segi kerja penyelenggaran seperti backup, restore dan keselamatan data. Sehingga kini sebanyak 70% daripada 100 TB kapasiti storan telah digunakan.




Perlaksanaan Server Network Segmentation untuk Virtual Machine

Bermula dengan konsep *Server Consolidation* dan *Virtualization* berskala kecil pada tahun 2008, permohonan dan kehendak kepada penggunaan server semakin tinggi hingga mencecah kepada 200 *Virtual Machine* pada akhir tahun 2016.

Perlaksanaan *Server Network Segmentation* ini dan termasuk semua *Virtual Machine* harus dilakukan di mana pembahagian ini berdasarkan fungsi server. Kelebihan yang diperolehi daripada *segmentation* dapat memudahkan penyelenggaraan dan pengoperasian samada dari segi keselamatan, capaian pengguna, capaian pangkalan data dan sebagainya. *Server Network Segmentation* ini terbahagi kepada beberapa fungsi seperti berikut :

- i. Production
- ii. UTeM Cloud
- iii. Virtual Desktop
- iv. Sewaan Agensi Luar
- v. DMZ
- vi. Development

Server Network Segmentation





12.0 KECEMERLANGAN MAHASISWA

Kecemerlangan Mahasiswa


Sepanjang tahun 2016 Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah melaksanakan sebanyak 325 buah program/aktiviti pelajar daripada pelbagai kelab/persatuan/sekretariat yang merangkumi 6 Aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika Dan Kerohanian Dan Identiti Nasional.

Penglibatan seramai 43,121 orang pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui persatuan/kelab/sekretariat yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak industri) atau komuniti setempat.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan berpersatuan berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan organisasi, berkomunikasi, kepimpinan dan jati diri bagi membentuk pelajar yang holistik, seimbang akademik dan kokurikulum dan boleh bersaing serta menempatkan diri diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Program Anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab/Persatuan Mengikut Kategori Sepanjang 2016

KATEGORI	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	Ogos	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM
KEROHANIAN	0	0	9	4	6	1	1	3	2	10	7	4	47
KEPIMPINAN	2	3	0	4	4	1	1	5	3	3	6	1	33
PENGURUSAN	2	2	10	4	10	2	0	3	8	17	15	3	76
KEUSAHAWANAN	0	1	3	2	1	0	0	0	2	0	1	2	12
SUKAN & REKREASI	5	3	18	12	19	0	1	2	6	12	14	4	96
KEBUDAYAAN	0	2	3	2	1	0	0	1	0	3	7	3	22
KESUKARELAWANAN	1	1	5	6	5	3	1	0	1	5	9	2	39
JUMLAH	10	12	48	34	46	7	4	14	22	50	59	19	325

BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI PELAJAR SEPANJANG TAHUN 2016

Bilangan Penyertaan Pelajar Dalam Program Anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab/Persatuan Mengikut Kategori Sepanjang 2016

KATEGORI	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM
KEROHANIAN	0	0	480	140	270	1400	250	6000	4000	1388	1677	155	15760
KEPIMPINAN	60	170	0	270	100	10	10	2840	200	217	223	1	4101
PENGURUSAN	109	42	780	201	890	104	0	1647	1948	1733	578	125	8157
KEUSAHAWANAN	0	300	680	65	200	0	0	0	450	0	40	493	2228
SUKAN & REKREASI	230	55	1815	544	783	0	19	31	186	360	2299	101	6423
KEBUDAYAAN	0	210	65	75	50	0	0	50	0	766	778	506	2500
KESUKARELAWANAN	20	12	360	195	185	150	18	0	300	1182	1430	100	3952
JUMLAH	419	789	4180	1490	2478	1664	297	10568	7084	5646	7025	1481	43121



Program Kesukarelawanan

Sukarelawan merupakan satu strategi penting bagi mengalakkan penyertaan mahasiswa ke dalam sosial perubahan dan pembangunan manusia. Aktiviti sukarelawan merangkumi pelbagai aspek termasuklah meningkatkan kesedaran tentang kesihatan, menanam pokok-pokok dan membela hak asasi manusia.

Aktiviti sukarelawan ini sudah pasti mampu menyumbang kepada penglibatan mahasiswa dalam mencapai transformasi diri serta dapat berkhidmat secara langsung kepada masyarakat luar.

Pelbagai program kesukarelawanan telah diadakan sama ada anjuran mahasiswa UTeM itu sendiri dan juga anjuran daripada pihak luar. Antaranya ialah:

Pelajar UTeM Bantu Mangsa Ribut

Program gotong royong Sukarelawan Bencana Ribut anjuran Majlis Perwakilan Pelajar telah diadakan di Durian Tunggal dengan kehadiran seramai 20 orang peserta bergotong royong membersihkan kawasan kediaman penduduk Padang Kerbau. Program gotong royong ini melibatkan beberapa kawasan termasuklah rumah-rumah yang rosak teruk serta pembersihan sekitar kawasan kampung.

MPP Perkenal Kit Ziarah

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (MPP UTeM) mengambil inisiatif memperkenalkan Kit Ziarah sebagai kemudahan tambahan kepada pelajar yang telah dimasukkan ke wad hospital. Antara barang dalam kit tersebut adalah pinggan, cawan, mangkuk, jag, sudu dan termos air panas.

Dengan adanya pemberian Kit Ziarah ini, sedikit sebanyak dapat mengeratkan lagi hubungan ukhuwah dan silaturahim melalui amalan ziarah-menziarahi dalam kalangan pelajar.

Siswa Patriotik Bersama Komuniti

Program Siswa Patriotik Bersama Komuniti ini telah diadakan pada 24 September 2016 dengan penglibatan seramai 385 orang peserta dari pelbagai UA dan IPTS Negeri Melaka pada 24 September 2016 telah diagihkan kepada tiga kawasan iaitu Kampung Ayer Molek, Kampung Belimbang Dalam dan Kampung Simpang Bekoh.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah gotong-royong kampung, lukisan mural kemerdekaan, mengecat rumah orang miskin terpilih, mengecat surau, membersihkan madrasah dan kawasan kubur, aktiviti mewarna kanak-kanak, mini sukaneka, membina landskap, mananam pokok, menyembelih lembu, rewang dan kebnduri kesyukuran.

Program ini juga diserikan lagi dengan kehadiran Ahli Dewan Negeri (ADUN) dan wakil Adun kawasan masing-masing. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib di Kampung Ayer Molek.

BASTEK UTeM Terapkan Elemen Kemasyarakatan

Seramai 70 orang mahasiswa UTeM telah memperolehi kenangan manis melalui penganjuran Program Bakti Siswa Teknikal (BASTEK) di Jerteh, Terengganu yang berlangsung pada 7 hingga 10 April 2016.

Program anjuran MPP UTeM ini bertujuan untuk memupuk rasa sayang atau keinginan kepada mahasiswa untuk mendekati masyarakat melalui konsep keluarga angkat selain mempromosi aliran teknikal kepada warga penduduk.

Seramai 35 keluarga dari 5 buah kampung terlibat iaitu Kg Alor Saji, Kg Lay Out Gerai, Kg Bukit Kenak, Kg Gerai dan Kg Pak Wong yang ditunjangi hebat oleh JKKK masing-masing. Menariknya, program ini turut dikunjungi Menteri Pendidikan Tinggi Dato' Seri Idris Jusoh semasa berada di Desa Ukiran Kayu Kampung Raja. Para peserta yang hadir tidak melepaskan peluang bertemu dan bermesra dengan beliau sepanjang kunjungan tersebut. Dato' Seri Idris sempat memberi kata-kata semangat dan nasihat buat mahasiswa-mahasiswi UTeM.

Dalam pada itu, Setiausaha Politik Pejabat Kementerian Pendidikan Tinggi Datuk Haji Halim Bin Jusoh turut melahirkan rasa teruja dengan pendekatan perkongsian ilmu teknikal dan inovasi oleh mahasiswa-mahasiswi UTeM di sekolah-sekolah sekitar daerah Besut.

Program Pembangunan Pelajar

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) turut melaksanakan beberapa program yang lebih menitikberatkan pembangunan sahsiah mahasiswa dalam mencapai kecemerlangan sama ada dari segi akademik atau pun kehidupan yang boleh diguna pakai setelah berada di alam pekerjaan maupun berdepan dengan masyarakat luar.

Program Ikon Khalifah

124

Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan program meningkatkan kecemerlangan pelajar bertemakan Ikon Khalifah bertempat di Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia (PDRM), Muar Johor pada 2 hingga 3 April 2016.

Program ini merupakan agenda utama UTeM untuk meningkatkan bilangan pelajar mencapai keputusan ijazah kelas pertama apabila bergraduasi. Program ini juga menggunakan pendekatan Visual, Auditory dan Kinesthetic (VAK) iaitu mendorong pelajar untuk menentukan matlamat masa hadapan untuk menyusun atur strategi dan langkah yang dipilih sendiri oleh pelajar.

Karnival Penghayatan Islam (KPI)

Karnival Penghayatan Islam (KPI) anjuran Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR) UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM turut memeriahkan Pesta Konvolesyen UTeM kali ke 12 yang telah diadakan di tapak pesta konvo, Kampus Induk Durian Tunggal pada 1 Oktober hingga 15 November 2016.

Program KPI VII adalah medium dakwah kepada masyarakat UTeM di mana ia dijadikan sebagai program pembukaan Pesta Konvo serta dijadikan program tahunan. Bertemakan “Journey To Jannah” program pada tahun ini memberi sedikit kelainan daripada sebelumnya iaitu menjadikan syurga Allah sebagai destinasi terakhir di samping memberi bimbingan dan dalam pembentukan akhlak Islamiah. Dengan adanya program seperti ini, diharap dapat membentuk mahasiswa yang berintergriti, bersahsiah dan berakhlik tinggi selaras dengan kehidupan seorang mahasiswa yang bakal menjadi golongan profesional dan pelapis pemimpin negara pada masa akan datang.

Sahur On The Road bersama SENIMAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyediakan 1000 pek makanan untuk para pelajar pada Program Sahur On The Road di perkarangan Arked Lestari, Kolej Kediaman Lestari pada 14 Jun 2016. Program kerjasama UTeM dan pihak Persatuan Seniman di mana UTeM dipilih sebagai tempat bersahur bersama pelajar.

UTeM adalah universiti pertama yang terlibat dalam Program Sahur bersama golongan seniman seterusnya mendapat peluang mendekati golongan artis. Seramai 500 orang pelajar terlibat dalam program tersebut dan beberapa orang atris yang hadir termasuklah Zed Zaidi merangkap presiden Seniman Malaysia, Joe BPR, Zack Kool Syed Ali dan Nas Adila.

Pencapaian Program Berimpak

125

Pada tahun 2016, beberapa kejayaan telah dicapai oleh mahasiswa melalui beberapa program/ aktiviti sama ada di peringkat universiti mahupun di peringkat antarabangsa.

Rekod Malaysia “The Largest Logo Formation Using Bottle Caps”

Program The Largest Logo Formation Using Bottle Caps” anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina (KKKC) telah diadakan di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) pada 17 September 2016. Majlis ini dirasmikan oleh Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ar. Hj. Ismail Hj. Othman.

Antara Tetamu Kehormat yang turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid, Penasihat KKKC Prof. Madya Dr. Tay Choo Chuan dan Ahli Majlis MBMB Soon Lam San. Wakil daripada Malaysia Book of Record Lee Pooi Leng telah menyampaikan sijil pencapaian kepada Prof. Dr. Izaidin kerana telah berjaya memecahkan rekod Malaysia “The Largest Logo Formation Using Bottle Caps”.

Pertandingan Robot Antarabangsa 2016

Pasukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membawa pulang pingat gangsa pada Pertandingan Robot Antarabangsa 2016 yang berlangsung di Seoul, Korea Selatan.

Pasukan UTeM yang diwakili 4 orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah mempetaruhkan robot mereka yang dikenali sebagai Altino Saeon yang dicipta menggunakan empat komponen utama dan sensor iaitu C programming, Android, Ras-pberry Pi dan MSRDS Visual Programming untuk melakukan pelbagai tugas dalam sektor pembuatan.

Dalam pertandingan bersempena Hari Robot Sedunia yang berlangsung di Ihsan Kintex Ex-hibition Hall itu, UTeM diwakili Amirul Hakim Mohd Noor, Mohamad Syafiq Khamaron, Muhammad Fadzlan Fisal dan Muhamad Zhariff Asri.

UTeM Rangkul Naib Johan *Indoor Rowing Kebangsaan*

Pasukan Rowing Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) muncul naib johan Kejohanan Indoor Rowing Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 21 hingga 22 Februari 2016 di Batu Pahat, Johor.

Kejohanan anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi merebut Piala Timbalan Naib Canselor itu, pasukan Rowing UTeM telah meraih dua pingat emas, tiga perak dan dua gangsa.

Hurricane UTeM Juara Kumpulan Sorak IPT

Seramai 40 orang pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mengharumkan nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) selepas menjuarai pertandingan *Cheer It Loud* sempena Sambutan Hari Sukan Universiti Antarabangsa 2016 di Shah Alam.

Program ini melibatkan sorakan yang mempamerkan kreativiti mengikut instrumentasi muzik mewakili imej dan identiti setiap universiti. Pertandingan berkonseptan pasukan ultra itu telah disertai sebanyak tujuh IPT.

SAF Cungkil Bakat Mahasiswa UTeM

Seramai 1500 orang atlet yang terdiri daripada pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Sukan Antara Fakulti (SAF) pada kejohanan sukan peringkat universiti di Pusat Sukan UTeM.

Kejohanan SAF anjuran Pusat Sukan UTeM dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM itu bertujuan menggalakkan budaya bersukan dalam kalangan pelajar seterusnya mengenal pasti mahasiswa yang berbakat untuk diketengahkan pada kejohanan sukan peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan 18 acara termasuklah bola tampar, bola keranjang, bola sepak, catur campuran, basikal rowing dan pelbagai lagi.

Sebanyak tujuh fakulti telah mengambil bahagian dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) berjaya menjadi johan keseluruhan.



13.0 PENGURUSAN BAKAT

Statistik Staf

Sehingga 31 Disember 2016, jumlah waran yang diluluskan oleh Agensi Pusat adalah sebanyak 2065 jawatan merangkumi 4 jawatan Pengurusan Utama, 936 Jawatan Akademik, 188 jawatan Pentadbiran (Pengurusan & Profesional) dan selebihnya 937 jawatan Pentadbiran (Pelaksana). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2110 jawatan telah diisi secara tetap, kontrak dan sementara.

Jadual di bawah menunjukkan waran dan pengisian bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Waran dan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2016

Kumpulan	Bil. Waran	Bilangan Pengisian Mengikut Status			Isi	Baki
		Tetap	Kontrak	Sementara		
Pengurusan Utama	4	4	0	0	4	0
Akademik	936	861	34	1	896	75
Pengurusan & Profesional	188	186	27	0	213	2
Pelaksana	937	895	102	0	997	42
Jumlah	2065	1946	163	1	2110	119

Pengisian Jawatan Staf Akademik (Pensyarah) Universiti

Jawatan	Gred	Bilangan
Profesor Gred Khas A	VK5	8
Profesor Gred Khas B	VK6	7
Profesor Gred Khas C	VK7	21
Profesor Madya	DS54	45
Profesor Madya	DS53	10
Pensyarah Kanan	DS52	302
Pensyarah Kanan	DS51	51
Pensyarah	DS45	386
Jumlah		830

Staf Akademik Berkelayakan Akademik

Seramai 340 pensyarah yang berkhidmat di Universiti adalah berkelayakan PhD dan menjadikan peratusan pensyarah berkelayakan PhD meningkat daripada 35.75% pada tahun 2015 kepada 40.96% pada tahun 2016.

Peningkatan ini hasil daripada pelantikan staf baru yang mempunyai kelayakan PhD juga sedia ada melalui peningkatan taraf kelulusan akademik (di bawah Skim Cuti Belajar). Jadual di bawah menunjukkan pecahan pensyarah berkelayakan PhD di Universiti ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Peratus Pensyarah Berkelayakan PhD Tahun 2016

BILANGAN PENGISIAN SEMASA								
Pensyarah dengan PhD (tidak termasuk kontrak)	Pensyarah kontrak dengan PhD			Pensyarah dengan sarjana keparakan atau setaraf	pensyarah kontrak tanpa phd	Pensyarah tanpa phd	Jumlah pengisian	Peratus PhD atau setaraf
a	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah (b)	c	d	e	f=a+b+c+d+e	g=a+b+c/f*100
321	6	13	19	0	15	475	830	40.96

Audit Perjawatan

Universiti telah melaksanakan audit perjawatan yang melibatkan beberapa skim perkhidmatan sebagai usaha mengoptimumkan sumber manusia sedia ada di UTeM. Antara perjawatan yang terlibat ialah staf akademik, Penolong Jurutera dan Pembantu Operasi. Ia adalah selaras dengan langkah kerajaan untuk merasionalisasi dan mewujudkan Perkhidmatan Awam yang kejat (*Lean Civil Service*).

Satu jawatankuasa khas ditubuhkan pada peringkat Universiti bagi melakukan kajian terperinci yang menyentuh pelbagai aspek pekerjaan terutamanya berkenaan beban dan keperluan tugas, skop dan tanggungjawab, kajian penstrukturran dan keperluan penempatan. Hasilnya penstrukturran organisasi dan penempatan semula staf telah dilaksanakan.

Universiti akan meneruskan audit perjawatan kepada beberapa skim lain yang lebih menyeluruh. Ia adalah satu langkah bagi meningkatkan kecekapan, prestasi dan motivasi staf. Langkah ini juga bagi mengelakkan pembaziran sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam.

Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) UTeM 2015-2025



Pengurusan sumber manusia di Universiti berperanan besar dalam melaksanakan dasar sumber manusia yang selari dengan aspirasi negara untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Justeru itu, proses perancangan strategik ini memerlukan dasar yang berkesan meliputi perancangan strategik dan perancangan modal insan untuk memimpin perubahan jangka pendek dan jangka panjang yang digunakan untuk menentukan kecemerlangan kualiti dan ketepatan kuantiti sumber manusia di Universiti.

Selaras dengan itu, bagi merealisasikan hasrat tersebut, Universiti perlu membangunkan Pelan Strategik Sumber Manusia yang merangkumi Pelan Penggantian dan Pelan Pembangunan Individu (IDP). Penyediaan PSSM ini disejajarkan dengan arus perdana pengajian tinggi yang memberi fokus kepada kualiti, daya saing, kreativiti dan inovasi.

Berdasarkan Laporan Interim Autonomi Universiti, Pelan Strategik Sumber Manusia Universiti adalah di syor untuk dipercepatkan pembangunannya agar boleh dijadikan panduan dalam memacu aktiviti-aktiviti sumber manusia selaras dengan Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

Sehubungan dengan itu, untuk memperjelaskan hala tuju pengurusan sumber manusia secara sistematik selari dengan visi, misi dan objektif sumber manusia di UTeM, penyediaan dan pelaksanaan diperlukan bagi membangunkan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) UTeM 2015-2025.

Objektif


130

PSSM UTeM, merupakan pelan dan rujukan utama untuk merancang, membangun, melaksana dan menilai program serta aktiviti pengurusan sumber manusia dengan mengambil kira aspek pengambilan, penempatan, pembangunan kerjaya, latihan, pengiktirafan, penghargaan serta pelan penggantian staf agar sejajar dengan arus perdana pengajian tinggi yang memberi fokus kepada kualiti, daya saing dan inovasi.

Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia UTeM 2015-2025.

Terdapat 4 fasa yang terlibat iaitu:

- i. Fasa 1 - Perancangan dan Penyediaan PSSM;
- ii. Fasa 2 - Pelaksanaan Strategi PSSM;
- iii. Fasa 3 - Draf Akhir Penulisan; dan
- iv. Fasa 4 - Penulisan & Pembentangan Pengurusan



AKTIVITI DI SETIAP FASA PELAKSANAAN PSSM UTeM 2015 - 2025

FASA 1 PERANCANGAN DAN PENYEDIAAN

Mesyuarat Sebut harga Tidak Bersebuju pelantikan Konsultan . 3 Mac 2015
Menyatakan persediaan aras dengan IPTA dan agensi lain

Taklimat persediaan dokumen (Peserta : 42 orang)
Resolusi : SWOT analisis, cabaran & Kerangka SM 6 Mac 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.1/2015 10 April 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.2/2015 17 April 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.3/2015 20 April 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.4/2015 8 Mei 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.5/2015 14 Mei 2015

Pra Bengkel Pelaksanaan PSSM Bil.1/2015
Peserta : 47 orang, Ketua Facilitator, Wakil-wakil Skim Resolusi : Cabaran Sumber Manusia dan Kerangka PSSM 18-19 Mei 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.6/2015 25 Mei 2015

PIA BENGKEL PELAKSANAAN PSSM
DATO' DR. RAJA MALIK BIN RAJA MOHAMED & PUAN FAEEZA MD NOH

CADANGAN KONSULTAN

- PM MOHD SHOKI BIN MO ARIFF (UTM)
- DR. NORHAYATI MOHAMAD ZOKWAN (UTM)

JASUMA
Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia IPTA

UPM
Universiti Malaysia Perlis

UMP
Universiti Malaysia Perlis

Universiti Teknologi MARA

PELANTIKAN FASILITATOR DALAMAN

- PROF. DR. MOHTAR BIN MOHD YUSOF
- PROF. DR. SALLEH BIN YAHYA

FASA 2 PELAKSANAAN STRATEGI PSSM

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.7/2015 23 Jun 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.8/2015 30 Jun 2015

Mesyuarat Perangai Bengkel Pelaksanaan Strategi PSSM Bilan Konsensus 31 Jul 2015

Bengkel Pelaksanaan Strategi PSSM Bil.2/2015
Peserta : 55 orang, Penasihat Terangsi, Facilitator, Ketua Konsensus & Wali Konsensus-Konsel di Utara Nama : Taris Senggara dan Noh Timseen 2015 - 2025 7 - 9 Ogos 2015

Bengkel Pre-Peluncuran Blue Print : Boleh Rakan dan Isteri Peserta : 11 orang 15 - 18 Ogos 2015

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.9/2015 28 Ogos 2015

BENGKEL MULAKAAT PSSM DI NASH-SEKH
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2015

FASA 3 Deraf Penulisan Dokumen

Mesyuarat Berkala Blue Print Bil.10/2015 11 Sept. 2015

Bengkel Pre Persalinan PSSM : Boleh Aktiviti dan Isteri (Peserta : 10 orang) 21 - 22 Sept. 2015

Bengkel Ahir Persalinan PSSM, Peserta : 30 orang Katus, Facilitator, Wakil-wakil Taris, Pewaris Utara dan Selatan, Pengurusan Pengurusan dan Penarikan Bulan PSSM UTeM 2015 - 2025 17 - 18 Okt. 2015

FASA 4 Penulisan & Pembentangan Pengurusan

8 - 9 Nov. 2015 Bengkel Penulisan Blue Print : Boleh Rakan dan Isteri (Peserta : 11 orang)

12 Nov. 2015 Temuan Ahir Persalinan PSSM UTeM kepada Konselutur Terus

17 Nov. 2015 Persara Pengurusan di Mesyuarat PPBM Bil.6/2015

24 Nov. 2015 Persegerayaan serahan Buletin Cawangan kepada PSSM UTeM

30 Nov. - 1 Dis. 2015 Bengkel Pengurusan dan Rekaduan Ahir PSSM UTeM (Peserta : 10 orang)

10 Dis. 2015 Persara PSSM UTeM di Mesyuarat UPU Bil.3/2015

18 - 20 Dis. 2015 Bengkel Penyatuan/Perakuan PSSM UTeM (Peserta : 8 orang)

Rolan Strategik SUMBER MANUSA 2015 - 2025

Fasa 1 : Perancangan & Penyediaan PSSM UTeM 2015-2025

Sejarah Pelaksanaan PSSM UTeM 2015-2025 bermula dengan satu cadangan kertas kerja diangkat ke Mesyuarat Sebut Harga Bil.2/2015 yang mencadangkan pelantikan konsultan daripada UTM iaitu Prof. Madya Mohd Shoki bin Md Ariff dan Dr. Norhayati binti Mohamad Zokwan sebagai perunding bagi penyediaan PSSM UTeM. Walau bagaimanapun keputusan mesyuarat tidak bersetuju akan cadangan kertas kerja tersebut dan mencadangkan menggunakan kepakaran dalaman dalam menjayakan PSSM UTeM.

Pejabat Pendaftar telah membuat penanda aras dengan beberapa IPTA dan agensi awam. Antaranya UTM, UPM, UiTM, UMP, JPA dan JASUMA (Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia IPTA).

Jawatankuasa kerja telah dibentuk yang terdiri daripada kalangan pentadbir-pentadbir yang memberi input langsung berkaitan pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Dua (2) orang Fasilitator telah dilantik iaitu Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof (Ketua) dan Prof. Dr. Salleh bin Yahya.

Satu taklimat persediaan dokumen Blue Print Sumber Manusia telah diadakan pada 6 Mac 2015 yang disampaikan oleh Puan Hanifah binti Ahmad (UTM). Peserta yang hadir adalah seramai 42 orang.

Pada 18-19 Mei 2015, satu Pra Bengkel Pelaksanaan PSSM Bil.1/2015 telah diadakan bertempat di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh. Dua (2) orang penceramah iaitu Dato' Dr. Raja Malik bin Raja Mohamed (Mantan Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU) & Puan Faeza Md Noh telah dijemput dari Global IT Services Sdn Bhd untuk berkongsi pengalaman dalam pembikinan Pelan Strategik Sumber Manusia. Hasil dari bengkel ini adalah berjaya mengenal pasti Cabaran Sumber Manusia dan Kerangka PSSM UTeM.

Fasa 2 : Pelaksanaan Strategi PSSM UTeM 2015-2025

Bengkel Pelaksanaan Strategi PSSM Bil.2/2015 telah diadakan pada 7-9 Ogos 2015 bertempat di Klana Beach Resort, Port Dickson dimana ia juga telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi UTeM, Ketua Fasilitator & Fasilitator, Ketua-Ketua Teras & Wakil Skim, Kesatuan-Kesatuan UTeM dan pentadbir UTeM. Moderator bengkel ini ialah Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof.

Strategi dan pelan tindakan bagi perlaksanaan PSSM UTeM 2015 - 2025 yang digariskan bagi memberi tumpuan kepada pembangunan bakat profesional dan berakhlik. Setiap teras dibentuk adalah mendukung keperluan pembangunan sumber manusia yang holistik bagi menangani cabaran dan isu sumber manusia seperti perjawatan, kualiti latihan pengurusan bakat, kebajikan staf, kemudahan fasiliti dan teknologi maklumat dan pelan penggantian yang diperoleh melalui analisa SWOT.

132

Fasa 3 : Draf Penulisan PSSM UTeM 2015-2025

AKTIVITI DI SETIAP FASA PELAKSANAAN PSSM UTeM 2015 - 2025	
FASA 3 Deraf Penulisan Dokumen	
Mesyuarat Berkala Blue Print Bil. 10/2015	11 Sept. 2015
Bengkel Pra Penulisan Blue Print : Bab Akhlak dan Ihsan (Peserta : 10 orang)	21 - 22 Sept. 2015
Bengkel Akhir Penulisan PSSM, Peserta : 30 orang Ketua Fasilitator, Wakil-wakil Teras, Penerbit UTeM Resolusi : Pengemaskinian Penulisan dan Penerbitan Buku PSSM UTeM 2015 - 2025	17 -18 Okt. 2015
	
FASA 4 Penulisan & Pembentangan Pengurusan	
6 - 8 Nov. 2015	Bengkel Penulisan Blue Print : Bab Akhlak dan Ihsan (Peserta : 11 orang)
13 Nov. 2015	Taklimat Akhir Penulisan PSSM UTeM kepada Ketua-Ketua Teras
17 Nov. 2015	Perakuan Pengurusan di Mesyuarat PPSM Bil.6/2015
24 Nov. 2015	Perbincangan bersama Naib Canselor berkaitan hasil PSSM UTeM
30 Nov. - 2 Dis. 2015	Bengkel Pengemaskinian Penulisan Akhir PSSM UTeM (Peserta : 10 orang)
10 Dis. 2015	Perakuan PSSM UTeM di Mesyuarat LPU Bil.6/2015
18 -20 Dis. 2015	Bengkel Penambahbaikan Penulisan PSSM UTeM (Peserta : 8 orang)

Bengkel Akhir Penulisan PSSM juga telah diadakan pada 17-18 Oktober 2015 bertempat di Klana Resort, Seremban yang dihadiri oleh Ketua Fasilitator, Wakil-wakil Teras & Penulis DAN Penerbit UTeM. Moderator bagi bengkel ini adalah Pn Ruziah binti Ali. Bengkel ini berjaya mengemas kini aspek penulisan dan kandungan PSSM UTeM.

Fasa 4 : Penulisan dan Pembentangan Pengurusan PSSM UTeM 2015-2025

Pada 13 November 2015, satu taklimat akhir Penulisan PSSM UTeM telah diberi kepada Ketua-Ketua Teras PSSM UTeM iaitu seramai 7 orang, bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan berdasarkan draf penulisan yang dibangunkan pada fasa 3.

Pada 7 November 2015 Perakuan draf buku PSSM UTeM 2015-2025 dibawa ke Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan pada 10 Disember 2015, Mesyuarat LPU Bil.6/2015 meluluskan dan memperakui PSSM UTeM 2015-2015.

Bengkel pemukiman Lembaga Pengarah Universiti telah diadakan pada bulan Mei 2016 bagi tujuan memberi pemahaman berkaitan PSSM UTeM 2015-2025 dan seterusnya memperakukan sekali lagi PSSM UTeM 2015-2025. Pelancaran PSSM UTeM 2015-2025 dijangkakan akan dilaksanakan pada 2017.

Senario perubahan persekitaran sumber manusia UTeM diperolehi melalui kajian soal selidik, temu bual dan analisa SWOT. Senario perubahan ini perlu ditangani agar sumber manusia dapat dirancang, dibangun dan diurus dengan berkesan. Universiti telah mengenal pasti cabaran dan isu-isu sumber manusia seperti berikut semasa Bengkel 1 di Fasa 1. Terdapat lebih 50 isu dan cabaran sumber manusia yang dikenal pasti di UTeM dan kemudian telah diklusterkan kepada kepada 6 bidang cabaran yang utama iaitu;

- i. Perjawatan
- ii. Pengurusan Bakat
- iii. Kualiti Latihan
- iv. Kebajikan Staf
- v. Pelan Penggantian
- vi. Kemudahan Fasiliti dan Teknologi Maklumat



Teras strategik PSSM UTeM 2015-2025

Menarik, Mencari, Memilih Dan Melantik Bakat Yang Berakhlak (*Bakat Profesional dan Berakhlak*)

Bakat Profesional dan Berakhlak adalah tunggak utama dalam menarik, mencari, memilih dan melantik bakat. Takrifan bakat dalam Teras 1 adalah merujuk kepada individu yang berpotensi untuk berkhidmat di UTeM. Profesionalisme adalah cerminan entiti diri seseorang melalui kecemerlangan system penyampaian, kualiti kerja yang hebat dan penuh dedikasi.

Bakat berakhlak ditakrifkan sebagai individu yang berfikiran murni seiring dengan kesantunan tingkah laku berasaskan kefahaman beragama. Gabungan profesionalisme dan keutuhan akhlak modal insan ini diyakini mampu memberi impak yang cemerlang pada Universiti dan masyarakat. Justeru, tunggak ini menjadi dasar dan pegangan kepada pengurusan dan pembangunan sumber manusia. 6 strategi pelaksanaan telah digariskan bagi merealisasikan teras ini.

Memperkasa Kompetensi Kreatif Dan Inovatif Melalui Pembangunan Sumber Manusia Yang Strategik (*Memperkasa Potensi Staf*)

Kompetensi bakat yang Kreatif dan Inovatif melalui Pembangunan Sumber Manusia meliputi elemen EQ (Emotional quotient), IQ (Intellectual quotient) dan SQ (Spiritual quotient) yang akan diserapkan dalam struktur latihan universiti. Elemen-elemen ini sangat penting dalam usaha pihak universiti melahirkan staf yang seimbang dan cemerlang.

Takrifan bakat dalam Teras 2 dan seterusnya adalah merujuk kepada individu sedang berkhidmat di UTeM. Program-program yang akan dibangunkan dalam memperkasa kompetensi bakat yang kreatif dan inovatif adalah seperti berikut:

- Konsep mini AKEPT diwujudkan agar modul-modul kepimpinan dapat dipelajari dalam siri pembentukan sifat kepimpinan staf akademik.
- Pembangunan kompetensi individu atau Individual Development Plan (IDP) untuk staf pentadbiran.
- Konsep Coaching dan mentoring secara formal akan dapat membantu staf yang terlibat dalam mempelajari skop kerja dengan lebih berkesan dan praktikal.
- Pengetahuan asas ICT yang menyeluruh perlu dikuasai oleh warga Universiti sebagai menyahut perkembangan teknologi ke hadapan.

Pengukuhan Akhlak Dan Nilai-Nilai Murni Secara Menyeluruh Kepada Warga UTeM (*Pengukuhan Akhlak dan Nilai-Nilai Murni*)

Merupakan terjemahan daripada kefahaman beragama seseorang insan. Akhlak mempunyai hubung kait dengan konsep ihsan yang merupakan salah satu daripada kesempurnaan agama dalam Islam.

Manakala nilai-nilai murni adalah bersifat universal yang terhasil daripada pandangan sesuatu masyarakat atau komuniti. Kedua-dua akhlak dan nilai murni perlu digabungkan dengan ilmu dalam penghasilan bakat yang berkualiti.

Menginstitusikan Ekosistem Yang Strategik Dalam Pengekalan Bakat (*Keharmonian dan Kesejahteraan Ummah*)

135

Bakat merupakan aset dan penentu utama kejayaan Universiti dan bertindak sebagai strategi utama dalam meningkatkan penarafan Universiti. Selaras dengan Visi UTeM iaitu “Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia”, Universiti mengorak langkah untuk Menginstitusikan Ekosistem yang Strategik dalam Pengekalan Bakat.

Membangunkan Sistem Peralihan Staf Yang Seimbang Dan Menyeluruh, Memenuhi Ciri-Ciri Kompetensi Dan Prestasi Yang Diiktiraf Oleh Universiti (*Ekosistem dan Kerjaya yang Komprehensif*)

Sistem Peralihan Staf yang dikenali sebagai pelan penggantian merupakan satu perancangan menggunakan kaedah yang sistematik dalam mengenal pasti, menilai dan membangunkan staf yang berkelayakan bagi memenuhi keperluan Universiti pada masa kini dan akan datang.

Mengurus Risiko Sumber Manusia Secara Strategik Agar Mencapai Kecemerlangan Bakat Di Universiti (*Mengurus Risiko Secara Strategik*)

Teras 6 ini adalah melaksanakan pelbagai inisiatif yang bertujuan menerapkan budaya pengurusan risiko yang kukuh di setiap peringkat Pusat Tanggungjawab. Inisiatif ini termasuk latihan dan pembangunan sumber manusia secara berterusan, pelaksanaan dasar yang komprehensif dan struktur organisasi yang bersesuaian, serta peranan dan tanggungjawab yang ditakrifkan dengan jelas. Teras ini menyasarkan 3 strategi sejajar dengan hala tuju Pelan Strategik Universiti.

Memperkasakan Sistem Pengurusan Dan Fasiliti Yang Kondusif Ke Arah Ekosistem Sumber Manusia Dinamik (*Memperkasa Sistem Pengurusan dan Fasiliti yang Kondusif*)

Tadbir urus dalam Universiti ini mempunyai matlamat untuk memberikan kepuasan bukan sahaja kepada pelanggan dan pemegang taruh malah juga kepada staf dalaman juga. Perubahan yang berlaku dalam persekitaran ini mencabar Universiti memperluas konsep tadbir urus seperti mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara menyeluruh dalam pengurusan pentadbiran bagi menterjemah misi dan visi Universiti.

Selain memastikan sistem pengurusan yang bersepadu dan komprehensif, persekitaran kerja melalui penekanan keperluan ruang dan fasiliti juga memainkan peranan yang penting. Persekutuan tempat kerja yang sihat dan selamat dapat menyediakan suasana kerja yang kondusif dan boleh menjadi motivasi kepada staf bagi menyumbang hasil kerja yang optimum, berproduktiviti tinggi serta meningkatkan keperibadian dan kepuasan diri.

Terdapat 3 strategi utama yang diberi penekanan bagi memperkasa sistem pengurusan dan fasiliti yang kondusif ke arah ekosistem sumber manusia dinamik. Teras ini juga menyenaraikan cadangan pelan tindakan bagi setiap strategi yang telah dikenal pasti dan disasarkan.

Strategi dan pelan tindakan bagi perlaksanaan PSSM UTeM 2015-2025 merangkumi 7 teras utama, 21 strategi dan 46 pelan tindakan yang digariskan bagi memberi tumpuan kepada pembangunan bakat profesional dan berakh�ak.

Transformasi PSSM UTeM 2015-2025 ini adalah terletak kepada asas pembentukan sumber manusia yang difokuskan kepada keseimbangan faktor intrinsik dan ekstrinsik.

Ihsan, Akhlak dan Berkat merupakan komponen utama dalam pelaksanaan sesebuah organisasi dan sebagai pelengkap serta memberi impak sebenar kepada pembangunan potensi diri manusia. Penekanan terhadap teras ini sebenarnya adalah kunci kepada penghasilan sumber manusia yang berakh�ak dalam mencungkil potensi sebenar kecemerlangan insan yang berpaksikan kepada pandangan alam yang benar. Penekanan terhadap faktor intrinsik dan ekstrinsik pula akan menghasilkan keseimbangan dalam kompetensi diri dan kepimpinan. Penekanan ini bukanlah sekadar retorik yang selama ini hanya dihasilkan melalui pelan tindakan di semua organisasi tanpa menitikberatkan teras utama ini.

Oleh yang demikian keseluruhan inti pati asas pembentukan manusia UTeM adalah berlandaskan kepada lima prinsip rukun negara, falsafah pendidikan negara, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM (PT), Pelan Strategik UTeM melalui teras lima, Visi dan Misi UTeM serta nilai teras UTeM adalah sebagai penyokong utama PSSM UTeM 2015-2025 ini.

Justeru itu, pelan strategi ini agak berbeza dan unik di mana tunjang utama dalam pembentukan sumber manusia UTeM ini adalah mengembalikan semula kesedaran antara hubungan dan kehidupan setiap insan itu kepada Tuhan mereka melalui penerapan nilai-nilai intrinsik iaitu ihsan, akhlak dan berkat.

Penerapan nilai-nilai ini adalah bagi menangani cabaran-cabaran sumber manusia yang mendatang agar ia seimbang daripada segi emosi, intelektual, rohani dan jasmani.

Komponen ihsan diberi penekanan utama ke arah melakukan kebaikan, manakala komponen akhlak pula mengukuhkan nilai-nilai murni, dan komponen akhir adalah berkat untuk memberi kepuasan dalam mencari ketenangan jiwa apabila diberi amanah melaksanakan sesuatu kerja.

Program Retreat Lembaga Pengarah Universiti “Hubungan Strategik Lembaga Pengarah Ke Arah Transformasi Universiti

Program *Retreat* Lembaga Pengarah Universiti “Hubungan Strategik Lembaga Pengarah Ke Arah Transformasi Universiti” yang telah diadakan pada 24 dan 25 Mei 2016 bertempat di Hotel Casa Del Rio, Melaka.

Program ini diadakan bagi memberi penerangan dan memperjelaskan peranan dan fungsi Lembaga Pengarah Universiti selaku badan yang mengelola, membuat dasar serta mengawasi Universiti selaras dengan hala tuju yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi. Di samping itu, ia juga demi memastikan pelaksanaan usaha yang sedang dijalankan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mencapai Universiti Teknikal terkemuka di dunia dapat diselaraskan dari segenap lapisan pengurusan tadbir urus.

Program ini telah dilaksanakan menerusi lima (5) sesi seperti berikut :

- i. Sesi 1 : Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) & Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);
- ii. Sesi 2 : Autonomi;
- iii. Sesi 3 : Pelan Strategik Sumber Manusia (PPSM);
- iv. Sesi 4 : Pengurusan Akademik & Kemasukan; dan
- v. Sesi 5 : *UniTP Green Book “Enhancing University Board Governance & Effectiveness”*.

Peratus kehadiran Lembaga ke Program ini adalah 81.8% bagi kedua-dua hari program dijalankan. Hanya dua (2) orang ahli Lembaga tidak dapat hadir ke program ini berikutan kekangan tugas. Peratus kehadiran ahli *Ex-Officio* Lembaga pula mencatatkan 87.5% kehadiran pada 24 Mei 2016 manakala 75% pada 25 Mei 2015.

Topik-topik yang telah dibentangkan pada program ini telah dibincangkan bersama dan terdapat beberapa maklum balas dan perkara dibangkitkan seperti berikut :

i. **Penerangan Mengenai Kuasa Lembaga Pengarah Universiti Berdasarkan Perlembagaan UTeM**

Dibentangkan Oleh : Datuk Azhar bin Mohamed, Penasihat Undang-undang UTeM

Tarikh : 24 Mei 2016 (Selasa)

Masa : 9.15 pagi – 9.30 pagi

ii. **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)**

Dibentangkan Oleh : Prof. Madya Dr. Jaafar bin Jantan, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Tarikh : 24 Mei 2016 (Selasa)

Masa : 9.30 pagi – 10.30 pagi

iii. **Pelan Strategik Universiti Teknikal Melaka (UTeM) 2012-2020**

Dibentangkan Oleh : Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof, Pengarah Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko (PPSKR)

Tarikh : 24 Mei 2016 (Selasa)

Masa : 10.30 pagi – 11.30 pagi

iv. **Autonomi**

Dibentangkan oleh : Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM

Tarikh : 24 Mei 2016 (Selasa)

Masa : 11.30 pagi – 12.30 pagi

v. **Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM)**

Dibentangkan oleh: Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM

Tarikh : 24 Mei 2016 (Selasa)

Masa: 2.00 petang – 3.00 petang

vi. **Pengurusan Akademik & Kemasukan**

Dibentangkan Oleh: YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTeM

Tarikh : 24 Mei 2016 (Selasa)

Masa: 3.00 petang – 4.00 petang

vii. **UniTP Green Book “Enhancing University Board Governance & Effectiveness”**

Dibentangkan Oleh: Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Penasihat Khas, Perunding Higher Education Blueprint, merangkap Pengarah Program Transformasi Universiti

Tarikh : 25 Mei 2016 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi – 10.30 pagi

viii. Perbincangan Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Perbincangan Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga

Dibentangkan Oleh : Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM

Tarikh : 25 Mei 2016 (Rabu)

Masa : 10.30 pagi – 11.30 pagi

ix. Perbincangan Bersama Pengurusan Universiti (Ahli Mesyuarat Eksekutif Universiti)

Tarikh : 25 Mei 2016 (Rabu)

Masa : 11.30 pagi – 12.00 pagi

Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan penerangan kepada Lembaga Pengarah Universiti berkenaan fungsi dan kuasa Lembaga Pengarah Universiti serta sistem keseluruhan pengoperasian Universiti selaras dengan hala tuju yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Antara perkara yang ditekankan menerusi program ini adalah kepentingan menguruskan kewangan Universiti demi memastikan kelestarian kewangan Universiti dan setiap keputusan yang dibuat diperingkat Pengurusan Universiti hendaklah dibuat dengan teratur.



Penstrukturran Jawatankuasa LPU

Lembaga Pengarah Universiti berperanan sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

Demi memastikan pengoperasian dan tadbir urus Universiti berjalan lancar, Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya. Sehingga kini, terdapat 24 Jawatankuasa telah ditubuhkan yang melibatkan Lembaga Pengarah Universiti seperti berikut:

Lembaga Pengarah Universiti	JK Induk Pelaburan	JK Transformasi UTeM
JK Pengurusan Risiko & Krisis	JK Pencalonan " <i>Nomination Committee</i> "	JK Imbuhan " <i>Remuneration Committee</i> "
Jawatankuasa Penilaian Kolej Kediaman Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Jawatankuasa Tetap Kewangan	Jawatankuasa Pemilih Bagi Maksud Pelantikan & Kenaikan Pangkat Ke Suatu Kursi & Ke Jawatan Profesor Kanan & Profesor
Jawatankuasa Pemilih Bagi Maksud Pelantikan & Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan & Penasihat Undang-Undang	Jawatankuasa Audit	Lembaga Perolehan A (nilai tender melebihi RM20 juta)
Lembaga Perolehan B (nilai tender setakat RM20 juta)	Jawatankuasa Tata tertib Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional (Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Tata tertib Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)
Jawatankuasa Tata tertib Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Tata tertib Bagi Kumpulan Pelaksana (Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Tata tertib Bagi Kumpulan Pelaksana (Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)
Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional (Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)
Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Bagi Kumpulan Pelaksana (Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Bagi Kumpulan Pelaksana (Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat)	Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Pelajar

Berdasarkan kepada beberapa pelantikan keanggotaan Lembaga Pengarah Universiti yang baharu, keanggotaan Jawatankuasa Lembaga telah dilihat semula bagi disesuaikan dengan pengalaman dan kepakaran keahlian baharu. Setiap jawatankuasa juga telah diimbangi semula berdasarkan jumlah keanggotaan Lembaga Pengarah Universiti terkini.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 5 Tahun 2016 telah bersetuju meluluskan penstrukturkan semula keahlian Jawatankuasa Lembaga. Di samping itu juga, beberapa Jawatankuasa Lembaga juga telah dijumudkan selaras dengan keperluan semasa.

Semoga dengan penstrukturkan semula Jawatankuasa Lembaga ini, ia akan mencapai akauntabiliti yang lebih baik di samping mempertingkatkan tadbir urus universiti ke tahap yang lebih dinamik.

Staf Cuti Belajar

Sepanjang tahun 2016, Bahagian Cuti Belajar (BCB) telah menghantar staf akademik melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah ke Universiti dalam dan luar Negara. Bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana seramai sembilan (9) orang staf telah dihantar ke Universiti dalam Negara manakala pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah seramai 42 orang staf telah dihantar ke Universiti dalam dan Luar Negara.

Jadual 1 di bawah menunjukkan pecahan staf akademik melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Jadual 2 menunjukkan pecahan staf akademik yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti.

Manakala pada tahun 2016, staf yang berjaya memperolehi Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah adalah masing-masing seramai enam (6) orang staf dan 38 orang staf. Staf yang berjaya memperolehi Ijazah Sarjana adalah daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Jadual 3 menunjukkan staf yang berjaya Ijazah Doktor Falsafah mengikut Fakulti.

Jadual 1 : Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Sarjana Di Dalam Negara

Fakulti	Ijazah Sarjana 2016		Jumlah
	Dalam Negara	Luar Negara	
FKE	0	0	0
FKEKK	0	0	0
FKP	0	0	0
FKM	0	0	0
FPTT	0	0	0
FMTK	0	0	0
PBPI	0	0	0
FTK	9	0	9
Jumlah	9	0	9

Jadual 2 : Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah

Fakulti	PhD 2016		Jumlah
	Dalam Negara	Luar Negara	
FKE	3	1	4
FKEKK	5	2	7
FKP	1	1	2
FKM	4	0	4
FPTT	2	0	2
FMTK	2	1	3
PBPI	1	0	1
FTK	12	7	19
Jumlah	30	12	42

Jadual 3 : Bilangan Staf Yang Berjaya PhD Mengikut Fakulti

Fakulti	Berjaya PhD 2016		Jumlah
	Dalam Negara	Luar Negara	
FKE	2	3	5
FKEKK	4	6	10
FKP	1	3	4
FKM	5	3	8
FPTT	0	1	1
FMTK	7	2	9
PBPI	0	0	0
FTK	0	1	1
Jumlah	19	19	38

Certified NLP Coach

UTeM melalui Pejabat Pendaftar telah menghantar staf sebagai peserta bagi program *Certified Neuro Linguistic Programming* (NLP) Coach yang melibatkan 41 orang bertempat di Pasir Salak Eco Resort, Kampung Gajah, Teluk Intan Perak untuk tempoh 6 hari yang melibatkan 9 sesi. Program ini merupakan program yang menjadi fokus utama di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di mana program NLP bertujuan untuk memacu kecemerlangan pelajar di Universiti di samping kecemerlangan staf.

UTeM juga telah menghantar seramai 4 orang *Coach* bagi tujuan mengikuti kursus *NLP Master Track*, di mana matlamat akhir adalah menjadikan UTeM sebagai pusat rujukan dan kecemerlangan NLP di kalangan Universiti Awam.

Melalui program *Certified NLP Coach*, peserta telah didedahkan teknik NLP dan *Coaching* yang mana kedua-dua teknik ini mempunyai kombinasi yang unggul dan berkesan.

Melalui kaedah yang digunakan, seseorang akan dapat menyerlahkan lagi potensi diri untuk mencapai kecemerlangan di mana kaedah ini akan dapat membuka dan menyedarkan diri serta menunjuk cara untuk menggunakan sumber daya diri dengan lebih baik lagi.

Coaching adalah sesi “perbualan” yang serius dan mendalam dengan coach sebagai fasilitator melalui soalan-soalan utama atau soalan meta. Melalui *coaching*, pencapaian matlamat dan penyelesaian masalah dapat dibuat dengan lebih mudah dan teratur. Ianya meningkatkan kesedaran dan penerimaan diri dengan keadaan yang ada sekarang. Penekanan mengenai tanggungjawab kepada diri juga dibuat sebelum eksplorasi untuk mencapai hasil melalui tugas bersama.

Kaedah dan pendekatan yang digunakan adalah teknik ceramah, latihan amali *coaching* secara praktikal dengan penanda aras, *mind games*, tugas individu dan kumpulan, sesi soal jawab, pendekatan *real case/real model* dan penilaian ujian pemahaman, amat berkesan kepada para peserta untuk memahami dan mempraktikkan NLP. Peserta juga dikehendaki membuat latihan amali *coaching* secara praktikal sebanyak 6 kali dengan penanda aras 7 kemahiran seperti berikut :

- i. Mengendalikan diri.
- ii. Membina *rapport* dan sokongan.
- iii. Soalan berkualiti.
- iv. Soalan melingkar dan eksplorasi minda.
- v. Pendengaran aktif.
- vi. Membina realiti dan tugas bersama.
- vii. Memberi dan menerima maklumbalas.

Bagi tujuan manfaat dan kecermerlangan warga UTeM dan komuniti, beberapa program kecemerlangan telah dilaksanakan untuk pelajar, staf dan masyarakat setempat. Selari dengan hasrat KPT yang memberi fokus kepada kecemerlangan pelajar, UTeM telah melaksanakan beberapa siri program Ikon Khalifah di mana fokus utama adalah untuk meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar.

Program sebegini juga dilaksanakan untuk fokus kecemerlangan dalam bidang keusahawanan untuk pelajar dan program untuk komuniti. Di peringkat staf beberapa program kecemerlangan telah diadakan seperti NLP untuk Pentadbir Akademik, NLP untuk Pentadbir Penyelidik dan NLP dalam kerjaya telah diadakan yang mana program ini telah dirangka bagi tujuan memacu kecemerlangan dengan menggunakan kaedah Coaching NLP.

Pengurusan Mel Universiti

Bermula pada 4 Oktober 2016, pusat operasi Unit Mel UTeM telah berpindah dari Kampus Induk ke Kampus Teknologi. Perpindahan ini bertujuan untuk meningkatkan kelancaran dan keberkesanan pengurusan mel di Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagaimana kelulusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bil. 5/2016 bertarikh 16 Ogos 2016.

Urusan penghantaran dan penerimaan mel yang sebelum ini dikendalikan oleh 51 orang Pembantu Operasi / Pembantu Am Pejabat (PO/PAP) di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) telah dikejatkan di mana hanya seramai 7 orang PO/PAP sahaja yang terlibat dalam penghantaran dan penerimaan mel melalui 5 bit (laluan) yang telah dikenalpasti 5 bit yang menjadi laluan adalah seperti berikut:

- i. BIT 1 – Kampus Induk
- ii. BIT 2 – Kampus Induk
- iii. BIT 3 – Kampus Induk
- iv. BIT 4 – Kampus Teknologi dan Pejabat Kerajaan sekitar Ayer Keroh
- v. BIT 5 – Asrama Pelajar, Kampus Bandar dan Pejabat Kerajaan sekitar Kampus Bandar

Operasi Mel UTeM atau lebih dikenali sebagai POS UTeM diketuai oleh seorang ‘Post Master’ dan dibantu oleh seorang ‘Post Assistant’. Manakala urusan penghantaran dan pengambilan mel di semua PTj dilaksanakan oleh 5 orang ‘Post Rider’ melalui 5 bit. Walaupun berlaku perubahan dalam operasi keseluruhan mel di UTeM, struktur pengurusan mel masih lagi di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar.

Jadual penghantaran dan pengambilan mel dilaksanakan sebanyak 2 kali sehari iaitu pada jam 10.30 pagi hingga jam 12.00 tengahari dan pada jam 2.30 petang hingga 4.00 petang. Bagi penghantaran bungkusan atau mel dalam kuantiti yang besar perkhidmatan van disediakan oleh POS UTeM yang akan membuat pengambilan di PTj pada jam 3.00 petang setiap hari. PTj boleh juga menghantar sendiri bungkusan atau mel dalam kuantiti yang besar ke POS UTeM sebelum jam 4.00 petang bagi memastikan penghantaran bungkusan atau mel dapat dibuat pada hari yang sama.

Jenis-Jenis Perkhidmatan Pos Yang Disediakan

- Mel Biasa
 - Mel Frangki & Setem
- Mel Daftar
 - Mel Daftar
 - Mel Daftar Berjawab
- Item Terkawal
 - Pos Laju
- Mel Serahan Tangan

Perkhidmatan yang disediakan oleh POS UTeM hanya terhad untuk penghantaran dan pengambilan mel atau bungkusan rasmi Universiti Teknikal Malaysia Melaka sahaja. Mel atau bungkusan yang dihantar/ diterima untuk tujuan peribadi tidak akan diuruskan oleh POS UTeM berdasarkan Info UTeM bertarikh 16 Disember 2014.

145

Penambahbaikan Pengurusan Mel

Jika dibandingkan pengurusan mel sebelum ini, banyak pembaharuan dan penambahbaikan yang telah berjaya dilaksanakan. Operasi POS UTeM sekarang adalah lebih efisyen di mana bilangan staf yang digunakan bagi urusan penghantaran surat dan bungkusan ini telah berjaya dikurangkan dari 51 orang kepada hanya 7 orang tanpa menjaskan keberkesanan dan kelangsungan operasi.

Perpindahan pusat operasi dari Kampus Induk ke Kampus Teknologi juga telah membantu dalam mengurangkan masa penerimaan surat masuk. Proses penerimaan surat masuk dari Pos Malaysia yang sebelum ini mengambil masa selama satu hari telah berjaya dikurangkan kepada penerimaan surat masuk pada hari yang sama. Selain dari itu, lokasi yang strategik ini juga turut membantu pihak kurier untuk membuat penghantaran dokumen atau parsel secara setiap hari berbanding penghantaran 3 hari sekali sebelum ini.

Disebabkan lokasi POS UTeM yang berada berhampiran dengan kawasan pejabat-pejabat pentadbiran negeri Melaka, urusan penghantaran surat kepada agensi-agensi yang berkaitan; yang berada dalam lingkungan radius 25km, tidak lagi menggunakan perkhidmatan Pos Malaysia, sebaliknya POS UTeM akan menghantar sendiri surat tersebut secara serahan tangan.

Masa penerimaan surat dari PTJ dalaman UTeM bagi proses penghantaran surat keluar juga telah berjaya dilanjutkan. Jika sebelum ini, Unit Mel hanya akan menerima surat-surat bagi pos biasa dan pos berdaftar sehingga jam 8:30 pagi, dan bagi surat/parsel yang menggunakan perkhidmatan kurier pula hanya sehingga jam 11:30 pagi.

Ini adalah bagi memastikan penghantaran dapat dilakukan pada hari yang sama dan jika surat-surat yang diterima melebihi dari masa tersebut, ianya akan dihantar pada hari yang berikutnya. Melalui POS UTeM, surat-surat bagi pos biasa dan pos berdaftar akan diterima sehingga jam 12:00 tengahari dan penghantaran menerusi perkhidmatan kurier akan diterima sehingga jam 4:30 petang, melebihi dari masa penerimaan semasa beroperasi di bawah Unit Mel.





14.0 PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN

LAPORAN KEWANGAN

KESELURUHAN


Pendapatan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM303.48 juta, menurun sebanyak RM5.73 juta (1.85%) berbanding RM309.21 juta bagi tahun 2015. Perbelanjaan UTeM bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM334.17 juta berbanding RM322.41 juta bagi tahun 2015, iaitu meningkat sebanyak RM11.76 juta (3.65%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM untuk tempoh lima tahun adalah seperti jadual di bawah.

148

Laporan Tahunan UTeM 2016

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN 2012 - 2016



KUMPULANWANG MENGURUS


Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM225.20 juta, menurun sebanyak 7.89% berbanding RM244.49 juta bagi tahun 2015. Daripada jumlah ini, RM199.63 juta atau 88.64% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM25.57 juta (11.36%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.

Perbelanjaan mengurus tahun 2016 berjumlah RM241.44 juta iaitu menurun sebanyak 7.43% berbanding RM260.83 juta bagi tahun 2015, tidak termasuk perbelanjaan modal dalam tahun 2016 bagi pembelian aset tetap dan kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM2.61 juta.

PERBANDINGAN PENDAPATAN MENGURUS TAHUN 2015 DAN 2016



PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2015 DAN 2016




KUMPULANWANG PEMBANGUNAN


Peruntukan pembangunan tahun 2016 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM27.00 juta berbanding RM142.99 juta dalam tahun 2015, menurun sebanyak 81.12%.

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2016 pula berjumlah RM40.59 juta berbanding RM29.20 juta bagi tahun 2015, tidak termasuk perbelanjaan modal dalam tahun 2016 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM68.55 juta.

PERBANDINGAN PENDAPATAN PEMBANGUNAN TAHUN 2015 DAN 2016



PERBANDINGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2015 DAN 2016




KUMPULANWANG PENYELIDIKAN

Kumpulanwang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Jumlah pendapatan penyelidikan bagi tahun 2016 berjumlah RM5.28 juta, menurun sebanyak 56.30% berbanding RM12.07 juta bagi tahun 2015.


Perbelanjaan penyelidikan tahun 2016 berjumlah RM10.38 juta iaitu meningkat sebanyak 7.79% berbanding RM9.63 juta bagi tahun 2015, tidak termasuk perbelanjaan modal dalam tahun 2016 bagi pembelian aset tetap berjumlah RM1.50 juta.

PERBANDINGAN PENDAPATAN PENYELIDIKAN TAHUN 2015 DAN 2016



152

PERBANDINGAN PERBELANJAAN PENYELIDIKAN TAHUN 2015 DAN 2016



**LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2016
(TELAH DIAUDIT)**

PERANGKAAN KEWANGAN YANG PENTING	2016 (RM)	2015 (RM)	PERBEZAAN (%)
i. Pendapatan Mengurus			
- Pemberian Kerajaan	188,431,228	215,079,100	(12.39)
- Sumber Dalaman	25,574,739	25,106,867	1.86
- Tambahan Geran	11,196,026	4,305,237	160.06
	225,201,993	244,491,204	(7.89)
Pendapatan Pembangunan			
- Pemberian Kerajaan	27,000,000	142,996,962	(81.12)
ii. Perbelanjaan			
a) Mengurus	(241,439,318)	(260,828,017)	(7.43)
b) Pembangunan	(40,587,438)	(29,202,696)	38.99
	(282,026,756)	(290,030,713)	(2.76)
iii. Lebihan/(Kurangan)			
a) Mengurus	(16,237,325)	(16,336,813)	(0.61)
b) Pembangunan	(13,587,438)	113,794,266	(111.94)
	(29,824,763)	97,457,453	(130.60)
iv. Lebihan Terkumpul			
a) Mengurus	35,779,094	53,799,406	(33.50)
b) Pembangunan	-	-	-
	35,779,094	53,799,406	(33.50)
v. Aset Tetap	495,770,620	504,152,858	(1.66)
vi. Aset Semasa	290,935,910	350,853,317	(17.08)
vii. Tanggungan Semasa	9,093,479	11,086,385	(17.98)
viii. Tanggungan Jangka Panjang	602,483,193	615,031,636	(2.04)
ix. Aset Bersih	777,613,051	843,919,790	(7.86)
x. Modal Digunakan	213,299,431	243,993,975	(12.58)
xi. Penglibatan Modal			
- Kontrak diluluskan dan terikat	113,635,747	66,040,703	72.07
- Kontrak diluluskan tetapi belum terikat	-	474,462	(100.00)
xii. Rizab Tunai			
- Simpanan Tetap	258,110,000	317,025,000	(18.58)
- Wang di Tangan dan di Bank	10,933,031	16,606,090	(34.16)
xiii. Nisbah Kewangan			
a) Aset Semasa/Tanggungan Semasa	31.99 : 1	31.65 : 1	
b) Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa	29.63 : 1	30.12 : 1	
c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset	0.74 : 1	0.72 : 1	
d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan	0.35 : 1	0.39 : 1	
e) Modal Digunakan/Aset Tetap	0.43 : 1	0.48 : 1	

153



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata

Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Universiti Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah Universiti bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga Pengarah Universiti bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah Universiti dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(REDZUAN BIN ABDUL SAMAD)

b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

MELAKA

2 JUN 2017





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI dan PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
Naib Canselor

Tarikh : 13 FEB 2017
Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka)
pada 3 1 JAN 2017)



KHAIRUL BIN TAIB
NO. K/P : 630321-01-6027

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2016	2015	2016	2015	
	RM	RM	RM	RM	
(Dinyatakan semula)					
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	502,957,668	512,365,084	495,770,620	504,152,858
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	5	37,669,573	14,605,821	37,669,573	14,605,821
SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	500,000	500,000
HARTANAH PELABURAN	7	146,000,000	146,000,000	-	-
ASET SEMASA					
Penghutang	8	12,571,784	7,955,865	11,271,831	6,664,098
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	9	10,332,296	10,325,943	10,242,824	10,241,485
Pendapatan Terakru		21,409	-	378,224	316,644
Simpanan Tetap	10	262,377,614	322,186,898	258,110,000	317,025,000
Tunai di Tangan dan di Bank		15,014,337	18,129,565	10,933,031	16,606,090
		300,317,440	358,598,271	290,935,910	350,853,317
LIABILITI SEMASA					
Pemutang	11	15,686,462	18,588,968	9,093,479	11,086,385
Pinjaman Berjangka	12	9,500,000	9,500,000	-	-
Peruntukan Cukai		98,033	72,044	-	-
		25,284,495	28,161,012	9,093,479	11,086,385
ASET SEMASA BERSIH		275,032,945	330,437,259	281,842,431	339,766,932
		961,660,186	1,003,408,164	815,782,624	859,025,611
Dibayai oleh :					
KUMPULANWANG MENGURUS	13	35,779,094	53,799,406	35,779,094	53,799,406
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	14	-	-	-	-
KUMPULANWANG PENYELIDIKAN	15	22,935,243	29,280,064	22,935,243	29,280,064
KUMPULANWANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	16	50,657,879	58,009,072	50,657,879	58,009,072
KUMPULANWANG PINJAMAN KENDERAAN	17	5,000,000	5,000,000	5,000,000	5,000,000
KUMPULANWANG PINJAMAN KOMPUTER	18	600,000	600,000	600,000	600,000
KUMPULANWANG PENDAPATAN	19	69,270,275	66,216,335	69,270,275	66,216,335
KUMPULANWANG AMANAH	20	19,427,907	18,068,234	19,427,907	18,068,234
KUMPULANWANG PERUNTUKAN KHAS	21	9,629,033	13,020,864	9,629,033	13,020,864
KEUNTUNGAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI	22	89,821,093	80,008,939	-	-
		303,120,524	324,002,914	213,299,431	243,993,975
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pinjaman Berjangka	12	56,056,469	64,373,614	-	-
Geran Tertunda	14	594,986,006	608,573,444	594,986,006	608,573,444
Manfaat Pekerja	23	7,497,187	6,458,192	7,497,187	6,458,192
		658,539,662	679,405,250	602,483,193	615,031,636
		961,660,186	1,003,408,164	815,782,624	859,025,611

Nota-nota di muka surat 6 hingga 22 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2016	2015	2016	2015	
	RM	RM	RM	RM	
(Dinyatakan semula)					
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan	24	250,550,636	266,524,860	250,550,636	266,524,860
Pendapatan-pendapatan Lain		4,103,340	63,215,553	4,286,996	3,838,744
Yuran dan Hasil Pelajar		28,415,310	27,942,981	28,415,310	27,942,981
Sewaan, Jualan dan Pelbagai Hasil		10,706,080	3,594,049	9,464,003	1,927,013
Faedah dan Keuntungan		10,759,120	8,971,833	10,759,120	8,971,833
Hasil Perkhidmatan Akademik		5,194,673	4,101,360	683	-
		309,729,159	374,350,636	303,476,748	309,205,431
PERBELANJAAN					
Emolumen		144,264,601	132,074,195	143,552,585	131,428,142
Perkhidmatan dan Bekalan		111,847,117	121,060,532	117,252,451	125,563,502
Pemberian dan Bayaran Tetap		8,934,174	7,329,831	8,934,174	7,329,831
Perbelanjaan Lain		4,445,443	6,092,832	4,445,443	6,092,832
Susut Nilai	4	60,134,174	50,279,090	59,099,314	49,338,790
Hutang Ragu		887,325	2,654,463	887,325	2,654,463
		330,512,834	319,490,943	334,171,292	322,407,560
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		(20,783,675)	54,859,693	(30,694,544)	(13,202,129)
CUKAI		98,715	13,888	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		(20,882,390)	54,845,805	(30,694,544)	(13,202,129)
UNIVERSITI		(20,882,390)	54,845,805	(30,694,544)	(13,202,129)
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
		(20,882,390)	54,845,805	(30,694,544)	(13,202,129)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

KUMPULAN	Kumpulan wang Mengurus	Kumpulan wang Pembangunan	Kumpulan wang Penyelidikan	Kumpulan wang Inisiatif Pembayan Swasta (FFI)	Kumpulan wang Pinjaman Kenderaan Komputer	Kumpulan wang Pendapatan	Kumpulan wang Amanah	Kumpulan wang Peruntukan Khas	Kewujudan Terkumpul Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2016										
Baki pada 1 Januari 2016	53,799,406	-	29,280,064	58,009,072	5,000,000	600,000	66,216,335	18,068,234	13,020,864	80,008,939
Geran Kerajaan	199,627,254	-	5,277,546	-	-	-	1,058,398	4,000,000	-	209,963,188
Pendapatan Lain	25,574,739	-	-	-	-	-	23,290,766	4,060,607	-	16,306,366
(-) Perbelanjaan	(211,439,318)	-	34,557,610	58,009,072	5,000,000	600,000	89,507,101	23,187,239	17,020,864	96,315,305
Cukai	37,562,081	-	24,171,754	50,657,879	5,000,000	600,000	(18,912,184)	(8,103,472)	(7,391,183)	(6,395,497)
Pindahan antara Kumpulan Wang	(1,782,987)	-	(1,236,511)	-	-	-	15,083,767	9,629,033	8,919,808	303,219,239
(-) Kepentingan Minoriti	35,779,094	-	22,935,243	50,657,879	5,000,000	600,000	69,270,275	19,427,907	9,629,033	(98,715)
Baki pada 31 Disember 2016	35,779,094	-	22,935,243	50,657,879	5,000,000	600,000	69,270,275	19,427,907	9,629,033	89,821,093
3										
2015										
Baki pada 1 Januari 2015	78,130,389	-	23,838,997	61,175,346	5,000,000	600,000	52,107,219	17,247,153	19,097,000	11,961,005
Geran Kerajaan	219,384,337	-	12,075,885	-	-	-	14,051,599	2,661,942	3,200,000	-
Pendapatan Lain	25,106,867	-	-	-	-	-	3,522,105	-	-	7,485,131
(-) Perbelanjaan	(322,621,593)	-	35,914,882	61,175,346	5,000,000	600,000	66,158,818	23,431,200	22,297,000	86,813,136
Cukai	(260,828,017)	-	(9,634,818)	(3,166,274)	-	-	(87,842)	(10,211,777)	(9,276,136)	(6,790,309)
Pindahan antara Kumpulan Wang	61,793,576	-	26,280,064	58,009,072	5,000,000	600,000	66,070,976	13,219,423	13,020,864	8,022,827
(-) Kepentingan Minoriti	(7,994,170)	-	3,000,000	-	-	-	145,359	4,848,811	-	(13,888)
Baki pada 31 Disember 2015	53,799,406	-	29,280,064	58,009,072	5,000,000	600,000	66,216,335	18,068,234	13,020,864	80,008,939
Nota-nota di muka surat 6 hingga 22 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.										

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERUBAHAN EKUTI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

UNIVERSITI	Kumpulan wang Mengurus	Kumpulan wang Pembangunan	Kumpulan wang Penyelidikan	Kumpulan wang Inisiatif Pembayaran Swasta (PFI)	Kumpulan wang Pinjaman Kenderaan Komputer	Kumpulan wang Pendapatan	Kumpulan wang Amanah	Kumpulan wang Peruntukan Khas	Keuntungan Terkumpul Syarikat Subsidiari	Jumlah
										RM
Baki pada 1 Januari 2016	53,799,406	-	29,280,064	58,009,072	5,000,000	600,000	66,216,335	18,068,234	13,020,864	-
Geran Kerajaan	198,627,254	-	5,277,546	-	-	-	-	1,058,398	4,000,000	-
Pendapatan Lain	25,574,739	-	-	-	-	-	23,290,766	4,060,607	-	52,926,112
	279,001,399	-	34,557,610	58,009,072	5,000,000	600,000	89,507,101	23,187,239	17,020,864	-
(-) Perbelanjaan	(241,439,318)	-	(10,385,856)	(7,351,183)	-	-	(18,912,184)	(8,103,472)	(7,391,831)	-
	37,562,081	-	24,171,754	50,657,879	5,000,000	600,000	70,594,917	15,083,767	9,629,033	-
Pindahan antara Kumpulanwang	(1,782,987)	-	(1,236,511)	-	-	-	(1,324,642)	4,344,140	-	213,299,431
Baki pada 31 Disember 2016	35,779,084	-	22,935,243	50,657,879	5,000,000	600,000	69,270,275	19,427,907	9,629,033	-
										213,299,431
2015										
Baki pada 1 Januari 2015	78,130,389	-	23,838,997	61,175,346	5,000,000	600,000	52,107,219	17,247,153	19,097,000	-
Geran Kerajaan	219,384,337	-	12,075,885	-	-	-	-	2,661,942	3,200,000	-
Pendapatan Lain	25,106,867	-	-	35,914,882	61,175,346	5,000,000	600,000	66,158,818	23,431,200	-
(-) Perbelanjaan	322,621,593	-	(9,634,818)	(3,166,274)	-	-	-	(87,842)	(10,211,777)	(9,276,136)
	(260,828,017)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	61,793,576	-	26,280,064	58,009,072	5,000,000	600,000	66,070,976	13,219,423	13,020,864	-
Pindahan antara Kumpulanwang	(7,994,170)	-	3,000,000	-	-	-	-	145,359	4,848,811	-
Baki pada 31 Disember 2015	53,799,406	-	29,280,064	58,009,072	5,000,000	600,000	66,216,335	18,068,234	13,020,864	-
										243,993,975

4

Nota-nota di muka surat 6 hingga 22 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan Pendapatan	(20,783,675)	54,859,693	(30,694,544)	(13,202,129)
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana :				
Pelarasan nilai saksama hartanah pelaburan	-	(59,541,818)	-	-
Susut Nilai	60,134,174	50,279,090	59,099,314	49,338,790
Belanja Hutang Ragu	887,325	2,654,463	887,325	2,654,463
Pindahan antara kumpulanwang	-	-	-	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan	155,506	(439,344)	155,506	(439,344)
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(72,989)	(17,175)	(72,989)	(17,175)
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	2,950	4	2,950	4
Lebihan/(Kurangan) operasi sebelum perubahan modal kerja	40,323,291	47,794,913	29,377,562	38,334,609
Pertambahan dalam Penghutang	(5,503,244)	(4,288,259)	(5,495,058)	(3,091,287)
Pengurangan/(Pertambahan) dalam Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	(6,353)	5,528,073	(1,339)	5,539,216
Pengurangan/(Pertambahan) dalam Pendapatan Terakru	(21,409)	-	(61,580)	33,356
Pertambahan/(Pengurangan) dalam Pemuitang	(2,902,506)	(6,704,442)	(1,992,906)	(8,630,313)
Pertambahan dalam Manfaat Pekerja	1,038,995	114,804	1,038,995	114,804
Tunai daripada/(untuk) Aktiviti Operasi	32,928,774	42,445,089	22,865,674	32,300,385
Cukai Dibayar	(72,726)	(46,304)	-	-
Tunai Bersih daripada/(untuk) Aktiviti Operasi	32,856,048	42,398,785	22,865,674	32,300,385
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(50,885,746)	(24,561,989)	(50,876,064)	(19,066,002)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	73,521	17,531	73,521	17,531
Pembinaan dalam Kemajuan	(23,063,752)	(3,892,277)	(23,063,752)	(3,892,277)
Geran Tertunda	(13,587,438)	113,794,266	(13,587,438)	113,794,266
Tunai Bersih (untuk)/daripada Aktiviti Pelaburan	(87,463,415)	85,357,531	(87,453,733)	90,853,518
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran Pinjaman Berjangka	(8,317,145)	(5,555,354)	-	-
Tunai Bersih (untuk)/daripada Aktiviti Pembiayaan	(8,317,145)	(5,555,354)	-	-
Pertambahan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	(62,924,512)	122,200,962	(64,588,059)	123,153,903
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	340,316,463	218,115,501	333,631,090	210,477,187
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	277,391,951	340,316,463	269,043,031	333,631,090
25 Tunai dan Kesetaraan Tunai termasuk :				
Simpanan Tetap	262,377,614	322,186,898	258,110,000	317,025,000
Tunai di Tangan dan di Bank	15,014,337	18,129,565	10,933,031	16,606,090
